



JABATAN BOMBA DAN PENYELAMAT MALAYSIA
FIRE AND RESCUE DEPARTMENT OF MALAYSIA

LAPORAN TAHUNAN

ANNUAL REPORT

2014



"CEPAT DAN MESRA"

**SEDIA
MENYELAMAT
999**



JABATAN BOMBA DAN PENYELAMAT MALAYSIA
FIRE AND RESCUE DEPARTMENT MALAYSIA



KANDUNGAN *Contents*

- 4 PERUTUSAN YAS DATUK WIRA HJ. WAN MOHD NOR BIN HJ. IBRAHIM
KETUA PENGARAH JABATAN BOMBA DAN PENYELAMAT MALAYSIA
*Keynote From YAS Datuk Wira Hj. Wan Mohd Nor bin Hj. Ibrahim
Director General of Fire and Rescue Department of Malaysia*
- 13 PROFIL KORPORAT JABATAN BOMBA DAN PENYELAMAT MALAYSIA
Corporate Profile of Fire and Rescue Department of Malaysia
- 18 PENGURUSAN TERTINGGI JABATAN BOMBA DAN PENYELAMAT MALAYSIA
Top Management in Fire and Rescue Department of Malaysia
- 28 CARTA ORGANISASI JABATAN BOMBA DAN PENYELAMAT MALAYSIA
Organization Chart of Fire and Rescue Department of Malaysia



30	PENCAPAIAN <i>Achievements</i>
120	PEMBANGUNAN MODAL INSAN <i>Human Capital Development</i>
145	PENGIKTIRAFAN <i>Recognitions</i>
148	PROGRAM BAHAGIAN-BAHAGIAN <i>Programme by Divisions</i>
263	PROGRAM UTAMA JABATAN BOMBA DAN PENYELAMAT MALAYSIA <i>Main Programmes of Fire and Rescue Department of Malaysia</i>

PERUTUSAN KETUA PENGARAH KEYNOTE FROM DIRECTOR GENERAL



JABATAN BOMBA DAN PENYELAMAT MALAYSIA
Fire and Rescue Department of Malaysia

YAS DATUK WIRA HJ. WAN MOHD NOR BIN HJ. IBRAHIM
Ketua Pengarah
Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia
Director General
Fire and Rescue Department of Malaysia

Selamat Tahun Baru 2015

Selamat Tahun Baru 2015 saya ucapkan kepada seluruh rakyat Negara ini amnya dan seluruh warga JBPM khususnya termasuk Pasukan Bomba Sepenuh Masa, Pasukan Bomba Bantuan, Pasukan Bomba Sukarela, Pasukan Tindakan Kecemasan (ERT), Pasukan Bomba Pelabuhan, Pasukan Bomba Lapangan Terbang, Pasukan Kadet Bomba, Pasukan Kelab Keselamatan Kebakaran Kanak-kanak (Kelab 3K) dan kesemuanya yang merupakan keluarga besar pasukan keselamatan kebakaran termasuk juga kaum keluarga dan sahabat handai. Semoga tahun baru ini membawa keazaman yang baru dan juga sinar harapan yang baru untuk kita bersama-sama mengembeling tenaga dan berusaha lebih gigih lagi bagi meningkatkan penyampaian mutu perkhidmatan kepada rakyat.

Happy New Year 2015

Happy New Year 2015 I wish all the peoples of this country in general and in particular including all citizens FRDM Full Time Fire Team, Auxiliary Fire Team, Volunteer Fire Team, Emergency Response Team (ERT), Port Fire Team, Airport Fire Team, Fire Cadet Team, Fire Kids Safety Club (3K Club) and all of that is a large family fire safety team including family and friends. May the new year bring a new determination and a new ray of hopes for us to work together and make greater efforts to enhance the delivery of quality services to the people.



Tahun 2014 telah kita tinggalkan dengan seribu satu kenangan. Namun tahun baru 2015 tetap menjanjikan sinar dan harapan yang lebih tinggi. Walaupun cabaran dijangka akan semakin perit, namun dengan persiapan yang rapi dan keazaman yang tinggi serta semangat berpasukan yang kukuh, segala rintangan dan halangan ini, akan kita harungi bersama-sama sebagaimana yang telah kita lakukan pada masa-masa yang lepas.

2014 has left us with a thousand and one memories. But the new year 2015, guaranteed sunshine and higher expectations. While the challenges are expected to be increasingly tough, but with well preparation and high determination of strong team spirit, all obstacles and barriers will be overcome as what we have done in times past.

Peristiwa Besar Tahun 2014

Merengung kembali tahun 2014 yang telah kita lalui, banyak sekali peristiwa mencabar dan tidak diduga telah dialami oleh Negara kita dan telah kita lalui bersama. Antaranya ialah kehilangan pesawat MH 370 yang masih belum dijumpai sehingga ke saat ini. Kemudiannya diikuti pula dengan peristiwa malang yang berlaku kepada MH17 yang ditembak jatuh di Ukraine dan terkini peristiwa terhempasnya pesawat Air Asia Indonesia QZ8051 di Laut Jawa yang turut membabitkan negara kita. Walaupun secara fizikalnya kita tidak terlibat secara langsung dalam kerja-kerja menyelamat, namun hati dan jiwa kita tetap bersama-sama pasukan penyelamat yang sedang bertungkus lumus di lokasi-lokasi kemalangan manakala doa kita tetap bersama-sama mangsa dan harapan kita agar keluarga mangsa yang terlibat akan tabah menghadapi cabaran yang getir ini. Kita juga dilanda kemarau panjang pada pertengahan tahun lalu yang mencabar keringat dan logistik jabatan ke tahap maksimum. Tidak cukup dengan itu, pada penghujung tahun 2014 iaitu sekitar 18 Disember 2014 sehinggalah ke penghujung tahun, negara kita telah dikejutkan dengan satu peristiwa banjir besar yang terburuk yang pernah melanda negara, sehingga ada yang mengibaratkannya sebagai tsunami kecil. Sekali lagi keringat dan logistik anggota bomba dituntut untuk digunakan sepenuhnya bagi membantu mangsa yang ditimpa bencana alam ini.

Sekalung tahniah kita ucapkan kepada seluruh warga jabatan yang telah menunjukkan komitmen dan ketahanan diri yang tinggi dalam setiap tindakan walaupun menghadapi cabaran yang getir semasa menghadapi bencana yang disebutkan sebentar tadi. Sedikit pujian dan sanjungan yang telah diterima oleh jabatan dari pelbagai pihak yang memandangi tinggi sumbangan yang diberikan oleh warga jabatan.



Significant Events In 2014

Looking back in 2014 that we have gone through, our country had experienced a lot of challenges and unforeseen events. Among them were the loss of MH370 aircraft which has not been found until now. Then followed by the unfortunate events that occurred on the MH17 that shot down in Ukraine, and the latest event of Air Asia Indonesia plane QZ8051 crashed at Java Sea which also has involved our country. Although physically we are not directly involved in the rescue work, but our heart and soul is with the rescue team that was struggling in the locations of incidents and our prayers remained with the victims and we hoped that the families of those affected will cope with this daunting challenge. In the middle of last year, we were also hit by the drought that challenged our sweat and logistics departments to the maximum level. To make matters worse, at the end of 2014, around 18 December 2014 until the end of the year, our country had experienced and shocked by the worst floods ever as described like a small tsunami. Once again logistical and firefighters were fully deployed to help the victims of this natural disaster.

Congratulations to all our department personnel who has demonstrated commitment and high endurance in any actions despite encountered challenges during disasters mentioned a moment ago. The department had received lots of compliments and accolades from various parties high esteem to the department personnel contribution.

Pengajaran dari Kejadian 2014

Kejadian-kejadian bencana ini khususnya kemarau panjang dan banjir yang melanda Negara mengajar kita beberapa perkara; antaranya:-

i. Pengurusan Bencana Perlu Dikemaskini

JBPM amat menyokong saranan YAB PM dan YAB TPM untuk menyemak semula SOP Bencana yang sedia ada. Ini kerana dalam kejadian banjir besar yang melanda pada tahun ini khususnya di Negeri Kelantan, agensi terlibat dilihat telah bekerja secara berasingan dan tidak secara 'unified command'. Keadaan sebegini sudah tentu tidak produktif dan sumber-sumber yang ada tidak dapat digunakan dengan berkesan.

ii. Logistik

Kejadian bencana kemarau dan banjir besar yang melanda kali ini menyedarkan kita bahawa logistik yang ada hanya mampu menangani insiden pada skala yang kecil atau sederhana sahaja. Ini bermakna, kemampuan logistik jabatan perlu ditingkatkan lagi bagi menangani bencana pada skala yang lebih besar. Bot, lori, helikopter, genset dan telekomunikasi adalah antara aset-aset yang perlu ditambah bilangannya.

iii. Sumber Manusia

Sumber manusia yang ada di dalam jabatan pada masa ini amatlah terhad dan fokus kepada tugas harian yang biasa. Ia tidak memberi ruang yang cukup bagi menangani insiden-insiden yang besar atau bencana berskala besar. Justeru, jabatan akan memohon kepada pihak JPA untuk meneliti keperluan perjawatan balai-balai tertentu yang perlu ditambah bagi meningkatkan lagi kapasiti dan kemampuan.

iv. Komunikasi

Dalam kejadian bencana banjir, salah satu perkara yang pasti berlaku ialah bekalan elektrik akan terputus. Dengan itu, sistem komunikasi termasuk telefon bimbit dan *mobile radio* akan terjejas yang turut menjejaskan rangkaian perhubungan antara agensi-agensi terlibat. Penyelesaian kepada perkara ini akan membantu meningkatkan koordinasi intra dan inter agensi yang terlibat.

Lesson Learnt from The Events In 2014

Catastrophic events, especially droughts and floods that hit the country has taught us a few things; Among of them were: -

i. Keep an Updated Disaster Management

JBPM strongly supports the recommendations from YAB PM and YAB TPM to revise the existing Disaster SOP. This is because during the major floods incident this year, especially in the Kelantan State whereby the agencies involved seems working separately and not as a 'unified command'. Such a situation is certainly not productive and existing resources not effectively been used.

ii. Logistics

The drought and flood disasters which we have experienced this time, make us realized that the existing logistics are only capable to cope with the smaller or medium scale incident only. This means that the department needs to improve the logistics ability to cope with the larger scale disaster. Boats, trucks, helicopters, generators and telecommunications are among the assets that need to improve in numbers.

iii. Human Resources

Human resources at present limited and focused on the normal daily tasks. It does not give enough space to handle bigger and larger incidents. Thus, the department will apply to the JPA to scrutinize the staffing needs at certain stations be added to further enhance the capacity and ability.

iv. Communication

During flood disaster, one of the things that will happen is that the electricity supply will disconnected. Thus, the communication system affected including mobile phones and radio, which also affected the communication network between the agencies involved. The solution to this problem will greatly help to improve the intra or inter-agency coordination involved.

v. Kolaborasi

Di dalam sesuatu bencana, keadaan yang ingin dielakkan ialah suasana tidak terkawal atau tidak terurus atau dalam istilah bencana disebut "CHAOS". Pengurusan bencana yang baik akan mengelakkan suasana ini dan mampu memulihkan keadaan dengan cepat. Kolaborasi yang baik antara agensi-agensi terlibat dalam pengurusan bencana adalah salah satu intipati penting dalam meningkatkan keberkesanan operasi bencana. Agensi-agensi terlibat perlu lebih kerap duduk semeja bagi meningkatkan persefahaman di kalangan mereka.

Panggilan Kecemasan 2014 Mencatat Sejarah Tertinggi

Tahun 2014 juga mencatatkan sejarah tersendiri kepada JBPM dari segi panggilan kecemasan. Kita telah menerima dan menghadiri panggilan kecemasan tertinggi pernah direkodkan iaitu sebanyak 99,830 panggilan kecemasan berbanding 68,280 panggilan pada tahun lepas iaitu peningkatan sebanyak 46.2%. Daripada jumlah tersebut 54,540 adalah merupakan panggilan kebakaran dan 42,712 merupakan panggilan menyelamatkan serta 1,574 panggilan tugas-tugas khas.

Perubahan Yang Berlaku Dalam Jabatan Tahun 2014

Pada tahun 2014 beberapa perubahan telah berlaku dalam jabatan. Antaranya pada 4 Mei 2014, Pasukan Bomba Bantuan telah dilancarkan dengan rasminya oleh YAB Timbalan Perdana Menteri. Ekoran dari itu, seramai 441 orang Pegawai Bomba Bantuan telah dilantik. Satu kategori baru balai bomba telah diperkenalkan iaitu Balai Bomba Kategori D. Sembilan (9) buah balai bomba kategori ini telah berjaya disiapkan pada tahun lepas. Empat (4) telah mula beroperasi iaitu:

1. Balai Bomba dan Penyelamat Pontian Lama, Johor
2. BBP Tanjung, Kelantan
3. BBP Kuala Nerus, Terengganu
4. BBP Semenyih, Selangor

Manakala 5 buah lagi yang siap dipenghujung tahun 2014 akan mula beroperasi pada awal tahun ini iaitu:

1. BBP Air Tawar, Perak
2. BBP Simpang Empat, Perlis
3. BBP Kubang Kerian, Kelantan
4. BBP Padang Temu, Melaka
5. BBP Tatau, Sarawak

v. Collaboration

In a disaster, the unavoidable is the uncontrollable or unmanageable situation or in terms of disaster called "CHAOS". Good communication in disaster will avoid such atmosphere and is able to remedy the situation quickly. Good collaboration between agencies involved in disaster management is one of the essential ingredients in improving the effectiveness of disaster operations. Agencies involved need to sit down together more often to enhance mutual understanding among them.

Emergency Call in 2014 Has Recorded Highest In History

Year 2014 also had its own history to FRDM terms of an emergency call. We have received and attended a historical record of emergency call amounted to 99,830 calls compared to 68,280 emergency calls last year, an increasing of 46.2%. Of these 54,540 were the fire calls and 42,712 were rescuing calls and 1,574 were calls for special tasks.

Events in the Department of 2014

In 2014, several changes have taken place in the department. On 4th May 2014, the Deputy Prime Minister officially launched an Auxiliary Fire Station. 441 persons have been appointed to Auxiliary Fire Officer. A new category of fire stations has been introduced, namely Fire Station Category D. Nine (9) units of fire stations were successfully completed last year. Four (4) of them have been commissioned, namely:

1. BBP Pontian Lama, Johor
2. BBP Tanjung, Kelantan
3. BBP Kuala Nerus, Terengganu
4. BBP Semenyih, Selangor

While five more were accomplished by end of the year in 2014 and will start operating at the beginning of this year:

1. BBP Air Tawar, Perak
2. BBP Simpang Empat, Perlis
3. BBP Kubang Kerian, Kelantan
4. BBP Padang Temu, Melaka
5. BBP Tatau, Sarawak

Pegawai Bomba Bantuan juga telah digunakan bagi menaikkan taraf balai bomba yang bertugas secara syif 24 jam kepada syif 12 jam. Sebanyak 37 buah balai dari keseluruhan 76 buah balai 24 jam telah berjaya dinaiktaraf. Manakala baki 39 buah balai lagi akan dinaiktaraf pada tahun ini. Dengan itu tiada lagi balai bomba yang mengamalkan syif 24 jam pada penghujung tahun ini.

Satu lagi kejayaan yang berlaku dalam tahun 2014 adalah termeterinya perjanjian *landswap* di antara Jabatan dengan sebuah syarikat pembangunan hartanah tempatan. Di bawah perjanjian ini, sebidang tanah bomba telah ditukarganti dengan mendapat 4 buah balai bomba kategori C yang baru iaitu di Teluk Panglima Garang, Kuala Selangor dan Meru, Selangor serta di Aman Jaya, Sungai Petani, Kedah. Di samping itu, syarikat berkenaan juga akan membina sebuah Bengkel Kejuruteraan bagi JBPM Kuala Lumpur yang terletak di Bandar Baru Kinrara, Puchong. Pada tahun 2014 juga sebanyak sebuah (1) balai bomba baru Kategori C telah siap dibina dan beroperasi.

Satu lagi perkembangan penting yang berlaku pada tahun 2014 ialah apabila jabatan telah diberikan kelulusan oleh kerajaan bagi membayar elaun tanggungjawab memandu kepada pemandu jentera bomba dan pemandu EMRS. Elaun ini telah lama dituntut oleh Jabatan dan akhirnya telah mendapat kelulusan pihak JPA pada penghujung tahun lepas. Dengan adanya elaun ini Jabatan akan menubuhkan satu pasukan khas yang dinamakan Pasukan Pengendali Jentera Bomba. Pegawai-pegawai yang terpilih dikehendaki menjalani latihan-latihan khusus bagi memandu dan mengendalikan jentera bomba dengan sebaiknya.

Ini kerana pemanduan dan pengendalian jentera bomba adalah unik dan berbeza dengan pengendalian dan pemanduan jentera-jentera biasa yang lain. Ia dinamakan Emergency Vehicle Driving Technique (EVD) yang memerlukan kecekapan, kepakaran serta tindak balas yang cepat semasa memandu. Selain dari itu pasukan ini juga bertanggungjawab menjaga dan menyelia semua aset-aset yang terdapat di dalam jentera bomba.

Penekanan Kepada Integriti

Unit Integriti yang telah diamanahkan untuk mengambil tanggungjawab yang serius terhadap usaha mempertingkatkan moral dan etika pegawai di Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia, walaupun baru ditubuhkan kira-kira setahun yang lalu, unit ini telah bertindak agresif demi memastikan Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia sentiasa berada satu langkah ke hadapan dalam aspek integriti.

Auxiliary Fire Officer has also been used to upgrade on duty fire stations in shifts of 24 hours of 12 hours shifts. A total of 37 stations of the 76 stations of 24 hours have been successfully upgraded. While the remaining 39 stations will be upgraded this year. There was thus no longer practicing of fire stations with 24 hours shifts at the end of this year.

Another milestone occurred in 2014 was the signing of land swap agreement between the Department with a local real estate development company. Under the agreement, the land was exchanged with 4 fire stations category C in Teluk Panglima Garang, Kuala Selangor and Meru, Selangor also in Aman Jaya, Sungai Petani, Kedah. In addition, the company will also build an engineering workshop for FRDM Kuala Lumpur located in Bandar Baru Kinrara, Puchong. In year 2014 as well, one (1) of the new category C fire station completed and in operation.

Another significant development that occurred in 2014 was when the department has been granted approval for the government to pay allowances to the driver's who has the responsibility to drive fire engines and drivers for EMRS. This allowance has been claimed by the Department and eventually was approved by the JPA at the end of last year. Given this allowance, the Department will set up a special team called the Fire Vehicles Drivers Team. The elected officers will be required to undergo special training to drive and operate fire engines properly.

The driving and handling of fire engines are unique and different from the control and drive mechanisms of other ordinary vehicles. It is called the Emergency Vehicle Driving Technique (EVD) that requires competence, expertise and rapid response while driving. Apart from that, the team is also responsible for maintaining and supervising all assets contained in the fire engine.

To Enhance Integrity

Integrity Unit, which has been entrusted to take serious responsibility for efforts to enhance the moral and ethics of the officers in Fire and Rescue Department of Malaysia. Although newly established about a year ago, the unit has acted aggressively to ensure the Fire and Rescue Department of Malaysia has always been one step ahead in terms of integrity.

Ini dapat dilihat apabila Lembaga Tatatertib JBPM di peringkat ibu pejabat dan negeri telah bersidang sebanyak 56 kali sepanjang tahun 2014, mengendalikan dan memutuskan sebanyak 137 kes tatatertib, berbanding 88 kes pada tahun 2013.

Daripada jumlah itu, 33 pegawai telah dibuang kerja, menyaksikan penurunan 8 kes berbanding 41 kes pada tahun 2013. Ini merupakan impak secara langsung kepada kesungguhan pengurusan tertinggi jabatan dan Urus Setia Lembaga Tatatertib di Ibu Pejabat dan JBPM Negeri untuk membetulkan yang biasa dan membiasakan yang betul di kalangan pegawai bomba.

Penyiasatan Kebakaran

Pada tahun 2014, bidang penyiasatan kebakaran telah menunjukkan perkembangan dan peningkatan prestasi yang amat memberangsangkan. Kualiti pegawai-pegawai penyiasatan dalam menentukan punca kebakaran telah berjaya ditingkatkan. Perkara ini terbukti apabila peratusan punca kebakaran yang tidak diketahui telah menurun kepada hanya 0.22% daripada keseluruhan 6,598 kes kebakaran struktur yang telah disiasat pada tahun 2014. Pada tahun lepas juga, peratusan kes yang berpunca dari sengaja dibakar (*incendiary fire*) telah berkurangan kepada 5.5% berbanding 9% pada tahun 2013.

Perancangan Tahun 2015 dan Seterusnya

Melihat ke hadapan pada tahun 2015 dan seterusnya, jabatan telah membuat beberapa perancangan. Fokus akan terus diberi bagi memperbaiki lagi *response time* ke tempat-tempat kecemasan di seluruh Negara. Pada masa ini hanya 60% daripada panggilan kecemasan berjaya dihadiri oleh pasukan bomba dalam tempoh 10 minit. Jabatan mensasarkan peratusan ini dapat ditingkatkan kepada 80% dalam tempoh terdekat.

Di antara langkah yang diambil ke arah itu ialah dengan membina lebih banyak balai bomba menggunakan kaedah *fast track*. Untuk itu, Jabatan merancang untuk membina lebih kurang 140 buah balai bomba baru dalam tempoh 6 tahun akan datang iaitu sehingga tahun 2020. Kebanyakan daripada balai-balai ini akan menggunakan perjawatan Pegawai Bomba Bantuan. Dengan terbinanya balai-balai bomba ini, bilangan balai bomba di seluruh Negara yang pada masa ini berjumlah sebanyak 274 buah akan menjadi 414 buah menjelang 2020.

This was proven when the FRDM Disciplinary Board in head quarters and the states have met 56 times for year 2014, was handling and has decided 137 disciplinary cases compared to 88 cases in 2013.

Of the total, 33 officers have been dismissed, it has shown a decrease in cases of 8 cases compared to 41 cases of 2013. This was the direct impact on the department's top management commitment and Disciplinary Board Secretariat at Headquarters and the State Fire and Rescue Department to rectify the wrong norms and to norms the right attitude among fire officers.

Fire Investigation

In 2014, the field of fire investigation has shown progress and improvement in performance. The quality of the investigation officers in determining the cause of the fire has been successfully upgraded. This was evidenced by the percentage of the unknown cause of the fire has decreased to only 0.22% of the total 6,598 structure fires that were investigated in 2014. Last year, the percentage of cases stemming from accidentally burned (incendiary fire) was reduced to 5.5% compared to 9% in 2013.

Plan in Year 2015 and beyond

Looking forward in 2015 and beyond, the department has made several plans. The focus will continue to be given to further improve the response time for emergency sites across the country. At present only 60% of emergencies calls attended by fire station managed within 10 minutes. The Department was targeting this percentage can be increased to 80% in the near term.

Among the steps that were taken was to build more fire stations using the fast track method. To that end, the Department has planned to build approximately 140 new fire stations within the next 6 years, up to 2020. The stations will occupy an auxiliary fire officer posts. With the construction of new fire stations, the number of fire stations throughout the country that was currently amounting to a total of 274 units will become 414 units by 2020.

Memperkuhkan Pasukan Bomba Sukarela (PBS)

Pada tahun ini juga, jabatan memberi fokus untuk menambah baik lagi pengurusan Pasukan Bomba Sukarela di seluruh Negara. Jabatan akan mencadangkan supaya Akta Bomba 1988 [Akta 341] dipinda dengan memasukkan peruntukan bagi membolehkan Pasukan Bomba Sukarela didaftarkan di bawah akta ini, dan tidak lagi perlu berdaftar di bawah Akta Pertubuhan. Dengan itu pengawalseliaan yang lebih rapi dan fokus akan dapat diberikan bagi memastikan Pasukan Bomba Sukarela berfungsi dengan baik khususnya menjadi *first responder* yang pertama sampai ke tempat kecemasan dan mampu menjalankan operasi bagi mengawal dan memadamkan kebakaran serta aktiviti-aktiviti menyelamat. Dengan bilangan pasukan pada masa ini sebanyak 337 pasukan beroperasi dengan baik sepertimana sebuah balai bomba, menjadikan bilangan balai bomba di seluruh Negara, setelah ditambah dengan balai bomba sepenuh masa dan balai bomba bantuan kepada sebanyak 781 buah. Dengan bilangan ini *response time* jabatan ke mana-mana tempat kecemasan di seluruh pelusuk tanah air akan dapat dikurangkan.

Pembangunan Latihan dan Modal Insan

Bagi tahun 2015, JBPM akan terus memberi penekanan kepada program latihan dan pembangunan modal insan khususnya pementapan pengetahuan, kemahiran dan kapasiti kakitangan dalam bidang *core business*, agar mutu penyampaian perkhidmatan kebombaanan kepada rakyat akan lebih memberi impak yang tinggi. Selain daripada itu, usaha latihan akan diteruskan bagi meningkatkan kesedaran keselamatan komuniti dan penglibatan rakyat dalam pengurusan bencana dan insiden kecemasan melalui program latihan berterusan Pasukan Tindakan Kecemasan Bangunan (ERT), Pasukan Bomba Sukarela (PBS) dan Pasukan Bomba Bantuan (PBB). Konsep keselamatan kebakaran secara menyeluruh (*Total Fire Safety Concept*) akan diberi keutamaan dalam program-program latihan. Sejumlah RM19.153 juta akan diperuntukkan bagi melaksanakan sebanyak 877 program latihan dan kursus pada tahun 2015. Selain itu, di atas kejayaan penganjuran International Fire Conference and Exhibition Malaysia (IFCEM) pada tahun 2012 yang mana telah menarik lebih 1,000 profesional dan peserta daripada 35 buah Negara, Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia sekali lagi akan menganjurkan persidangan kebombaanan dan keselamatan IFCEM tahun 2015 yang akan diadakan pada 5 hingga 7 Mei 2015 nanti. Ianya akan menjadi platform yang terbaik untuk membincangkan dengan mendalam isu, cabaran dan pembangunan bidang keselamatan kebakaran, kebombaanan dan pengurusan bencana di rantau ini dan juga dunia.

Strengthening the Voluntary Fire Team (PBS)

This year, the department focused on improving the management of the Voluntary Fire Team throughout the country. The Department will propose that the Fire Service Act 1988 (Act 341) is amended to include provisions to enable the Volunteer Fire Team registered under this act, and no longer need to be registered under the Societies Act. With the more rigorous regulation and focus will be given to ensure the Volunteer Fire Team works well especially as first responder who first arrives to the incidents and be able to carry out operations to control and extinguish the fire and rescue activities. With the number of teams at this time of 337 teams operating as same in a fire station, bringing the number of fire stations throughout the country, after adding with a full-time fire station and volunteer fire station as many as 781 stations. With this number, the department's response time for the emergencies incidents anywhere around the country shall be reduced.

Human Capital and Training Development

For the year of 2015, FRDM will continue to focus on training and human capital development, particularly the strengthening of knowledge, skills and capacity of staff in the areas of core business, so the quality of service delivery to the people will be made with high impact. In addition, training efforts will be continued to improve community safety awareness and involvement of citizens in the management of disasters and emergency incidents through ongoing training programme Building Emergency Response Team (ERT), Voluntary Fire Team (PBS) and Auxiliary Fire Team (PBB). A comprehensive fire safety concept (Total Fire Safety Concept) will be given priority in training programmes. A total of RM 19,153 million will be allocated for the implementation of 877 courses and training programs in 2015. In addition, the success of the International Fire Conference and Exhibition Malaysia (IFCEM) in 2012 which has attracted more than 1,000 professionals and participants from 35 countries, Fire and Rescue Department of Malaysia will once again be organizing the conferences and fire safety IFCEM 2015 to be held on 5th to 7th May 2015. It will be the best platform to discuss in depth the issues, challenges and the development of fire safety, fire-fighting and disaster management in the region and the world.

Ke Arah Mengelakkan Kehilangan Nyawa Dalam Kebakaran

Hampir 100% kematian akibat kebakaran berlaku dirumah. Kebanyakan mangsa terdiri dari orang tua-tua, kanak-kanak dan golongan orang kelainan upaya (OKU). Hasil kajian yang dibuat di Amerika Syarikat mendapati pemasangan alat pengesan asap telah berjaya mengurangkan kematian sehingga 50%. Bermula tahun ini, jabatan akan mempergiatkan kempen untuk menggalakkan pemasangan *smoke detector* di rumah-rumah bagi memberi amaran segera apabila berlaku kebakaran.

Pelaksanaan Bomba Komuniti

Program Bomba Komuniti adalah satu pendekatan baru yang diambil oleh JBPM bagi mendekati masyarakat untuk menyampaikan mesej keselamatan kebakaran dengan lebih berkesan. Pada tahun 2014, sebanyak 7 buah pasukan Bomba Komuniti telah ditubuhkan dengan keahlian seramai 161 orang. Program ini akan ditingkatkan lagi pada tahun ini. JBPM melihat bahawa Pasukan Bomba Komuniti boleh memainkan peranan yang besar, bukan sahaja semasa kebakaran tetapi juga semasa kejadian bencana seperti yang baru berlaku baru-baru ini. Pasukan ini yang merupakan ahli komuniti setempat akan digerakkan bagi membantu dalam kerja-kerja menyelamatkan dan bantuan kepada mangsa semasa dan sesudah banjir.

Meningkatkan Keupayaan Logistik

Jabatan juga akan menambah peralatan dan keperluan operasi bagi memastikan tahap kesiapsiagaan Jabatan berada pada tahap yang lebih baik lagi pada tahun-tahun hadapan. Penilaian terhadap kemampuan logistik jabatan, semasa melalui dua bencana besar yang berlaku tahun lepas iaitu kemarau panjang dan banjir besar, menunjukkan bahawa perlu beberapa kelengkapan ditambah. Ini termasuklah keperluan helikopter penyelamat, bot, lori dan jentera khas seperti *Turn Table Ladder*, *Fire Rescue Tender* dan sebagainya.

Memandangkan tahun ini merupakan tahun terakhir RMK-10 dan tahun hadapan akan bermula RMK-11, jabatan tidak akan melepaskan peluang untuk memohon penambahan jentera dan peralatan bagi membolehkan jabatan menjayakan setiap misi yang dilaksanakan. Ini sesuai dengan kepesatan negara bergerak menuju negara maju yang akan berlaku tidak lama lagi.

Towards Preventing Loss of Life In Fire Incidents

Almost 100% of fire deaths occurred at home. Most of the victims were elderly people, children and young people with disabilities (PWDs). The results of a survey conducted in the U.S. have found that the installation of smoke detectors had managed to reduce mortality by up to 50%. Starting this year, the department will intensify its campaign to promote the installation of smoke detector in homes for immediate warning in the event of fire.

Implementation of Community Fire Team

Community Fire Team Programme was a new approach taken by FRDM to outreach the community in conveying the message of fire safety more effectively. In 2014, a total of 7 Community Fire Team was formed into a membership of 161 peoples. This programme will be enhanced further this year. FRDM has seen that the Community Fire Team can play a major role, not only during fires but also during disasters such as the recent incidents. The team that was members of the local communities will be mobilized to help in rescue work and assistance the victims during and after the flood.

Improving Logistics Capabilities

The Department will be adding equipment and operational requirements to ensure that the level of preparedness is at a better level in the years ahead. An assessment of the ability of the logistics department at the time, with two major disasters that occurred last year's drought and flood, has showed that FRDM need to add some equipment. These include the need of rescue helicopters, boats, trucks and specialized machinery such as Turn Table Ladder, Fire Rescue Tender and others.

Given that this year was the final year of RMK-10, the next year will begin RMK-11, the department shall not miss the opportunity to apply for additional fire engines and equipment to enable the success of the department in executing of every mission. This was consistent with the rapid move towards the developed countries that will happen soon.

Perlunya Semangat Berpasukan (Teamwork) Dikukuhkan

Merengung kepada cabaran yang mendatang, semangat kerjasama dan kesefahaman atau "teamwork" di kalangan setiap pegawai di dalam jabatan, adalah merupakan resipi yang amat penting bagi mencapai kejayaan. Adalah amat benar sekali peribahasa kita yang mengatakan rosak susu sebelanga dek nila yang setitik. Seekor kerbau membawa lumpur, semuanya terpalit. Peribahasa Inggeris pula mengatakan dik sebiji epal yang rosak, epal sebakul terpaksa dibuang. Apa yang dimaksudkan di sini ialah, tak perlu ramai, ada satu orang sahaja di kalangan kita yang tak sehaluan, akan rosaklah jabatan kita. Ini bermakna semua orang penting. Kesemua 14,085 warga JBPM memainkan peranan penting untuk menjayakan pasukan. Tidak ada yang terkecuali.

Ingatlah, sikap yang baik di kalangan kita, belum tentu menjanjikan kejayaan, tetapi adanya sikap buruk di kalangan kita, sudah pasti, akan membawa kemusnahan. Kebanyakan sikap yang buruk, bermula dari sikap mementingkan diri sendiri. Oleh itu tak perlu kita menuding jari kepada sesiapa, periksalah sikap masing-masing. Buangkanlah sikap mementingkan diri. Tanamkan sikap mementingkan pasukan. Kita akan menjadi seorang *team player* yang baik yang akan membawa kejayaan kepada pasukan.

Penutup

Sebagai penutupnya saya ingin mengingatkan kepada semua pegawai dan kakitangan JBPM untuk terus bekerja keras bersama-sama demi untuk mencapai matlamat yang disasarkan dan bersama-sama mencipta masa hadapan jabatan yang lebih cemerlang.

Akhir sekali saya berpesan kepada semua warga jabatan ini, marilah kita bersama-sama menanam azam sempena tahun baru ini untuk mendokong dan menjayakan semua agenda negara yang tercinta serta menempa kejayaan yang lebih besar. Marilah kita sama-sama berdoa semoga segala usaha murni kita untuk memartabatkan Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia ke arah sebuah organisasi berprestasi tinggi diberkati dan mencapai matlamatnya.

Sekian, Wabillahitaufik Walhidayah Wassalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh. Terima kasih.

YAS DATUK WIRA HJ. WAN MOHD NOR BIN HJ. IBRAHIM

Ketua Pengarah
Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia

The Importance of Strengthened Teamwork (Teamwork)

In contemplating the forthcoming challenges, the spirit of cooperation and understanding or "teamwork" among all staffs in the department, is an important recipe for success. It was an English proverb saying that a rotten apple spoils the barrel. It was meant that, needless to many, even only one person had done bad the whole department will bear the damage. This means that everyone is important. All of the 14,085 people in FRDM play a key role in the success of the team. Nothing is spared.

Remember, a good attitude to us, not necessarily guarantees a success, but their bad attitudes among us, of course, will lead to destruction. Most of the bad attitude, starting from selfishness. Therefore we need not point fingers at anyone, check their attitude. Throw selfishness. Embed selfishness team. We will be a good team player who will bring success to the team.

Conclusion

In conclusion I would like to remind all officers and staffs of the Fire and Rescue Department of Malaysia to work hard and together continuously in order to achieve the targeted goals and jointly to create the department's future more excellent.

Finally I would like to remind all members of the department, let us be together plant a new year resolution to support and ensure the success of all our beloved country's agenda and forge for greater success. Let us all pray that all our efforts shall uphold the Fire and Rescue Department of Malaysia towards a high performance organization is blessed and achieve its goals.

Wabillahitaufik Walhidayah Wassalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh. Thank You.

YAS DATUK WIRA HJ. WAN MOHD NOR BIN HJ. IBRAHIM

*Director General
Fire and Rescue Department of Malaysia*

PROFIL KORPORAT

CORPORATE PROFILE

LATARBELAKANG JABATAN BOMBA DAN PENYELAMAT MALAYSIA

Background Information of Fire and Rescue Department of Malaysia



"CEPAT DAN MESRA"



PENGENALAN ORGANISASI

Perkhidmatan Bomba di Malaysia bermula pada tahun 1883 dengan penubuhan Bomba Sukarela Negeri Selangor yang diketuai oleh H.F Bellamy bersama-sama 15 anggota. Pasukan ini yang diletakkan di bawah Lembaga Kebersihan, yang kemudiannya menjadi Pasukan Bomba dan Penyelamat Tetap pada tahun 1895. Perkhidmatan terus berkembang di setiap negeri dan diletakkan dibawah Majlis Perbandaran atau Lembaga Luar Bandar. Pada tahun 1946, iaitu selepas Perang Dunia Kedua, pasukan 'Malayan Union Services' (MUS) telah ditubuhkan dengan Flight Lt. W.J Gerumandi sebagai 'Director of Malayan Union Fire Services'. MUS beribu pejabat di Kuala Lumpur.

Melalui perjanjian Persekutuan Tanah Melayu, Perkhidmatan Bomba diserahkan kembali kepada Kerajaan-kerajaan Negeri dibawah pentadbiran Lembaga Bandaran dan Lembaga Luar Bandar mengikut negeri. Untuk menyelaraskan perkhidmatan ini, maka sebuah jemaah Lembaga Perkhidmatan Bomba ditubuhkan pada tahun 1952 dibawah Kementerian Pembangunan dan Kerajaan Tempatan.

INTRODUCTION TO THE ORGANIZATION

Fire and rescue Services in Malaysia begins in 1883 with the establishment of volunteer fire brigade in Selangor with 15 members lead by H.F Bellemy. The force was under the Sanitary Board, which was later became a full fledge fire brigade in 1895. The services expended to each state and was placed under Municipal Council or Rural Board. In 1946, Malayan Union fire Service was established with Flight Lt. W.J Gerumandi Director of Malayan Union Fire Services with its headquarters in Kuala Lumpur.

Through the agreement of Federation of Malay State, the administration of fire services was handed over to the state government under the administration of its Municipal Council and Rural Board. In 1952, Fire Services Board was established under ministry of Development and Local Government.



Perkhidmatan Bomba di negeri-negeri disatukan sebagai sebuah Jabatan diperingkat persekutuan pada 1hb Januari 1976. Penyatuan ini meletakkan Jabatan Perkhidmatan Bomba Malaysia dibawah Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan. Ini diikuti oleh perkhidmatan Bomba Pulau Pinang, Kuala Lumpur dan Melaka pada 1hb Januari 1977. Pada 15hb Mei 1981, perkhidmatan Bomba Sabah dan Sarawak telah disatukan.

Pada 8hb Januari 1997, Jemaah Menteri telah bersetuju dengan perubahan nama Jabatan Perkhidmatan Bomba Malaysia kepada Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia. YAB Perdana Menteri Malaysia dengan rasminya telah mengumumkan dan melancarkan pertukaran nama, logo dan bendera Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia di Genting Highlands pada 21hb Februari 1997.

On 1st January 1976, State fire services were consolidated under 1 department at Federal Level. The consolidation placed the Fire Service Malaysia under the administration of Ministry of housing and local government. Fire services of Kuala Lumpur, Penang and Melaka were consolidated under the federal government on 1st January 1977 followed by Sabah and Sarawak on 15th May 1981.

On 8th January 1997, the cabinet minister agreed to the name changed of the fire services department to Fire and Rescue Department of Malaysia. The Prime Minister, officially announced and launched the name, logo and flag of Fire and Rescue Department of Malaysia in Genting Highland on 21st February 1997.



VISI *Vision*

Menjadi sebuah organisasi kebombaan dan penyelamatan yang berprestasi tinggi.
To become a high performance organisation of fire and rescue.

MISI *Mission*

Memberi perkhidmatan kebombaan dan penyelamatan yang profesional bagi menyelamatkan nyawa dan harta benda.
To provide professional fire and rescue services in saving lives and properties.

MOTO *Motto*

“CEPAT DAN MESRA”
“FAST AND FRIENDLY”

NILAI TERAS *Core Value*

1. Berani *(Valour)*;
2. Suka Menolong Orang *(Caring)*;
3. Tidak Mementingkan Diri Sendiri *(Selflessness)*;
4. Sabar *(Patience)*; dan/ *and*
5. Tidak Berputus Asa *(Persistence)*.

PERANAN *Role*

Objektif dan Fungsi JBPM dengan jelas dinyatakan di bawah Seksyen 5 (1) & (2) Akta 341
The objectives and functions of FRDM are as clearly stated under Section 5 (1) & (2), Act 341



PUNCA KUASA UTAMA

Authoritative Power



1. Perlembagaan Persekutuan Malaysia – Jadual Kesembilan, Perkara 26 (Senarai Bersama); *Malaysian Federal Constitution- Schedule Nine, Item 26 (Concurrent List);*
2. Akta Perkhidmatan Bomba 1988 (Akta 341); dan *Fire Services Act 1988 (Act 341); and*
3. Undang-Undang Kecil Bangunan Seragam 1984 (UKBS). *Uniform Building By-laws 1984.*

STAKEHOLDER

Stakeholder



1. Jemaah Menteri; *Cabinet Minister;*
2. Exco Negeri; *State Exco;*
3. YB Menteri; *Ministers;*
4. YB Timbalan Menteri; *Deputy Ministers;*
5. Ketua Setiausaha, dan *Secretary Generals, and*
6. Ahli Pasca Kabinet. *Post Cabinet Members.*

PELANGGAN

Client



1. Sektor Awam; *Public sectors;*
2. Sektor Swasta; *Private sectors;*
3. Badan-Badan Bukan Kerajaan; *Non-governmental organization;*
4. Badan-Badan Profesional; *Professional Bodies;*
5. Pertubuhan Antarabangsa; dan *International Organisation and*
6. Orang Awam. *The Public.*

PELAN STRATEGIK JABATAN

Organisation Strategic Plan

Strategi Utama / *Main Strategy*

Memperkasakan Perkhidmatan Kebombaan dan Penyelamatan untuk Kesejahteraan Kualiti Hidup Masyarakat.

Empowering the Fire and Rescue Services for the Quality Wellness of Community Life.

Strategi 1 / *Strategy 1*

Memastikan rakyat mendapat perkhidmatan kebombaan dan penyelamatan yang berkesan.

To ensure the public is getting an effective fire and rescue services.

Strategi 2 / *Strategy 2*

Mengamalkan Budaya Pencegahan dan Keselamatan Kebakaran.

To practice the culture of fire safety and fire prevention.

Strategi 3 / *Strategy 3*

Memberikan perkhidmatan sokongan yang efektif bagi menjayakan strategi 1 dan 2.

To provide effective supporting role for the success of strategy 1 and 2.



PENGURUSAN TERTINGGI JBPM

TOP OFFICERS IN FRDM



YAS DATUK WIRA HJ. WAN MOHD NOR
BIN HJ. IBRAHIM

KETUA PENGARAH
Director General

JABATAN BOMBA DAN PENYELAMAT MALAYSIA
Fire and Rescue Department of Malaysia
JUSA 'A' JUSA 'A'



**YAS DATO' HJ. AMER BIN
HJ. YUSOF**

TIMBALAN KETUA PENGARAH (PEMBANGUNAN)
Deputy Director General (Development)

JABATAN BOMBA DAN PENYELAMAT MALAYSIA
Fire and Rescue Department of Malaysia
JUSA 'C' JUSA 'C'

YAS DATO' MAHADI BIN MD ALI

TIMBALAN KETUA PENGARAH (OPERASI)
Deputy Director General (Operations)

JABATAN BOMBA DAN PENYELAMAT MALAYSIA
Fire and Rescue Department of Malaysia
JUSA 'B' JUSA 'B'





YS TPjB DATO' RUSMANI BIN MUHAMAD

PENOLONG KETUA PENGARAH
Assistant Director General

Bahagian Keselamatan Kebakaran
Fire Safety Division
JUSA 'C' JUSA 'C'



YS PKPjB MOHAMMAD HAMDAN BIN HJ. WAHID

PENOLONG KETUA PENGARAH
Assistant Director General

Bahagian Latihan
Training Division
KB54 KB54

YS TPjB DATO' SOIMAN BIN JAHID

PENOLONG KETUA PENGARAH
Assistant Director General

Bahagian Operasi Kebommbaan dan Penyelamat
Fire and Rescue Operations Division
JUSA 'C' JUSA 'C'



YS PKPjB HJ. ZURKARNAIN BIN MOHD KASSIM

PENOLONG KETUA PENGARAH
Assistant Director General

Bahagian Perancangan dan Penyelidikan
Planning and Research Division
KB54 KB54





**YS PKPjB EDWIN GALAN
TERUKI**

PENOLONG KETUA PENGARAH
Assistant Director General

Bahagian Penyiasatan Kebakaran
Fire Investigation Division
KB54 KB54



**YS PKPjB DATO' YUSOF BIN
SIDEK**

PENOLONG KETUA PENGARAH
Assistant Director General

Bahagian Pembangunan
Development Division
KB54 KB54

**YS PKPjB MOHD. YUNOS BIN
ABU HASSAN**

PENOLONG KETUA PENGARAH
Assistant Director General

Bahagian Udara
Air Division
KB54 KB54



**PPjB SITI ROHANI BINTI
NADIR**

PENOLONG KETUA PENGARAH
Assistant Director General

Bahagian Pengurusan Korporat
Corporate Management Division
KB52 KB52





TN. RAMLI BIN JUSOH

PENGARAH
Director

Bahagian Pengurusan
Management Division
M54 M54



**YS PKPjB OTHMAN BIN
ABDULLAH**

PENGARAH
Director

JBPM Negeri Selangor
Selangor FRDM
KB54 KB54

**TN. HJ. NOR AZMI BIN
MOHD JAMAL**

PENGARAH
Director

Bahagian Kejuruteraan Jentera
Engineering Division
J52 J52



**YS PKPjB KHIRUDIN BIN
DRAHMAN @ HUSAINI**

PENGARAH
Director

JBPM Kuala Lumpur
Kuala Lumpur FRDM
KB54 KB54





**YS PKPjB DATO' AB. GHANI
BIN DAUD**

PENGARAH
Director

JBPM Negeri Johor
Johor FRDM
KB54 KB54



**YS PKPjB HJ. AZMI BIN
TAMAT**

PENGARAH
Director

JBPM Pulau Pinang
Pulau Pinang FRDM
KB54 KB54

**YS PKPjB DATO' ABDUL WAHAB
BIN HJ. MAT YASIN**

PENGARAH
Director

JBPM Negeri Pahang
Pahang FRDM
KB54 KB54



**YS PKPjB AHMAD BIN
SHAHABUDDIN**

PENGARAH
Director

JBPM Negeri Kedah
Kedah FRDM
KB54 KB54





YS PKPjB HJ. YAHAYA BIN
HJ. MADIS

PENGARAH
Director

JBPM Negeri Perak
Perak FRDM
KB54 KB54



YS PKPjB NOR HISHAM BIN
MOHAMMAD

PENGARAH
Director

JBPM Negeri Sarawak
Sarawak FRDM
KB54 KB54

YS PKPjB HJ. NORDIN BIN
PAUZI

PENGARAH
Director

JBPM Negeri Sabah
Sabah FRDM
KB54 KB54



YS PPjB AZMI BIN
OSMAN

PENGARAH
Director

JBPM Negeri Kelantan
Kelantan FRDM
KB52 KB52





YS PPjB MD. SALLEH BIN SARBINI

PENGARAH
Director

JBPM Negeri Terengganu
Terengganu FRDM
KB52 KB52



YS PPjB NAZILI BIN HJ. MAHMOOD

PENGARAH
Director

JBPM Negeri Melaka
Melaka FRDM
KB52 KB52

YS PPjB NORAZAM BIN KHAMIS

PENGARAH
Director

JBPM Negeri Sembilan
Negeri Sembilan FRDM
KB52 KB52



YS PgKB I MOHD FADZIL BIN HAROON

PENGARAH
Director

JBPM Negeri Perlis
Perlis FRDM
KB48 KB48





YS PgKB I JAINAL@ZAINAL
BIN MADASIN

PENGARAH
Director

JBPM Labuan
Kedah FRDM
KB48 KB48



PPjB NORIZAN BIN
HJ. SULAIMAN

KETUA
Head

Unit Integriti
Integriti Unit
KB52 KB52

YS PgKB I MD. HILMAN BIN
ABD. RASHID

PENGARAH
Director



JBPM Putrajaya
Putrajaya FRDM
KB48 KB48






CARTA ORGANISASI JABATAN BOMBA DAN PENYELAMAT MALAYSIA

Organisation Chart of Fire and Rescue Department of Malaysia







JABATAN BOMBA DAN PENYELAMAT MALAYSIA
FIRE AND RESCUE DEPARTMENT MALAYSIA

PENCAPAIAN

Achievements

OPERASI KEBOMBAAN DAN PENYELAMAT

Fire and Rescue Operations



ANALISA PERANGKAAAN KEBAKARAN, MENYELAMAT DAN TUGAS-TUGAS KHAS YANG DIHADIRI OLEH JABATAN BOMBA DAN PENYELAMAT MALAYSIA BAGI TAHUN 2014

Statistical Analysis of Fire, Rescue and Special Duties Attended by Fire and Rescue Department Malaysia In Year 2014

PENDAHULUAN

Tahun 2014 merupakan tahun yang mencabar bagi menguji kesiapsiagaan dan keberkesanan Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia. Sebagai sebuah Jabatan yang menyerapkan visi untuk menjadi sebuah organisasi kebombaan dan penyelamatan berprestasi tinggi, Jabatan dilihat komited dalam menyampaikan mutu perkhidmatan kebombaan dan penyelamatan yang profesional bagi menyelamatkan nyawa serta harta benda.

Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia yang juga merupakan sebuah agensi di bawah kerajaan pusat, sentiasa menyahut seruan kerajaan dalam merakyatkan perkhidmatan yang diberikan kepada masyarakat. Penglibatan dan komitmen yang ditunjukkan oleh JBPM sentiasa menjadi perhatian umum di mana JBPM sentiasa memastikan perkhidmatan yang disampaikan memenuhi serta melebihi ekspektasi masyarakat tanpa mengira jantina, bangsa dan agama. Kerjasama dan penerimaan baik daripada masyarakat umum telah berjaya membuatkan JBPM dipandang tinggi sebagai sebuah badan yang bertanggungjawab di dalam urusan kebakaran dan tugas-tugas penyelamatan.

INTRODUCTION

Year 2014 was a challenging year in testing the preparedness and effectiveness of the Fire and Rescue Department Malaysia. As a department that incorporates the vision to become a high performance fire and rescue organization, the Department was committed to deliver quality fire and rescue service professionally as to save lives and property.

Fire and Rescue Department Malaysia, which also an agency under the central government, always abide to the government intention in publicize the services to the community. Involvement and commitment which was shown by FRDM was always a concern to the public thus FRDM shall always ensure that the services delivered shall meet and exceeded the expectations of the people irrespective of gender, race and religion. Good cooperation and response from the general public has made FRDM to be highly regarded as a responsible body for fire and rescue tasks.

Bagi mengilustrasikan penerimaan dan kebergantungan masyarakat terhadap perkhidmatan kebombaan di negara ini, satu analisa dibuat berdasarkan jumlah panggilan yang diterima dan jumlah kes yang dihadiri dengan jayanya oleh Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia pada tahun 2014. Analisa lebih tertumpu kepada kes-kes kebakaran, penyelamatan dan tugas-tugas khas di seluruh negara

To illustrate the acceptance and dependence of public to the fire services in the country, an analysis was made based on the number of calls received and the number of cases successfully attended by the Fire and Rescue Department Malaysia in 2014. The analysis focused on the cases of fire, rescue and special task/duty nationwide

ANALISA PERANGKAAAN KHIDMAT KEBOMBAAN YANG DIHADIRI


Statistical Analysis of Attended Fire and Rescue Services

ANALISA JUMLAH PANGGILAN KECEMASAN MENGIKUT NEGERI

Analysis by State of Emergency Calls

PANGGILAN KECEMASAN MENGIKUT NEGERI

Emergency Calls by State



Carta 1 : Panggilan Kecemasan Mengikut Negeri

Chart 1 : Emergency Calls by States


Sehingga bulan Disember 2014, Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia telah menghadiri sebanyak 99,830 jumlah kes kecemasan. Daripada jumlah ini, negeri Selangor mencatatkan jumlah tertinggi panggilan (15,528) diikuti dengan negeri Johor (12,319) panggilan dan negeri Perak (10,573). Negeri yang paling kurang menerima panggilan kecemasan adalah W.P. Labuan (608), W.P. Putrajaya (620) dan negeri Perlis (1,271).

Until December 2014, the Fire and Rescue Department Malaysian has attended 99,830 numbers of emergency cases. Of this, the state Selangor has recorded the highest number of calls (15,528) followed by Johor (12,319) and Perak (10,573) calls. Lowest emergency call received was W.P. Labuan (608) calls, W.P. Putrajaya (620) calls and Perlis (1,271) calls.

Analisa bagi jumlah panggilan kebakaran, menyelamat, tugas-tugas khas dan panggilan palsu bagi tahun 2014.

An analysis of the number of calls to fire, rescue, special tasks and prank calls for 2014.


JENIS PANGGILAN
Types of Calls



Carta 2 : Jenis Kategori Panggilan Kecemasan
Chart 2 : Categories of Emergency Calls

Daripada jumlah keseluruhan [99,830] panggilan, JBPM telah menerima 54,540 panggilan melibatkan kes kebakaran dari Januari hingga Disember 2014. Dalam tempoh yang sama juga, JBPM telah menerima 42,712 panggilan menyelamat & khidmat kemanusiaan dan sebanyak 1,574 panggilan tugas-tugas khas telah dihadiri oleh JBPM. Tidak terkecuali, JBPM masih lagi menerima panggilan palsu iaitu 1.1% [1,004] daripada jumlah keseluruhan

From the overall total [99,830] calls, FRDM has received 54,540 calls involving fire cases from January to December 2014. During the same period, the Fire and the Department Malaysia has received 42,712 Rescue and humanitarian services calls and 1,574 calls for special tasks, which was attended by the Fire and Rescue Department Malaysia. With no exception, FRDM still receiving prank calls by 1.1% [1004] of the overall total calls.



Graf di atas menunjukkan perbandingan statistik jumlah panggilan, kes kebakaran, penyelamatan dan tugas-tugas khas yang dihadiri oleh Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia bagi tempoh 5 tahun. Secara analisisnya, graf menunjukkan pola peningkatan jumlah panggilan bagi setiap tahun.

The graph above has shown a statistical comparison on the number of calls for fires, rescue and special functions attended by the Fire and Rescue Department of Malaysia for a period of 5 years. In its analysis, the graph shows a pattern of an increasing number of calls per year.

Pada tahun 2014, JBPM menerima panggilan tertinggi iaitu sebanyak 99,830 kes dihadiri di seluruh negara. Peningkatan mendadak pada tahun 2014 adalah berpunca daripada dua (2) bencana besar yang melanda seluruh negara iaitu kebakaran terbuka pada awal tahun dan bencana banjir yang berlaku pada penghujung tahun 2014.


In 2014, the Fire and Rescue Department Malaysia has received a highest calls with 99,830 cases attended in the nation. A marginal increase in 2014 was attributed by two (2) major disasters that have swept across the country at the early year were the open fire and floods in late 2014.

ANALISA KES KEBAKARAN

Fire Cases Analysis

KES KEBAKARAN MENGIKUT NEGERI

Fire Cases based on States



Carta 3 : Kes Kebakaran Mengikut Negeri

Chart 3 : Fire Cases based on States

Merujuk Carta 3 di atas, Negeri Selangor mencatatkan jumlah paling banyak panggilan kebakaran apabila menerima sebanyak 9,111 panggilan dan diikuti dengan negeri Johor [7,584] dan Perak [6,447].

Referring the Chart 3 above, Selangor had the most number of fire calls by receiving 9,111 calls and was followed by Johor [7,584] and Perak [6,447].

Bagi mendapatkan gambaran lebih jelas, satu analisa berkenaan jenis kebakaran yang berlaku di seluruh negara pada tahun 2014 dijalankan untuk mendapatkan pola pewujudan keberbahayaan di negeri tertentu.


To get a clearer picture, an analysis of the types of fires that have occurred in the country in 2014 was carried out to obtain the creation of dangerousness in certain states.

Analisa statistik kepada jumlah panggilan diterima oleh setiap negeri mendapati bahawa antara jenis kebakaran yang kerap menyumbang kepada jumlah yang besar adalah;

Statistical analysis of the number of calls received by each state found that the type of fire that often contribute to a large number is;

- i) Kebakaran terbuka
- ii) Bangunan dan isinya
- iii) Kenderaan
- iv) Serta lain-lain kebakaran

- i) Open fire
- ii) Buildings and contents
- iii) Vehicle
- iv) And other types of fire



Carta 4 : Jenis-jenis Kebakaran di Seluruh Negara
Chart 4 : Types of Fire in the Whole Country


Daripada 54,540 panggilan kebakaran, jenis kebakaran paling tinggi yang direkodkan JBPM adalah kebakaran terbuka (34,671 panggilan). Ini diikuti dengan kebakaran bangunan/premis iaitu 5,677 kes dan kebakaran kenderaan iaitu 3,558 kes.

Of the 54,540 fire calls, the highest type of fire recorded by FRDM was open fires (34,671 calls). This was followed by building / premises fire of 5,677 cases and 3,558 cases of vehicles fire.

a) Kebakaran terbuka adalah merujuk kepada kebakaran yang melibatkan kebakaran kebun/ladang, hutan, belukar dan kebakaran sampah sarap.

a) An open fire is referring to a fire in a garden/farm, forest, bush and rubbish fires.

JUMLAH KESELURUHAN KEBAKARAN TERBUKA = 34,671
Overall Total of Open Fire = 34,671



Carta 5 : Jumlah Panggilan Kebakaran Terbuka Mengikut Negeri
Chart 5 : Total Open Fire Calls for By States

Kebakaran terbuka adalah merujuk kepada kebakaran yang melibatkan kebakaran kebun/ladang, hutan, belukar dan kebakaran sampah sarap. Menurut analisis yang dijalankan didapati negeri Johor menerima paling banyak panggilan kebakaran terbuka pada tahun 2014 mengatasi norma jumlah paling banyak tahun sebelum yang biasanya dicatatkan paling tinggi di negeri Selangor.

The open fire was referring to fires involving fire garden / farm, forest, bush and rubbish fires. And according to the analysis it was found that most open fire calls in 2014 was in the state of Johor where it has taken over from Selangor who has been the most states receiving fire calls.

Walau bagaimanapun, tiga (3) negeri utama iaitu Johor, Selangor dan Perak masih lagi merupakan negeri-negeri yang menyumbang kepada bilangan kes kebakaran terbuka paling tinggi di seluruh negara.

However, three (3) states, Johor, Selangor and Perak were still the states that highest contributed to the open fires in the nation.

b) Kebakaran yang kedua tertinggi dicatatkan (8,248 kes) adalah kebakaran melibatkan kategori lain-lain. Contoh kebakaran yang dikategorikan sebagai lain-lain adalah seperti berikut:

b) The second highest fire recorded (8,248 cases) was a fire involving the other categories. Examples of fire that were categorized as others are as follows:


- i. Kebakaran pondok pengawal yang terbiar
- ii. Kebakaran tiang/pencawang/kabel elektrik
- iii. Kotak fius
- iv. Tokong/tempat sembahyang kecil milik individu
- v. Sampah/jerami
- vi. Kebakaran kain-kain buruk yang ditempatkan dalam tandas awam
- vii. Colok cina
- viii. Kebakaran pokok
- ix. Pusat kitar semula terbuka
- x. Pondok telefon
- xi. Ekzos fan/chimney
- xii. Longgokan kayu

- i. Fire on abandoned guard posts*
- ii. Fire on pole/substation/power cable*
- iii. Fuse box*
- iv. Small temple/place of worship belonging to individual*
- v. Trash/straw*
- vi. Fire on rags placed in a public toilet*
- vii. Chinese joss*
- viii. Fire on tree*
- ix. Recycle center*
- x. Phone booth*
- xi. Exhaust fan/chimney*
- xii. Pile of wood*

c) Seterusnya penekanan juga diberikan kepada kebakaran bangunan.

c) Further emphasis was also given to the fire building.

JUMLAH KEBAKARAN BANGUNAN MENGIKUT NEGERI
Total Fire on Building by States



Carta 6 : Jumlah Kebakaran Bangunan Mengikut Negeri
Chart 6 : Total Fire on Building by States

Sepanjang tahun 2014 juga, JBPM telah mencatatkan kehadiran sebanyak 5,677 kes kebakaran bangunan di seluruh negara. Daripada jumlah ini, Negeri Selangor mencatatkan jumlah paling tinggi dalam kebakaran bangunan dan diikuti Kuala Lumpur, Johor dan Kedah


During the year 2014, FRDM has recorded 5,677 fires on building across the country. Of these, Selangor has recorded the highest number of building fires and followed by Kuala Lumpur, Johor and Kedah.

d) Bagi memudahkan proses analisa, bangunan-bangunan yang terlibat dengan kebakaran telah dikategorikan mengikut jenis-jenis bangunan berdasarkan kategori UBBL. Berikut adalah pecahan jenis-jenis bangunan yang terlibat dalam kebakaran di seluruh negara;

d) To simplify the analysis process, the buildings affected by the fire were categorized by the types of buildings based on UBBL category. Here is a breakdown of the types of buildings involved in fires across the country;

KATEGORI PREMIS

Premise Category



Carta 7 : Pecahan Kebakaran Bangunan Mengikut Kategori UBBL


Chart 7 : Breakdown of Building Fire by UBBL Category

Merujuk kepada carta di atas, kategori premis kediaman adalah merupakan penyumbang tertinggi kepada statistik kebakaran bangunan dihadiri JBPM. Jumlah keseluruhan kebakaran premis kediaman adalah 2,717 kes (kategori kediaman dan kediaman lain).

Refer to the chart above, the category of residential premises was a major contributor to the building fire statistics attended by FRDM. The total number of residential on fire is 2,717 cases (residential and other residential category).

STATISTIK PREMIS KEDIAMAN

Residential Premises Statistics




Carta 8 : Jumlah Kebakaran Premis Kediaman

Chart 7 : No. of Fire on Residential Premises

- e) Merujuk kepada carta 8, kategori rumah kediaman adalah merupakan kategori tertinggi (1,205 kes) terlibat dalam kebakaran di seluruh negara. Rumah kediaman adalah merujuk kepada mana-mana perumahan yang didirikan secara persendirian tanpa melalui syarikat pembinaan seperti rumah persendirian, banglo atau berkembar. Seterusnya statistik kebakaran premis kediaman diikuti oleh rumah teres (1,026), flat (426) dan apartment/ kondo (232).
- f) Penekanan juga diberikan kepada statistik kebakaran bangunan bertingkat di Malaysia. Penerangan terhadap statistik tersebut dinyatakan seperti carta di bawah.

- e) Refer to the chart 8, housing category was the highest category (1,205 cases) involved in a fire across the country. Housing refers to any housing built privately without construction companies such as private homes, bungalows or detached. The fire statistics on residential premises then followed by terraced houses (1,026), flat (426) and apartment / condo (232).
- g) Emphasis was also given to the statistic of rise building on fire in Malaysia. Description of the statistics set out in the chart below.

STATISTIK BANGUNAN BERTINGKAT
High Rise Building Statistics



Carta 9 : Kebakaran Bangunan Bertingkat di Malaysia
Chart 9 : Fire on High Rise Building in Malaysia

Sehingga hujung tahun 2014, sejumlah 1,007 daripada 5,677 kes kebakaran bangunan yang dicatatkan adalah melibatkan kebakaran bangunan bertingkat. Kategori bangunan bertingkat adalah seperti berikut:


- i) Rumah Flat – 426 kes
- ii) Rumah Apartment/Kondo – 232 kes
- iii) Pejabat – 188 kes
- iv) Rumah Kedai – 114 kes
- v) Hotel – 42 kes
- vi) Premis/Hotel Bajet – 5 kes

Carta 9 menunjukkan pecahan jumlah bangunan bertingkat yang terbakar mengikut negeri. Kuala Lumpur mencatatkan jumlah tertinggi kebakaran bangunan bertingkat di mana sejumlah 398 kes dicatatkan. Negeri Selangor mencatatkan jumlah kedua tertinggi di mana 198 kes dicatatkan dan Pulau Pinang merekodkan sebanyak 112 kes kebakaran.

Until the end of year 2013, a total of 1,007 out of 5,677 building fire cases recorded was a fire involving the high-rise buildings. Categories of rise buildings are as follows:

- i) Flats - 426 cases
- ii) Home Apartment / Condo - 232 cases
- iii) Office - 188 cases
- iv) Shoplots - 114 cases
- v) Hotel - 42 cases
- vi) Premises / Budget Hotel - 5 cases

Chart 9 shows breakdown of the multi-storey buildings on fire by states. Kuala Lumpur has recorded the highest number of fires on rise buildings with a total of 398 cases were registered. Selangor has recorded the second highest number in which 198 cases were registered and Pulau Pinang recorded 112 cases of fire.

ANALISA KES PENYELAMATAN*Analysis of Rescue Cases***JUMLAH KES PENYELAMATAN MENGIKUT NEGERI***Total rescue Cases by States*

Carta 10 : Kes Penyelamatan Mengikut Negeri


Chart 10 : Rescue Cases by States

Bagi tahun 2014, JBPM telah menerima sejumlah 42,712 panggilan melibatkan kes penyelamatan dan khidmat kemanusiaan. Negeri yang paling kerap menerima panggilan tersebut adalah negeri Kelantan iaitu 6,624 panggilan diikuti negeri Selangor (6,279) dan Johor (4,290).

In the year 2014, FRDM has received a total of 42,712 calls involving rescue and humanitarian cases. The most frequently receiving calls was the state of Kelantan with 6,624 calls followed by Selangor (6,279) and Johor (4,290).

a) Daripada jumlah keseluruhan 42,712 kes penyelamatan yang dihadiri oleh JBPM sepanjang tahun 2014, berikut adalah analisa terhadap kategori penyelamatan yang telah dijalankan.

a) Of the total 42,712 rescue cases attended by FRDM during 2014, and the following is an analysis of the category of rescue that has been conducted.

KATEGORI JENIS PENYELAMATAN*Rescue Category*

Carta 11 : Jenis-jenis Kecemasan yang dihadiri JBPM

Chart 11: Types of Emergencies attended by FRDM

PENCAPAIAN *Achievement*

Berdasarkan carta 11 di atas, kes penyelamatan yang dijalankan dapat dikategori sebagai:

- Kecemasan Lain – 21,595 kes
- Kemalangan Jalanraya – 5,649 kes
- Bencana Alam – 11,258 kes
- Kecemasan Bangunan/Mesin – 2,073 kes
- Kebocoran Bahan Berbahaya – 1,434 kes
- Mencari dan menyelamatkan – 703 kes

b) Berikut adalah pecahan operasi penyelamatan kategori kecemasan lain:

Daripada 21,595 kes kecemasan lain yang direkodkan, 9,411 kes adalah merupakan khidmat menangkap ular atau haiwan berbahaya. Manakala, 8,957 kes adalah melibatkan operasi memusnahkan serangga. Baki 3,227 kes adalah lain-lain kes kecemasan seperti kes cubaan bunuh diri, ancaman pengganas, rusuhan, potong cincin, pokok tumbang dan lain-lain.

c) Penumpuan diberikan kepada peningkatan jumlah panggilan melibatkan bencana alam. Jabatan tidak menolak fenomena perubahan iklim dan kesan rumah hijau yang sedang melanda seluruh dunia pada masa kini. Keadaan cuaca dan ekosistem yang tidak stabil adalah merupakan penyebab utama meningkatnya jumlah panggilan Bencana Alam. Sedar dengan hakikat ini, Jabatan sendiri telah mempertingkatkan kesiapsiagaan anggota, memastikan peralatan menyelamatkan mencukupi dan mengemaskini SOP serta Arahan terkini agar sesuai dengan situasi semasa.

Based on the chart 11 above, the rescue cases which were carried out can be categorized as:


- Other Emergencies - 21,595 cases*
- Road accidents - 5,649 cases*
- Catastrophe - 11,258 cases*
- Emergency Building / Machine - 2,073 cases*
- Leaks of Hazardous Substances - 1,434 cases*
- Search and rescue - 703 cases*

b) Here is breakdown of rescue operations in other emergency categories:

Of the 21,595 cases recorded in other emergencies, 9,411 cases were service in catching snakes or dangerous animals. While 8,957 cases were involved in the operation to destroy insects. The remaining 3,227 cases were other emergency cases such as cases of attempted suicide, terrorism, riots, cut into rings, uprooted trees and others.

c) Focus was given to the increasing the number of calls involving natural disasters. The Department does not deny the phenomenon of climate change and the greenhouse effect that has sweeping across the world today. Weather conditions and an unstable ecosystem is a major cause of the increasing number of natural disasters call. Aware of this fact, the Department has enhanced its preparedness firefighters, ensuring adequate rescue equipment and updated the SOPs and the latest Directive to conform with the current situation.

PANGGILAN BENCANA ALAM
Natural Disaster Calls




Pada tahun 2010, hanya 1,337 kes melibatkan bencana alam telah direkodkan oleh JBPM. Jumlah ini meningkat kepada 2,082 pada tahun 2011, 2,590 pada tahun 2012, 3,008 kes pada tahun 2013 dan angka tertinggi dicatatkan adalah 11,258 kes pada tahun 2014.

In 2010, only 1,337 cases involving natural disasters were recorded by FRDM. This number has increased to 2,082 cases in year 2011, 2,590 cases in year 2012, 3,008 cases in year 2013 and the highest figure recorded was 11,258 cases in year 2014.

d) Kategori ketiga tertinggi dalam statistik kes penyelamatan adalah kemalangan jalanraya di mana 5,649 kes telah dicatatkan. Daripada jumlah keseluruhan 5,649 kes kemalangan yang dihadiri JBPM, sejumlah 2,809 kes kemalangan melibatkan jalanraya negeri/bandaran dicatatkan dan merupakan catatan tertinggi. Lebuhraya adalah kedua tertinggi iaitu 1,294 kes dan selebihnya berlaku di jalanraya persekutuan (1,173 kes) dan jalan-jalan lain (373 kes).

d) The third-highest category in the statistical case was the rescue of road accidents in which 5,649 cases were recorded. Out of the total 5,649 accidents attended FRDM, some 2,809 cases of road accidents involving state / municipal has recorded and represented the highest cases. Highway was the second highest with 1,294 cases and the remaining occurred in the federal roads (1,173 cases) and other roads (373 cases).

STATISTIK KEMALANGAN JALANRAYA DIHADIRI JBPM
Statistics of Road Traffic Accidents Attended by FRDM



Carta 12 : Statistik Kes Kemalangan Jalanraya dihadiri JBPM
Chart 12 : Statistics of Road Traffic Accidents Cases Attended by FRDM


Carta 12 di atas menunjukkan pecahan kes kemalangan jalanraya mengikut negeri-negeri di seluruh negara.

The above Chart 12 is showing the breakdown of Road Traffic Accident Cases by states in the whole country.

ANALISA KEMALANGAN JALANRAYA

Analysis of Road Traffic Accidents

KEMALANGAN JALAN RAYA
Road Traffic Accidents



PENCAPAIAN *Achievement*


Jumlah kemalangan jalanraya menunjukkan pola peningkatan dari tahun 2010 ke tahun 2013 dan berlaku penurunan pada tahun 2014. Analisa perangkaan penyelamatan melibatkan kes kemalangan jalanraya mendapati pada tahun 2010, JBPM hanya menghadiri 4,397 kes dan meningkat kepada 5,424 kes pada tahun 2011. Angka ini dilihat bertambah pada tahun 2012 daripada jumlah keseluruhan 5,927 kes kepada 6,029 kes dicatatkan pada tahun 2013. Walaubagaimanapun, pada tahun 2014 angka kes kemalangan jalanraya menurun kepada 5,649 kes.

The number of road traffic accidents has shown an increasing trend from year 2010 to year 2013 and has decreased in year 2014. Statistical analysis of rescue involving road traffic accident cases in 2010, FRDM only has attended 4,397 cases and increase to 5,424 cases in 2011. This figure has increased as in 2012, the total of 5,927 cases increases to 6,029 cases in 2013. However, the road traffic accident has dropped to only 5,649 cases in year 2014.

e) Walaupun berlaku penurunan jumlah panggilan kes penyelamatan kemalangan jalanraya, pada tahun 2014 telah mencatatkan sedikit peningkatan jumlah panggilan melibatkan “Tumpahan dan Kebocoran Bahan Berbahaya”


e) Despite the decline in the number of road accident rescue calls, year 2014 has recorded a slight increase in the number of calls involving “Spills and leaks of dangerous substances”

TUMPAHAN DAN KEBOCORAN BAHAN BERBAHAYA
Spills and Leaks of Dangerous Sustances



Pada tahun 2010, hanya 958 kes tumpahan dan kebocoran bahan berbahaya dicatatkan. Angka ini dilihat bertambah kepada 1,218 pada tahun 2011, 1,320 kes pada tahun 2012 dan 1,419 kes pada tahun 2013. Angka tertinggi adalah dicatatkan pada tahun 2014 apabila sebanyak 1,434 kes tumpahan dan kebocoran bahan berbahaya dihadiri oleh Jabatan. Perkara ini dilihat berlaku seiring dengan kepesatan pembangunan teknologi di negara ini yang melibatkan penggunaan bahan-bahan kimia berbahaya. Sebagai agensi utama penyelamat insiden melibatkan bahan berbahaya dan radioaktif negara, Jabatan melihat perkara ini adalah sesuatu perkara positif dan cabaran yang perlu dihadapi oleh setiap peringkat dan bahagian.

In 2010, only 958 cases of spills and leaks of hazardous materials were recorded. This figure is seen to increase to 1,218 by year 2011 and 1,320 cases in the year 2012. The highest number was recorded in 2013 when a total of 1,419 cases of spills and leaks of hazardous materials was attended by the Department. This appears to be occurring in tandem with the rapid technological development in the country involving the use of dangerous chemical substances. As the lead agency for rescue incidents involving hazardous and radioactive materials, the Department sees this as a positive thing and as challenges to be faced by all levels and sections.

ANALISA JUMLAH TUGAS-TUGAS KHAS MENGIKUT NEGERI*Analysis of Total Special Tasks Cases by State***PANGGILAN TUGAS-TUGAS KHAS***Calls for Special Tasks*

Carta 13 : Statistik Panggilan Tugas-tugas Khas
 Chart 13 : Statistics of Calls for Special Tasks

Bagi panggilan tugas-tugas khas, JBPM telah menerima sejumlah 1,574 panggilan. Negeri Kedah mencatatkan angka tertinggi iaitu 363 panggilan dan berdasarkan rekod, khidmat tugas-tugas khas adalah seperti senarai berikut:

- Kawal Pembakaran Upacara Keagamaan - 19 kes
- Kawal Pembakaran Jerami - 1 kes
- Bantuan kepada agensi kerajaan - 180 kes
- Bantuan kepada agensi bukan kerajaan - 57 kes
- Gotong royong - 310 kes
- Bantuan keselamatan semasa majlis keramaian - 72 kes
- Perfileman - 25 kes
- Lain-lain Khidmat Khas - 529 kes
- Lain-lain seperti kawal pembakaran bunga api dll - 381 kes

Nota : JBPM Melaka mencatatkan jumlah kehadiran tugas-tugas khas tertinggi di seluruh negara, dan BBP Alor Gajah, Melaka kerap terlibat dalam mengawal pembakaran bunga api/mercun yang sering diadakan di A'Famosa Resort, Alor Gajah, Melaka.

Calls for special tasks, FRDM has received a total of 1,574 calls. Kedah has recorded the highest number with 363 calls and based on record, the special tasks are listed below:


- Combustion Control Religious Ceremonies - 19 cases*
- Control of Burning Straw - 1 case*
- Assistance to government agencies - 180 cases*
- Assistance to non-government agencies - 57 cases*
- Communal Work - 310 cases*
- Security assistance during a celebration - 72 cases*
- Film - 25 cases*
- Other special tasks - 529 cases*
- Others like fireworks combustion control, etc. - 381 cases*

Note: FRDM Melaka recorded the presence of specific tasks with the highest paid in the country and this is due to BBP Alor Gajah was frequently involved in controlling the combustion of fireworks/ firecrackers that are often held at the A'Famosa Resort in Alor Gajah, Melaka.

ANALISA JUMLAH MANGSA TERLIBAT KES KEBAKARAN DI SELURUH NEGARA

Analysis of Victims Involved in Fire Cases Over The Country

BILANGAN MANGSA KEBAKARAN 2010 - 2014
Number of Fire Victims Year 2010 - 2014



Carta 14 : Bilangan Mangsa Kebakaran 2010 - 2014
Chart 14 : Number of Fire Victims 2010-2014

a) Carta di atas menunjukkan bilangan mangsa terlibat dalam kes kebakaran di seluruh negara bagi tahun 2010 sehingga 2014. Graf jelas menunjukkan pola turun naik jumlah mangsa yang diselamatkan oleh JBPM dalam kes kebakaran. Pada tahun 2010, seramai 171 orang mangsa diselamatkan. Angka ini dilihat menurun kepada 161 orang pada tahun 2011, meningkat semula kepada 250 orang pada tahun 2012, turun kepada 237 orang pada tahun 2013 dan pada tahun 2014, berlaku peningkatan yang ketara kepada sejumlah 528 orang.

a) The chart above shows the number of victims involved in fires across the country for the year 2010 to 2014. The graph clearly shows the pattern of fluctuations in the number of victims rescued by FRDM in case of fire. In the year 2010, a total of 171 victims rescued. This figure is seen rising to 250 in the year 2012 and fell to 237 in the year 2013. In year 2014, there was a major increment to 528 number of victims.

b) Antara faktor yang menjadi penyumbang kepada peningkatan jumlah mangsa kebakaran antaranya adalah:

b) Among the factors that have contributed to the increasing number of victims include:

- i) Jumlah kebakaran premis yang berpenghuni tinggi sepanjang tahun 2014. Analisa kebakaran mendapati bahawa premis kediaman adalah merupakan penyumbang tertinggi dalam statistik kebakaran bangunan di seluruh negara.
- ii) Kesedaran masyarakat tentang bahaya kebakaran masih rendah dan tidak memandang serius berkenaan keselamatan kebakaran di kediaman masing-masing.

i) Total fire on occupied premises was high throughout the year 2014. Fire analysis has found that residential premises were the highest contributor in building fire statistics nationwide.


ii) Public awareness on the danger of fire was low and fire safety was not taken seriously in their homes.

c) Dalam tempoh yang sama juga dapat dilihat pola turun naik jumlah kematian mangsa dalam kes kebakaran. Carta di bawah menunjukkan statistik mangsa mati dan cedera diselamatkan oleh JBPM bagi tahun 2010 hingga 2014.

c) In the same period also reflected a decline pattern in case of fire victim's death. The charts below show the statistics of dead and injured victims rescued by FRDM since the year 2010 to 2014.

BILANGAN MANGSA KEBAKARAN (MATI & CEDERA) 2010 - 2013

Number of Fire Victims (Dead & Injured) 2010 - 2013




Carta 15 : Status Mangsa Kebakaran (2010 - 2014)
Chart 15 : Status of Fire Victims (2010 - 2014)

Pada tahun 2010 sehingga 2012, JBPM merekodkan peningkatan bilangan kematian mangsa dalam kes kebakaran (nisbah mangsa mati dibandingkan dengan mangsa cedera). Tetapi pada tahun 2013, JBPM telah berjaya menyelamatkan seramai 165 orang mangsa sekaligus telah mengurangkan nisbah bilangan kematian mangsa akibat kes kebakaran. Walabagaimanapun, pada tahun 2014 terdapat peningkatan bilangan mangsa yang terlibat kepada 139 mangsa mati dan 389 mangsa yang cedera.

In the year 2010 through 2012, FRDM has recorded an increase in the number of death victims in case of fire (the ratio of dead victims compared with injured victims). But in the year 2013, FRDM has managed to save a total of 165 people and thus reducing the ratio of the number of deaths due to fires. However, in year 2014 there was an increased in the number of victims to 139 death victims and 389 injury victims.

TAKSIRAN DISELAMATKAN 2010 - 2014

Assessment of Salvaged 2010 - 2014



Carta 16 : Taksiran Jumlah Diselamatkan
Chart 16 : Estimated Total Salvaged


a) Carta di atas menunjukkan penurunan jumlah taksiran diselamatkan daripada tahun 2010 hingga 2013. Pada tahun 2010 rekod mencatatkan jumlah taksiran diselamatkan sebanyak RM 16 billion. Angka ini dilihat menurun kepada RM 8 billion pada tahun 2011 dan meningkat kembali kepada RM 20 billion jumlah harta benda berjaya diselamatkan pada tahun 2012. Namun, pada tahun 2013, hanya sebanyak RM 12 billion telah dicatatkan dan berjaya diselamatkan dalam operasi kebakaran. Manakala pada tahun 2014, angka ini dilihat meningkat kepada RM 25 billion taksiran diselamatkan.

a) *The chart above shows the drop in the number of assessment salvaged from 2010 to 2013. In 2010 the record shows the assessment amount of saved was RM 16 billion. This figure is seen declining to RM 8 billion in the year 2011 and increased again to RM 20 billion in total property could be saved by the year 2012. However, in 2013, only a total of RM12 billion has been successfully salvaged from fire operations. Meanwhile in year 2014, the figure has increased to an assessment amount of RM 25 billion being salvaged.*

b) Dalam tempoh yang sama juga, analisa mengambil kira jumlah kerugian yang dicatatkan akibat kebakaran di seluruh negara.

b) *Also in the same period, the analysis takes into account the amount of losses incurred due to fire across the country.*

TAKSIRAN KERUGIAN 2010 - 2014
Assessment of Losses 2010 - 2014



Carta 17 : Perbandingan Taksiran Kerugian dari Tahun 2010 hingga 2014
Chart 17 : Comparison of Estimated Losses In The Year 2010 to 2014

Carta 17 di atas jelas menunjukkan pola peningkatan taksiran kerugian akibat kebakaran daripada tahun 2010 sehingga 2013. Pada tahun 2014, JBPM mencatatkan jumlah tertinggi taksiran kerugian di mana dianggarkan sebanyak RM 2.8 billion kerugian disebabkan kebakaran di seluruh negara

Chart 17 above clearly shows the increasing pattern of assessment of loss due to fire from 2010 to 2013. In 2014, FRDM has recorded the highest number of loss assessment where the loss was estimated at RM 2.8 billion due to fire across the country.

KESIMPULAN

CONCLUSION

Analisa ini lebih tertumpu kepada pemakluman secara grafik berkenaan statistik panggilan kecemasan yang diterima oleh Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia. Akhir kata, semoga analisa ini bertepatan dengan kehendak jabatan untuk mengkaji dan menilai cara yang paling efektif dan berkesan dalam menangani permasalahan yang dihadapi pada masa kini.





This analysis was focused on the information with relevant statistics and graphic on the emergency calls received by the Fire and Rescue Department Malaysia. Finally, this analysis may fulfill with the requirements of the department to review and assess the most effective and efficient in addressing the problems faced at present.

BAHAGIAN UDARA*Air Division***A. DATA DAN CARTA PERBANDINGAN LATIHAN DAN OPERASI TAHUN 2013 DAN 2014 MENGIKUT JENIS PESAWAT**

a. *Comparison Chart and Data between Operations and Training In Year 2013 and 2014 based on aircraft model*

TAHUN 2013 (JAN - DIS)/ *Year 2013 (Jan - Dec)*


Jenis Pesawat/ <i>Aircraft Model</i>	Operasi/ <i>Operation</i>	Latihan/ <i>Training</i>	Jumlah/ <i>Total</i>
Mi-17-IV	165(83.3%)	33(16.7%)	198
Mi-171	152(62.3%)	92(37.7%)	244
A109E	62(59.0%)	43(41.0%)	105
AW139	214(76.2%)	67(23.8%)	281
Jumlah Keseluruhan/ <i>Overall Total</i>			828

PESAWAT/ *Aircraft* Mi-17-IV**PESAWAT/ *Aircraft* AW139****PESAWAT/ *Aircraft* Mi-171****PESAWAT/ *Aircraft* A109E**


TAHUN 2014 (JAN - DIS) / *Year 2014 (Jan - Dec)*

Jenis Pesawat/ <i>Aircraft Model</i>	Operasi/ <i>Operation</i>	Latihan/ <i>Training</i>	Jumlah/ <i>Total</i>
Mi-17-IV	112(74.2%)	39(25.8%)	151
Mi-171	95(46.1%)	111(53.9%)	206
A109E	65(65.7%)	34(34.3%)	99
AW139	263(76.9%)	79(23.1%)	342
Jumlah Keseluruhan/Overall Total			798


PESAWAT/ Aircraft Mi-17-IV




PESAWAT/ Aircraft AW139



PESAWAT/ Aircraft Mi-171




PESAWAT/ Aircraft A109E



B. DATA DAN CARTA PERBANDINGAN PENERBANGAN LATIHAN DAN OPERASI TAHUN 2013 DAN 2014

b. *Comparison Chart and Data between Operations and Training In Year 2013 and 2014 based on aircraft model*

Tahun/ Year	Operasi/ Operation	Latihan/ Training	Jumlah/ Total
2013	593(72%)	235(28%)	828
2014	566(66%)	297(34%)	863


**DATA PENERBANGAN OPERASI MENGIKUT KATEGORI UTAMA***Operation Flight Data Based On Main Category***TAHUN/Year 2013**

Bulan/ Month	Mencari Dan Menyelamat/ Search & Rescue	Pengangkutan Udara/ Air Transport	Tinjauan Udara/ Air Survey	Pemadaman Kebakaran/ Fire Fighting	Latihan/ Training	Organ Transplant Transport	Bodevec & Medevac
Januari	3	23	-	-	30	2	18
Februari	4	27	-	-	29	-	15
Mac	-	46	4	-	11	-	3
April	-	41	28	2	27	-	3
Mei	-	69	1	-	2	-	0
Jun	1	8	2	-	25	-	5
Julai	-	9	12	-	16	-	3
Ogos	-	27	17	-	15	-	0
September	-	27	6	-	11	-	1
Oktober	3	10	12	2	30	-	2
November	-	3	2	-	22	1	1
Disember	1	6	4	-	17	-	4
Jumlah/ Total	12	296	118	4	235	3	55


TAHUN/Year 2014

Bulan/ Month	Mencari Dan Menyelamat/ Search & Rescue	Pengangkutan Udara/ Air Transport	Tinjauan Udara/ Air Survey	Pemadaman Kebakaran/ Fire Fighting	Latihan/ Training	Organ Transplant Transport	Bodevec & Medevac
Januari	3	3	-	-	30	2	18
Februari	3	16	6	21	25	-	3
Mac	15	3	6	37	20	-	-
April	-	12	-	-	31	-	1
Mei	2	11	1	-	34	-	1
Jun	9	21	-	-	22	-	8
Julai	-	14	4	1	22	2	6
Ogos	-	16	4	9	33	-	2
September	-	10	7	-	23	-	3
Oktober	-	10	2	-	23	1	2
November	1	22	3	-	22	-	8
Disember	1	10	2	-	12	-	-
Jumlah/ Total	34	138	35	68	297	5	52

PENERBANGAN OPERASI DAN LATIHAN (SORTIES) MENGIKUT KATEGORI UTAMA 2014
Operations and Training Flight (Sorties) Based On Main Category Year 2014




PENERBANGAN OPERASI DAN LATIHAN (SORTIES) MENGIKUT KATEGORI UTAMA 2013
Operations and Training Flight (Sorties) Based On Main Category Year 2013




STATISTIK JAM PENERBANGAN OPERASI 2011 HINGGA 2014 KESELURUHAN
Statistics on Hours of Operation Flight 2011 to 2014 Overall

Tahun/Year	2011	2012	2013	2014
Jam Penerbangan/ Flight Hours	322.0	824.7	830.1	719.4



STATISTIK KES PENERBANGAN OPERASI 2011 HINGGA 2014 KESELURUHAN
Statistics on Operation Flight Cases 2011 to 2014 Overall

Tahun/Year	2011	2012	2013	2014
Sorties	266	518	555	566



UNIT PENGESAN

Investigation Unit

PERANGKAAAN OPERASI MELIBATKAN KHIDMAT SIASATAN KEBAKARAN / KHIDMAT MENCARI DAN MENYELAMAT BAGI BULAN JANUARI HINGGA BULAN DISEMBER TAHUN 2014

Statistics on Fire Investigation Operation/Search and Rescue Services For January to December 2014

Bil/ No.	Negeri/ State	Jenis Khidmat/ Type of Services		Jumlah Terlibat/ Total Involved				
		Siasatan Kebakaran/ Fire Investigation	Mencari & Menyelamat/ Search & Rescue	"Kekuatan Anggota (Bil.hadir)"/ No. of staffs involved	Anjing Pengesan/ Canine Dog			
					Fire Investigation	Urban Disaster	Cadaver	Wilderness
1	Perlis							
2	Kedah	11	1	48	22			2
3	Pulau Pinang	2	1	11	4		2	
4	Perak	18	14	127	36		24	4
5	Selangor	72	18	386	148	6	34	10
6	W.P.Kuala Lumpur	19	3	82	38		4	2
7	Negeri Sembilan	7	1	30	14		1	
8	Melaka							
9	Johor	5	2	30	10	2	4	
10	Pahang	1	14	60	2	3	25	4
11	Terengganu	1	4	23	2		6	4
12	Kelantan	4	5	38	8		11	
13	Sabah							
14	Sarawak							
15	W.P.Labuan							
16	W.P.Putrajaya							
Jumlah/ Total		140	63	835	284	11	111	26

PERANGKAAAN OPERASI UNIT PENGESAN JBPM MENGIKUT NEGERI
DI MALAYSIA BAGI BULAN JANUARI HINGGA BULAN DISEMBER TAHUN 2014

Statistics on FRDM Canine Unit Operations Based on States In Malaysia For January to December 2014

Bil/ No.	Negeri/ States	Jumlah Panggilan/ No. of Calls	Siasatan Kebakaran/ Fire Investigation		Mencari & Menyelamat/ Search & Rescue		"Kekuatan (Bil.hadir)"/ No. of Strength	
			Positif/ +ve	Negatif/ -ve	Positif/ +ve	Negatif/ -ve	Pegawai/ Officer	Anjing/ Dog
1	Perlis							
2	Kedah	12	7	4		1	48	24
3	Pulau Pinang	3	2			1	11	6
4	Perak	32	9	9	1	13	127	64
5	Selangor	90	34	38	3	15	386	198
6	W.P.Kuala Lumpur	22	10	9		3	82	44
7	Negeri Sembilan	8	1	6		1	30	15
8	Melaka							
9	Johor	7	4	1	1	1	30	16
10	Pahang	15	1		3	11	60	34
11	Terengganu	5	1			4	23	12
12	Kelantan	9	2	2		5	38	19
13	Sabah							
14	Sarawak							
15	W.P.Labuan							
16	W.P.Putrajaya							
Jumlah/ Total		203	71	69	8	55	835	432

NEGATIF : Tidak Mengesan
Negative : Undetected

POSITIF : Berjaya Mengesan
Positive : Detected

KESELAMATAN KEBAKARAN

Fire Safety



PENGELUARAN SURAT SOKONGAN PELESENAN PERNIAGAAN

Sepanjang tahun 2014, sebanyak 24,605 permohonan sokongan pelesenan telah diterima dan diproses di seluruh negara. Daripada jumlah itu sebanyak 24,476 (99.48%) permohonan telah diproses dan diluluskan dalam masa Piagam Pelanggan JBPM manakala selebihnya diluar tempoh ditetapkan iaitu sebanyak 129 (0.52%). Cawangan ini juga melalui Jawatankuasa Ruang Pejabat (JRP) telah memproses sebanyak 872 permohonan bagi mendapat ulasan keselamatan kebakaran bagi premis yang akan disewa oleh pihak kerajaan.

Cawangan ini juga telah berjaya dalam dasar JBPM yang mensyaratkan semua pemeriksaan Alat Pemadam Api (APA) mudah alih dilaksanakan secara elektronik iaitu menggunakan *Electronic Fire Extinguisher Inspection System* (eFEIS) semenjak 1 Jun 2013. Sebanyak 109 unit pusat pemeriksaan APA telah beroperasi menggunakan sistem eFEIS dan sebanyak 2,987,169 APA telah diperiksa bagi tahun 2014. Pendaftaran orang yang berkelayakan (competent person) dan kontraktor penyelenggaraan APA terus dilaksanakan sepanjang tahun 2014. Sehingga kini seramai 840 orang berkelayakan dan sebanyak 633 kontraktor telah didaftar dalam sistem eFEIS.

ISSUANCE OF RECOMMENDATION LETTER FOR BUSINESS LICENSE

During 2014, a total of 24,605 applications for license recommendation was received and processed across the country. Of the total, there were 24,476 (99.48%) applications were processed and approved within the FRDM Customer Charter timeline while the remaining were processed outside the prescribed period which was 129 applications (0.52%). This branch also through the Committee of Office Space has processed a total of 872 applications to review the fire safety of the premises which to be leased by the government.

*This branch also has been successful in implementing FRDM policies that require all inspection of fire extinguisher were implemented electronically via *Electronic Fire Extinguisher Inspection System* (eFEIS) on 1 June 2013. A total of 109 units of operating checkpoints for APA eFEIS system and 2,987,169 fire extinguishers have been inspected for the year 2014. Registration of a qualified person (competent person) and fire extinguisher maintenance contractors continue to be implemented during 2014. To date, a total of 840 people and a total of 633 qualified contractors have been registered in the eFEIS system.*

Pelaksanaan sistem eFEIS akan sentiasa dipertingkatkan dan diperkemaskan dari masa ke semasa. Bagi meningkatkan kemahiran berkaitan sistem eFEIS, sebanyak 7 siri kursus telah dilaksanakan kepada pegawai pemeriksa APA dan 3 seminar kepada kontraktor APA telah diadakan bagi tahun 2014.

SEMAKAN PELAN DAN PENGELUARAN SURAT SOKONGAN CCC

Pada tahun 2014, sebanyak 19,571 pelan-pelan teknikal telah diproses berbanding 19,238 pelan pada tahun 2013. Ini melibatkan 9,883 pelan teknikal tidak bersistem dan 9,688 bagi pelan teknikal bersistem.

Manakala bagi pelan yang telah disemak mengikut Piagam Pelanggan iaitu dalam tempoh 7 hari adalah sebanyak 19,059 pelan berbanding 18,486 bagi tahun 2013. Sementara pelan yang diperakukan adalah sebanyak 11,852 bagi pelan teknikal bersistem dan tidak bersistem. Keseluruhannya, peratusan direkodkan 96.50% dikategorikan "Sangat Melempi Sasaran" (ST).

Bagi pengeluaran Surat Sokongan Siap dan Pematuhan (CCC) bagi tahun 2014, bilangan permohonan yang diterima untuk pemeriksaan bangunan adalah sebanyak 3,815 berbanding 3,984 bagi tahun 2013. Hasil daripada pemeriksaan sebanyak 3,359 surat sokongan telah dikeluarkan berbanding 3,544 pada tahun 2013.

PENGELUARAN SIJIL PERAKUAN BAHAN

Sepanjang tahun 2014, sejumlah 163 sistem pemasangan keselamatan kebakaran baru dan bahan-bahan (material) diluluskan. Dalam masa yang sama sejumlah 769 sistem pemasangan keselamatan kebakaran telah diperbaharui.

Kategori permohonan yang paling banyak diterima masih didominasi oleh Bricks dan Bahan Kelas 'O' serta tiada permohonan baru bagi kategori Fire Hose Reel, Sprinkler Head, Fire Rated Duct dan Smoke Curtain.

Klasifikasi sistem/kategori telah dirombak kepada 26 jenis daripada 24 jenis, iaitu penambahan kategori "Wall System" dan "Floor System". Jabatan turut mula menguatkuasakan pemasangan semua jenis pintu rintangan api oleh pihak pengeluar sendiri, tanpa melibatkan pihak sub-kontraktor/trading house yang tidak berkelayakan.

eFEIS system implementation will be continuously enhanced and improved from time to time. To improve the skills related to eFEIS system, a series of 7 courses were implemented to fire extinguisher examiners and 3 seminars to fire extinguisher contractors was held in 2014.

PLAN REVIEW AND ISSUANCE OF RECOMMENDATIONS LETTER FOR BUILDING CERTIFICATION CCC

In 2014, a total of 19,571 technical plans has been processed over 19,238 plans in 2013. This involves 9,883 non-systematic technical plan and 9,688 systematic technical drawings.

For plans that were reviewed within 7 days in accordance with the Client's Charter; there were 19,059 plans as compared to 18,486 plans in 2013, while 11,852 of systematic and non-systemic technical drawings were certified. Overall, the recorded percentage of 96.50% was categorised as "Exceeded Beyond Target".

For the issuance of Certificate of Completion and Compliance (CCC) for the year 2014, the number of applications received for the inspection was 3,815 compared to 3,984 for the year 2013. The outcome from the inspections was issuance of 3,359 recommendations letters have been issued against 3,544 in 2013.

ISSUANCE OF CERTIFICATE OF MATERIAL

During 2014, a total of 163 new fire safety system installation and materials was approved. At the same time some 769 installations of Fire safety system has been updated.

Highest application categories have been received were still dominated by Bricks and Materials Class 'O' and no new applications for category Fire Hose Reel, Sprinkler Head, Fire Rated Duct and Smoke Curtain.

Classification systems / categories have been overhauled to 26 species from 24 species, namely the addition of the category "Wall System" and "Floor System". The Department also began to enforce the installation of all types of doors fire resistance by the producers themselves, without involving the unqualified sub-contractor / trading house.

PENGELUARAN SIJIL PERAKUAN BOMBA

Sepanjang tahun 2014, Cawangan Perakuan Bomba telah melaksanakan beberapa aktiviti dalam memperkemaskan lagi pelaksanaan aktiviti cawangan ini. Antara aktiviti yang dijalankan ialah :-

1. GARIS PANDUAN BERKAITAN KEPERLUAN PERAKUAN BOMBA BAGI KOMPLEKS KISAR MINYAK SAWIT

Garis panduan ini dikeluarkan pada 25 September 2014 untuk menggantikan arahan terdahulu berkaitan kilang kelapa sawit iaitu surat arahan rujukan JBPM:PGK/010/5/7/1 (100) bertarikh 10 Julai 2002.

2. PELAKSANAAN BLESS FASA KEDUA

Jabatan adalah merupakan salah satu agensi yang terlibat dalam pelaksanaan Business Licensing Electronic Support System (BLESS) Fasa II untuk sijil perakuan bomba. Fasa ke II bermula pada tahun 2011 dan dijangka berakhir pada Mei 2015. Aktiviti BLESS juga dilaksanakan dengan mengadakan road show penggunaan BLESS ke setiap negeri dan difokuskan kepada premis-premis yang mempunyai sijil perakuan bomba serta kepada pegawai proses yang menggunakan BLESS. Rujuk lampiran bergambar.

Analisa bagi pengeluaran sijil perakuan bomba dibuat adalah berdasarkan kepada pencapaian 3 tahun iaitu 2012, 2013 dan 2014. Jumlah premis ditetapkan yang mempunyai sijil perakuan bomba pada tahun 2014 adalah sebanyak 4,384 premis.

Berikut disertakan jadual perbandingan pengeluaran sijil perakuan bomba tahun 2012 hingga 2014

	Tahun/Year		
	2012	2013	2014
Jumlah Premis Ditetapkan/ <i>No. of Designated Premises</i>	5895	6105	7090
Ada Perakuan Bomba/ <i>Obtained Fire Certificate</i>	4023	4412	4969
Tiada Perakuan Bomba/ <i>Without Fire Certificate</i>	1872	1693	2121

Sumber : Caw. Perakuan Bomba, Bahagian Keselamatan Kebakaran, JBPM

Secara keseluruhannya premis ditetapkan yang mempunyai sijil perakuan bomba pada tahun 2012 adalah 4,023 premis dan pada tahun 2013 adalah 4,412 premis dan ianya meningkat sebanyak 9.67%, manakala pada tahun 2014 premis ditetapkan yang mempunyai sijil perakuan bomba telah meningkat kepada 4,969 premis bersamaan dengan 12.6%.

ISSUANCE OF FIRE CERTIFICATE

Throughout 2014, Fire Certification Branch has implemented a number of activities in the execution of streamlining activities of this branch. Among the activities were: -

1. GUIDELINES ON FIRE CERTIFICATION REQUIREMENTS FOR PALM OIL PROCESSING MILLS

These guidelines were issued on 25 September 2014 to replace the previous directive relating to palm oil mills of the directive reference JBPM: PGK / 010/5/7/1 (100) dated 10 July 2002.

2. IMPLEMENTATION OF THE SECOND PHASE BLESS

The Department is one of the agencies involved in the implementation of the Business Licensing Electronic Support System (BLESS) Phase II for the fire certificate. Phase II began in 2011 and is expected to end in May 2015. BLESS activities also implemented through road show on the BLESS usage to each state and focuses on the premises which have fire certificates and to the production officer uses BLESS. Refer to attachment image.

Analysis for the issuance of fire certificates was based on the achievement of three years, namely 2012, 2013 and 2014. The number of designated premises, which have fire certificates in 2014, totaled 4,384 premises.

The following table compares the production of fire certificates in 2012 to 2014

	Tahun/Year		
	2012	2013	2014
Jumlah Premis Ditetapkan/ <i>No. of Designated Premises</i>	5895	6105	7090
Ada Perakuan Bomba/ <i>Obtained Fire Certificate</i>	4023	4412	4969
Tiada Perakuan Bomba/ <i>Without Fire Certificate</i>	1872	1693	2121

Overall the designated premises which have fire certificates in 2012 was 4,023 and in 2013 the premises were 4,412 premises and it has increased by 9.67%, while in 2014 designated premises which have fire certificates has increased to 4,969 equivalent to 12.6% of premise.


Peningkatan sedikit bagi Premis Ditetapkan yang memiliki Sijil Perakuan Bomba adalah disebabkan kegagalan premis untuk memastikan pemasangan kelengkapan menentang kebakaran berada dalam keadaan baik semasa pemeriksaan pembaharuan sijil perakuan bomba dilakukan. Premis yang gagal semasa pemeriksaan dilakukan telah dikeluarkan Notis FC6 dan pada tahun 2014 sebanyak 1558 berbanding pada tahun 2013 adalah sebanyak 586 Notis FC6. Peningkatan juga dapat dilihat melalui 168 penyediaan kertas siasatan bagi tujuan pendakwaan FC7 pada tahun 2014 berbanding dengan 62 Notis FC7 pada tahun 2013. Keadaan ini menyebabkan berlakunya peningkatan yang sedikit sahaja Premis Ditetapkan mempunyai Sijil Perakuan Bomba.

There were only slight improvement for designated premises to obtain a Fire Certificate and this was due to the failure of the premises to ensure the installation of fire safety equipment was in good condition during inspection for fire certificate renewal was carried out. A premise that has failed during the inspection was issued with FC6 Notice and in 2014 the FC6 notice was 1558 notices compared to 2013 was 586 notices. The increase can also be seen through the 168 was under preparation for FC7 prosecution in 2014 compared to 62 in year 2013. This situation has resulted in only a slight increase for the designated premises to obtain Fire Certificate.

Sepanjang tahun 2014, terdapat sebanyak 7090 Premis Ditetapkan berbanding 6105 Premis Ditetapkan pada tahun 2013 yang menunjukkan peningkatan sebanyak 985 premis bersamaan 16.13%. Premis Ditetapkan menunjukkan corak peningkatan setiap tahun iaitu 2012 premis ditetapkan sebanyak 5895 dan meningkat sebanyak 3.56% menjadikan premis ditetapkan pada tahun 2013 iaitu 6105.

During 2014, there were 7090 designated premises compared to 6105 designated premises in 2013, an increase of 16.13% equivalent to 985 premises. Designated Premises trending higher each year, namely in year 2012 the number was 5895 and increase by 3.56%, bringing the designated premises in 2013 was 6105.


PERBANDINGAN PENCAPAIAN PERAKUAN BOMBA 2012 - 2014
Comparison of Fire Certificate Performance 2012 - 2014



Kategori Premis Ditetapkan yang paling banyak direkodkan pada tahun 2014 adalah kategori Kilang iaitu sebanyak 3137 premis yang memerlukan sijil perakuan bomba, manakala premis yang paling rendah adalah kategori perpustakaan dimana mencatatkan sebanyak 40 premis diseluruh negara yang memerlukan sijil perakuan bomba. Bilangan premis dan pecahannya boleh dirujuk di carta pie.

Designated Premises category with the most recorded in 2014 was Factory with 3137 units that require a fire certificate, while lowest category which recorded a total of 40 premises were libraries throughout the country that require a fire certificate. The number of premises and the breakdown can be found in the pie chart.

PREMIS DITETAPKAN TAHUN 2014 *Designated Premises Year 2014*



PROGRAM KESEDARAN KESELAMATAN KEBAKARAN

Pada tahun 2014, Kempen Mencegah Kebakaran telah dilaksanakan melalui ceramah, demonstrasi, pameran pengungsian bangunan dan mock drill bagi memberi kesedaran tentang pencegahan dan keselamatan kebakaran kepada masyarakat.

Aktiviti ceramah telah diadakan di seluruh negara bagi menyampaikan maklumat berkaitan aspek keselamatan kebakaran. Antara kumpulan sasaran ialah pekerja pejabat dan kilang, pelajar sekolah dan institusi pengajian tinggi serta masyarakat keseluruhannya. Sebanyak 5,296 kali ceramah telah dijalankan dengan penyertaan seramai 779,398 orang berbanding 1,003,497 peserta pada tahun 2013. Disamping itu, demonstrasi kebombaian turut diadakan sebanyak 4,218 kali dengan penyertaan seramai 749,728 orang.

Pameran keselamatan kebakaran pula telah diadakan sebanyak 1,445 kali di seluruh negara yang melibatkan peringkat kebangsaan, peringkat negeri dan peringkat zon berbanding 1,864 pameran yang diadakan pada tahun 2013. Pada tahun 2014, pameran keselamatan kebakaran turut diadakan dalam Program Transformasi Sosial di bawah National Blue Ocean Strategy (NBOS 7): My Beautiful Neighbourhood (MyBN), Festival Belia Putrajaya 2014 dan Pameran Aset Negara 2014 yang melibatkan pelbagai agensi.

FIRE SAFETY AWARENESS PROGRAMME

In 2014, Fire Prevention Campaign was implemented through lectures, demonstrations, demonstrations building evacuation and mock drill to create awareness about fire prevention and safety to the public.

Lectures were held across the country to deliver information related to aspects of fire safety. Among the target groups are office and factory workers, students and higher education institutions and society as a whole. A total of 5,296 lectures were conducted with the participation of over 779,398 persons compared with 1,003,497 participants in 2013. In addition, fire-fighting demonstration was held as many as 4,218 times with the participation of over 749,728 persons.

Fire safety exhibition was held by 1,445 times across the country, involving national, state level and zone level than 1,864 exhibition held in 2013. In 2014, fire safety exhibition was held in the Social Transformation Program under the National Blue Ocean Strategy (NBOS 7): My Beautiful Neighbourhood (MyBN), Putrajaya, Youth Festival 2014 and the State Property Exhibition 2014 that has involved multiple agencies.

Pasukan Kelab 3K telah meningkat kepada 2,603 pasukan dengan keahlian seramai 82,328 orang pada 2014 berbanding 2,458 pasukan dengan keahlian seramai 74,689 orang pada tahun 2013. Ahli Kelab 3K ini terdiri daripada kanak-kanak pra-sekolah (tadika/taska) dan telah mengikuti ceramah serta aktiviti latihan "Berhenti, Rebah dan Guling (Stop, Drop and Roll)" dan lain-lain asas penyelamatan. Manakala Pasukan Tindakan Kecemasan (ERT) telah meningkat kepada 5,823 pasukan dengan keahlian seramai 155,251 orang pada tahun 2014 berbanding pada tahun 2013 iaitu 3,958 pasukan dengan keahlian seramai 103,887 orang.

KELANTAN	11	0	0	2
TERENGGANU	12	0	0	2
SARAWAK	13	0	0	2
JOHOR	14	0	0	0
KEDAH	15	0	0	0
PERLIS	16	0	0	0

Jadual 2 : Keputusan Keseluruhan Pertandingan Kawad Kecekapan Peringkat Kebangsaan Kali Ke-16 Tahun 2014

Table 2 : Overall Results of the 16th National Skill Drills Competition Year 2014



Peserta mengambil bahagian dalam pertandingan Kawad Operasi Penyelamatan Kemalangan Jalan Raya
Participant in RTA Drills Competition



Pertandingan Fire Fighters Challenge
Fire Fighters Challenge Competition



Peserta menganalisis peta dalam pertandingan Search and Rescue Navigation (Sarnav)
Participants were analysing map in Search and Rescue Navigation (Sarnav)

KONVENSYEN KUMPULAN INOVATIF DAN KREATIF PERINGKAT KEBANGSAAN KALI KE-25 TAHUN 2014

25th NATIONAL CONVENTION OF INNOVATIVE AND CREATIVE GROUP 2014

Anjuran	: Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia	Organiser	: Fire and Rescue Department Malaysia
Penyertaan	: Kontijen-Kontijen dari setiap negeri	Participant	: States Contingents
Tempat	: Best Western Prima Inland Sea Resort, Port Dickson, Negeri Sembilan	Place	: Best Western Prima Inland Sea Resort, Port Dickson, Negeri Sembilan
Tarikh	: 14hb - 18hb November 2014	Date	: 14hb - 18hb November 2014
Jumlah Peserta	: 160 orang peserta terdiri daripada 16 kontijen	No. of participants	: 160 people from 16 Contingents
Aktiviti	: Persembahan pasukan KIK, sesi viva dan dokumentasi, pameran kumpulan KIK.	Aktiviti	: Presentation from KIK Group, Viva Session and documentations, Exhibition by KIK Group

Berikut adalah keputusan keseluruhan Konvensyen Kumpulan Inovatif & Kreatif (KIK) Peringkat Kebangsaan JBPM Kali ke-25 Tahun 2014: *The following are the Overall Results of 25th National Convention of Innovative and Creative Group 2014*

Keputusan/ Results	Negeri/ State	Projek/ Project
Tempat Pertama <i>First Place</i>	JBPM Putrajaya (Nama Kumpulan : Putra)	Kesukaran Mengangkat Mangsa Dari Permukaan Air Kedalam Bot Aluminium <i>Challenge in lifting victim from the water surface into the Aluminum Boat</i>
Tempat Kedua <i>Second Place</i>	JBPM Kedah (Nama Kumpulan : Marble)	Kesukaran Membawa Bebanan <i>Challenge in carrying weight</i>
Tempat Ketiga <i>Third Place</i>	JBPM Perak (Nama Kumpulan : Storm)	Kerosakan Pada Pemegang Enjin Bot Semasa Penundaan <i>Damage on the handle of boat engine during towing</i>

Jadual 3 : Keputusan Keseluruhan Konvensyen Kumpulan Inovatif & Kreatif (KIK) Peringkat Kebangsaan JBPM Kali Ke-25
Table 3 : Overall Result of 25th National Convention of Innovative and Creative Group 2014

Majlis perasmian penutupan Konvensyen Kumpulan Inovatif & Kreatif (KIK) Peringkat Kebangsaan JBPM Kali ke-25 Tahun 2014 ini dirasmikan oleh YB. Dato' Hj. Mat Ali bin Hassan, Setiausaha Kerajaan Negeri pada 17 November 2014 yang diadakan di Primaland Resort and Convention Centre, Teluk Kemang, Negeri Sembilan. Majlis ini turut dihadiri oleh YAS Dato' Wan Mohd Nor bin Hj. Ibrahim, Ketua Pengarah, JBPM, YAS Dato' Hj. Amer bin Hj. Yusof, Timbalan Ketua Pengarah (Pembangunan) JBPM, YS Penolong Ketua Pengarah Bahagian-Bahagian JBPM, YS Pengarah-Pengarah Negeri JBPM dan Pegawai-Pegawai Kanan JBPM.

The closing ceremony of 5th National Convention of Innovative and Creative Group 2014 was officiated by YB. Dato' Hj. Mat Ali bin Hassan, States Government Secretary on 17 November 2014 which was held in Primaland Resort and Convention Centre, Teluk Kemang, Negeri Sembilan. Among guest of honour were YAS Dato' Wan Mohd Nor bin Hj. Ibrahim, Director General of FRDM, YAS Dato' Hj. Amer bin Hj. Yusof, Deputy Director General [Development] of FRDM, YS Assistant Director General of Divisions, YS FRDM State Directors and FRDM Senior Officers.



Sesi viva oleh pasukan JBPM Perlis
Viva session from Perlis FRDM team



Ketua Penilai Dato' Zakaria Ahmad menerima cenderamata dari YAS Datuk Wira
Head of Judge Dato' Zakaria Ahmad was receiving a memento from YAS Datuk Wira



Sesi penilaian Pameran Konvensyen KIK JBPM
Exhibition evaluation session during FRDM KIK Convensyen

**PENCAPAIAN AKTIVITI BAHAGIAN LATIHAN
BAGI TAHUN 2014**

MAJLIS PERHIMPUNAN BULANAN

Bahagian Latihan Ibu Pejabat telah menganjurkan Majlis Perhimpunan Bulanan di Dewan Sutera Ibu Pejabat JBPM Putrajaya pada 15 Ogos 2014. Majlis disempurnakan oleh YAS Dato' Wan Nor bin Hj. Ibrahim, Ketua Pengarah JBPM. Pada masa yang sama, Majlis Penganugerahan Pingat Kebesaran Jabatan dan Sambutan Hari Raya Peringkat Ibu Pejabat Putrajaya telah diadakan.

**ACCOMPLISHMENT OF ACTIVITIES BY
TRAINING DEPARTMENT IN YEAR 2014**

MONTHLY ASSEMBLY

Training Division from the FRDM Headquarters has hosted a monthly assembly at the Dewan Sutera, FRDM Putrajaya Headquarters on 15 August 2014. The ceremony was officiated by YAS Dato' Wan Nor bin Hj. Ibrahim, Director General of FRDM.



Majlis Perhimpunan Bulanan, Penganugerahan Pingat Kebesaran Jabatan dan Sambutan Hari Raya Peringkat Ibu Pejabat pada 15 Ogos 2014
Monthly Assembly, FRDM presentation of medals ceremony and FRDM headquarter's Hari Raya celebration on 15 August 2014

MESYUARAT KOMANDAN DAN PENOLONG PENGARAH LATIHAN NEGERI

MEETING OF COMMANDERS AND STATES ASSISTANT DIRECTOR OF TRAINING

Pada tahun 2014, Bahagian Latihan telah mengadakan tiga kali mesyuarat Komandan dan Penolong Pengarah Latihan Negeri. Mesyuarat sebegini diadakan bagi memastikan pelaksanaan kursus di peringkat Akademi dan Negeri berjalan mengikut jadual yang ditetapkan. Selain itu, mesyuarat ini juga bertujuan bagi memantau prestasi perbelanjaan kewangan Akademi dan Negeri.

In 2014, the Training Department has held three meetings of the Commander and Assistant Director of Training in every states. Such meetings were held to ensure the implementation of the courses at the Academy and the State goes according to schedule. In addition, the meeting also aims to monitor the performance of the financial expenses the State and Academy



Mesyuarat Komandan dan Penolong Pengarah Latihan Negeri Bil.1/2014 di Damai Beach Resort, Santubong, Sarawak pada 10 hingga 13 Jun 2014
Commandant and Assistant Director of Training meeting No 1/2014 at Damai Beach Resort, Santubong Sarawak on 10 to 13 June 2014



Mesyuarat Komandan dan Penolong Pengarah Latihan Negeri Bil.2/2014 di Mahkota Hotel, Melaka pada 2 hingga 3 September 2014
Commandant and Assistant Director of Training meeting No 2/2014 at Mahkota Hotel, Melaka on 2 to 3 September 2014



Mesyuarat Komandan dan Penolong Pengarah Latihan Negeri Bil.3/2014 di Tasoh Lake Resort & Retreat, Perlis pada 30 November hingga 3 Disember 2014
Commandant and Assistant Director of Training meeting No 3/2014 at Tasoh Lake Resort & Retreat, Perlis on 30 November to 3 December 2014

PROGRAM BAHAGIAN-BAHAGIAN *Programmes by Divisions*

MELAKSANAKAN PROGRAM KERJASAMA LATIHAN KEBOMBAAN BERSAMA INSTITUSI DALAM DAN LUAR NEGARA

Sepanjang tahun 2014, Bahagian Latihan telah melaksanakan beberapa program kerjasama latihan kebombaan. Antaranya ialah 2 program melibatkan institusi dalam Negara dan 3 program melibatkan institusi luar Negara. Program-program yang dilaksanakan oleh Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia mendapat perhatian dan penyertaan yang tinggi daripada dalam dan luar Negara. Berikut adalah antara program yang dilaksanakan pada tahun 2014.

DALAM NEGARA

ORGANISATION FOR THE PROHIBITION OF CHEMICAL WEAPONS (OPCW)

Kursus	: Regional Course for Assistance and Protection for ASEAN state Parties (Table Top Exercise)
Anjuran	: OPCW, Pihak berkuasa convention senjata kimia Wisma Putra dan Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia
Penyertaan	: Bhutan, China, India, Jordan, Maldives, Marshall Islands, Pakistan, Qatar dan Malaysia
Tempat	: Best Western Premier Hotel dan Akademi Bomba dan Penyelamat Malaysia Kuala Kubu Bharu, Selangor Darul Ehsan
Tarikh	: 13hb hingga 17 Oktober 2014
Jumlah Peserta	: 19 orang



Peserta kursus OPCW bersama jurulatih ABPM KKB
Participants of OPCW course with FRAM KKB trainer



Peserta kursus mendengar ceramah daripada penceramah kursus OPCW
Participant of OPCW course were listening to the briefing by the lecturer



Peserta kursus menjalani latihan BATG
Course participants were going through the BATG training

IMPLEMENTING FIRE AND RESCUE JOINT TRAINING PROGRAMMES WITH LOCAL AND FOREIGN INSTITUTIONS

During 2014, the Training Division has implemented a number of fire and rescue joint training programme. Among them were 2 program involving local institutions and 3 program involving overseas institutions. The programs were conducted by the Fire and Rescue Department Malaysia and has received high attention and participation from within and outside the country. Here are some of the programs implemented in 2014.

WITHIN THE COUNTRY

ORGANISATION FOR THE PROHIBITION OF CHEMICAL WEAPONS (OPCW)

Course	: Regional Course for Assistance and Protection for ASEAN state Parties (Table Top Exercise)
Organiser	: OPCW, Pihak berkuasa convention senjata kimia Wisma Putra dan Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia
Participants	: Bhutan, China, India, Jordan, Maldives, Marshall Islands, Pakistan, Qatar dan Malaysia
Place	: Best Western Premier Hotel dan Akademi Bomba dan Penyelamat Malaysia Kuala Kubu Bahru, Selangor Darul Ehsan
Date	: 13hb hingga 17 Oktober 2014
No.of participants	: 19 orang

SOUTHEAST ASIA REGIONAL CENTRE FOR COUNTER-TERRORISM (SEARCC)

Kursus	: CBRNE Advanced First Responder Training Programme
Anjuran	: Ministry of Foreign Affairs
Penyertaan	: Agensi-agensi Kerajaan Malaysia
Tempat	: Akademi Bomba dan Penyelamat Malaysia Wakaf Tapai, Terengganu
Tarikh	: 17hb hingga 26 November 2014
Jumlah Peserta	: 30 orang

SOUTHEAST ASIA REGIONAL CENTRE FOR COUNTER-TERRORISM (SEARCC)

Course	: CBRNE Advanced First Responder Training Programme
Organiser	: Ministry of Foreign Affairs
Participants	: Malaysian Government Agencies
Place	: Fire and Rescue Academy Malaysia Wakaf Tapai, Terengganu
Date	: 17 to 26 November 2014
No.of Participants	: 30 people

LUAR NEGARA

OVERSEAS VISITS

KANZ ALEMARAT AND CONSULTING, DUBAI

KANZ ALEMARAT AND CONSULTING, DUBAI

Tujuan : Bagi melihat kemudahan-kemudahan latihan yang terdapat di Akademi Bomba dan Penyelamat Malaysia (ABPM)
 Tempat : ABPM Kuala Kubu Bharu, Selangor dan ABPM Wakaf Tapai, Terengganu
 Tarikh : 28hb hingga 29hb Mac 2014
 Jumlah Delegasi : 2 Orang

Purpose : To view the training facilities at the Fire and Rescue Academy Malaysia (FRAM)
 Place : FRAM Kuala Kubu Bahru, Johor and FRAM Wakaf Tapai, Terengganu
 Date : 28th to 29th March 2014
 Total Delegates : 2 People



Komandan ABPM Kuala Kubu Bharu memberikan taklimat
FRDM KKB Commandant was doing the briefing



Deligasi Dubai mendengar taklimat yang disampaikan
Delegation from Dubai was listening to the briefing



Sesi soal jawab antara deligasi Dubai dengan Komandan ABPM
Q&A session between the Dubai Delegation with the FRAM commandant

BANGLADESH

BANGLADESH

Tujuan : Menjalani latihan USAR, High Rise dan HAZMAT. Bagi melihat kemudahan-kemudahan latihan yang terdapat di ABPM.
 Tempat : ABPM Kuala Kubu Bharu, Selangor, ABPM Wakaf Tapai, Terengganu dan Ibu Pejabat JBPM
 Tarikh : 14hb Ogos 2014
 Jumlah Delegasi : 21 Orang

Objective : To Undergo USAR, High Rise and hazmat training. To observe Training facilities in ABPM.
 Place : FRAM Kuala Kubu Bahru, FRAM Wakaf Tapai, Terengganu and FRDM Headquarters
 Date : 14th August 2014
 Number of delegates : 21 People



PgB Borhan bin Madon memberikan taklimat awal kepada deligasi-deligasi
PgB Borhan bin Madon was giving an intro briefing to the delegates



Deligasi-deligasi mendengar taklimat yang disampaikan oleh PKPjB Mohammad Hamdan bin Hj. Wahid, PKP Bahagian Latihan Ibu Pejabat, JBPM
The delegates were listening to the briefing presented by PKPjB Mohammad Hamdan bin Hj. Wahid, Assistant Director General of Training Division, FRDM headquarters

MALAYSIAN TECHNICAL COOPERATION PROGRAMME (MTCP)

Kursus : International Structural Fire Fighting (ISFF)
 Anjuran : Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia dan Wisma Putra
 Penyertaan : Brazil, Brunei, Fiji, Kuwait, Antigua Seychelles, Vietnam, Mongolia dan Mauritius
 Tempat : Akademi Bomba dan Penyelamat Malaysia Kuala Kubu Bharu, Selangor Darul Ehsan
 Tarikh : 27hb Oktober hingga 07 November 2014
 Jumlah Peserta : 13 orang

MALAYSIAN TECHNICAL COOPERATION PROGRAMME (MTCP)

Course : International Structural Fire Fighting (SFF)
 Organiser : Fire and Rescue Department Malaysia and Wisma Putra
 Participation : Brazil, Brunei, Fiji, Kuwait, Antigua Seychelles, Vietnam, Mongolia and Mauritius
 Place : Fire and Rescue Academy Malaysia Kuala Kubu Bharu, Selangor Darul Ehsan
 Date : 27th October to 7 November 2014
 Number of participants : 13 people



Peserta kursus International Structural Fire Fighting (ISFF) bersama Komandan ABPM KKB
Participant of International Structural Fire Fighting (ISFF) with FRAM KKB Commandant



Peserta kursus menjalani latihan simulasi kebakaran minyak
Course participants were trained with oil fire simulation



Penceramah menyampaikan maklumat berkenaan ICS kepada peserta kursus
The lecturer was presenting ICS information to the course participant

KURSUS KEPAKARAN LUAR NEGARA/ OVERSEAS EXPERTISE COURSES

Bil/ No.	Nama Kursus/ Courses	Bilangan Siri/ Series
1	HAZMAT Team Leader Instructor - TOT	1
2	NFPA 1041 Level 1 for Instructor	1
3	FSE-091-Fire Safety Inspection and Audit Methodologies and Procedure	1
4	Kursus Pemanduan Kenderaan Kecemasan - TOT	1
5	Fire Safety and Its Engineering Principles	1
6	Incident Commander Leadership - TOT	1
Jumlah/ Total		6

Jadual 4 : Senarai kursus kepakaran luar negara yang dilaksanakan pada tahun 2014
Table 4 : List of conducted overseas expertise courses year 2014

Sepanjang tahun 2014, Bahagian Latihan telah mengadakan 6 siri kursus kepakaran luar Negara bagi meningkatkan lagi ilmu pengetahuan kebombaian pegawai dan jurulatih JBPM. Maklumat kursus-kursus tersebut adalah seperti berikut:

During year 2014, training division has conducted 6 series of overseas expertise courses in order to improve knowledge among fire officers and FRDM trainers. The following are details of the courses:

a) HAZMAT Team Leader Instructor - TOT

Tempat : Akademi Bomba dan Penyelamat
Malaysia Kuala Kubu Bharu,
Selangor Darul Ehsan
Tarikh : 24hb Nov hingga 5 Dis 2014
Peserta : 30 orang

a) HAZMAT Team Leader Instructor - TOT

Place : FRAM Kuala Kubu Bharu,
Selangor Darul Ehsan
Date : 24 Nov to 5 Dec 2014
Participant : 30 ppl

b) NFPA 1041 Level 1 for Instructor

Tempat : Akademi Bomba dan Penyelamat
Malaysia Wakaf Tapai,
Terengganu
Tarikh : 17hb hingga 28 November 2014
Peserta : 30 orang

b) NFPA 1041 Level 1 for Instructor

Place : FRAM Wakaf Tapai, Terengganu
Date : 17 to 28 November 2014
Participant : 30 ppl

c) FSE-091-Fire Safety Inspection and Audit Methodologies and Procedure

Tempat : Bomba dan Penyelamat Malaysia
Pahang Darul Makmur
Tarikh : 3hb hingga 7 November 2014
Peserta : 35 orang

c) FSE-091-Fire Safety Inspection and Audit Methodologies and Procedure

Place : FRDM Pahang Darul Makmur
Date : 3 to 7 November 2014
Participant : 35 ppl

d) Kursus Pemanduan Kenderaan Kecemasan - TOT

Tempat : Pusat Kejuruteraan Jentera
Bandar Baru Salak Tinggi,
Selangor
Tarikh : 7hb hingga 17 Oktober 2014
Peserta : 10 orang

d) Emergency Vehicle Driving course - TOT

Place : Pusat Kejuruteraan Jentera
Bandar Baru Salak Tinggi,
Selangor
Date : 7 to 17 October 2014
Participant : 10 ppl

e) Fire Safety and Its Engineering Principles

Tempat : Akademi Bomba dan Penyelamat
Malaysia Kuala Kubu Bharu,
Selangor Darul Ehsan
Tarikh : 10hb hingga 14 November 2014
Peserta : 35 orang

e) Fire Safety and Its Engineering Principles

Place : FRAM Kuala Kubu Bharu,
Selangor Darul Ehsan
Date : 10 to 14 November 2014
Participant : 35 ppl

f) Incident Commander Leadership - TOT

Tempat : Akademi Bomba dan Penyelamat
Malaysia Kuala Kubu Bharu,
Selangor Darul Ehsan
Tarikh : 17hb hingga 21 November 2014
Peserta : 35 orang

f) Incident Commander Leadership - TOT

Place : FRAM Kuala Kubu Bharu,
Selangor Darul Ehsan
Date : 17 to 21 November 2014
Participant : 35 ppl

PERSIDANGAN, SEMINAR, BENGKEL DAN LAWATAN KE LUAR NEGARA

Seminar, Workshop, Convention and Visit to Oversea

KURSUS/ SEMINAR/ LATIHAN (PEMBIAYAAN)/ <i>Course/Seminar/Traning (Sponsorship)</i>		
Bil/ No	Tempat/ Place	Jumlah Pegawai/ No of Officer
1	Singapura	11
2	Thailand	7
3	Indonesia	3
4	Czech Republik	1

PROGRAM BAHAGIAN-BAHAGIAN *Programmes by Divisions*

5	Austria	1
6	Australia	1
7	Korea	1
8	India	1
9	Jepun	23
10	United Kingdom	1
11	Pakistan	1
12	Qatar	1
Jumlah / Total		52

Jadual 5 : Peserta yang menghadiri kursus/ Seminar/ latihan (pembiayaan) ke Luar Negara bagi tahun 2014
Table 5 : Participants in the oversea courses/seminar/training (sponsorship) in year 2014

KURSUS/ SEMINAR/ LATIHAN (ONE OFF) / <i>Course/Seminar/Traning (ONE OFF)</i>		
Bil/No	Tempat/Place	Jumlah Pegawai/ No of Officer
1	Switzerland	8
2	Amerika Syarikat	4
3	United Kingdom	1
4	Indonesia	1
5	Italy	2
6	Singapura	8
7	Australia	5
8	China	4
Jumlah/Total		33

Jadual 6 : Peserta yang menghadiri kursus/ Seminar/ latihan (One Off) ke Luar Negara bagi tahun 2014
Table 6 : Participants in the oversea courses/seminar/training (ONE OFF) in year 2014

Pada tahun 2014 seramai 52 orang pegawai JBPM telah menghadiri pelbagai program di luar Negara yang perbelanjaan ditanggung oleh penganjur. Di samping itu, seramai 33 orang pegawai JBPM telah menghadiri pelbagai program di luar negara di bawah program *One Off* Jabatan. Sejumlah RM747,933.50 telah diperuntukan untuk program ke luar negara.

In 2014 a total of 40 officers have attended various courses abroad. Where as many as 19 programs were attended by FRDM Officers. A total of RM747,933.50 was allocated to the abroad programs.

KESIMPULAN

Secara keseluruhannya, Bahagian Latihan telah berjaya mencapai prestasi yang baik pada tahun 2014. Semua aktiviti-aktiviti yang dirancang telah dilaksanakan dengan lancar dan berkesan. Pencapaian perbelanjaan peruntukan kewangan 2014 di bawah program sedia ada latihan ialah sebanyak RM17,423,891.00 dan peratusan perbelanjaan ialah sebanyak 94.9 peratus. Manakala di bawah program *one-off* JBPM jumlah peruntukan ialah sebanyak RM747,933.50 dengan peratusan pencapaian perbelanjaan ialah sebanyak 100 peratus.

CONCLUSION


Overall, in 2014 the Training Division has achieved a good performance. All planned activities were carried out smoothly and effectively. The achievement of financial allocations spending in 2014 under the existing program of training was RM17,423,891.00 and the percentage of expenditures stood at 94.9 per cent. While under the FRDM one-off provision amount was RM747,933.50 with the percentage of spending was 100 percent.

BAHAGIAN PERANCANGAN DAN PENYELIDIKAN

Research and Planning Division



CARTA ORGANISASI BAHAGIAN PERANCANGAN DAN PENYELIDIKAN
 JABATAN BOMBA DAN PENYELAMAY MALAYSIA
*Organisation Chart of Research and Planning Division
 Fire and Rescue Department of Malaysia*



JABATAN BOMBA DAN PENYELAMAT MALAYSIA Fire and Rescue Department of Malaysia

PIAGAM PELANGGAN:

Komitmen kami adalah untuk memastikan pelaksanaan perancangan dan penyelidikan berkaitan aspek kebombaan dilaksanakan secara professional.

Dengan itu kami berjanji:

- Mengeluarkan hasil penyelidikan dan kajian (Empirikal dan Konsep) dalam tempoh tujuh (7) hari selepas tamat penyelidikan dan kajian.
- Mengeluarkan hasil analisa keberkesanan produk dalam tempoh tujuh (7) hari selepas tamat kajian dan analisa.
- Mengeluarkan hasil spesifikasi dan rekomendasi perolehan jabatan dalam tempoh tujuh (7) hari selepas tamat kajian.

FUNGSI

Kajian Operasi Pemadaman Kebakaran:

- ➔ Menganalisa data-data berkaitan dengan kebakaran
- ➔ Kajian & penyelidikan keberkesanan peralatan/perkakasan pemadaman kebakaran
- ➔ Penyelidikan mengenai taktik-taktik operasi pemadaman kebakaran yang baru dan berkesan
- ➔ Mengkaji & membuat penyelidikan spesifikasi teknikal peralatan/ perkakasan baru pemadaman kebakaran
- ➔ Membuat ujian produk/ peralatan pemadaman kebakaran terkini
- ➔ Membuat kajian keberkesanan pemadaman kebakaran untuk risiko kebakaran khas
- ➔ Membuat kajian & penyelidikan keberkesanan pengendalian bencana yang melibatkan CBRNE (Chemical, Biology, Radiology, Nuclear & Explosion)

Kajian Operasi Penyelamatan:

- ➔ Menganalisa data-data berkaitan dengan penyelamatan
- ➔ Kajian & penyelidikan keberkesanan peralatan/perkakasan penyelamatan
- ➔ Penyelidikan mengenai taktik-taktik operasi penyelamatan yang baru dan berkesan
- ➔ Mengkaji & membuat penyelidikan spesifikasi teknikal peralatan/ perkakasan baru penyelamatan
- ➔ Membuat ujian produk/ peralatan penyelamatan terkini
- ➔ Membuat kajian keberkesanan penyelamatan untuk bencana industri & bencana alam

CLIENT CHARTER:

Our commitment is to ensure the implementation of planning and researches regarding fire fighting aspects are implemented professionally.

Therefore we pledge:

- *To produce studies and research results(Empirical and conceptual) within 7 days upon completion of the studies and research.*
- *To produce Product effectiveness analysis result within 7 days upon completion of the studies and analysis.*
- *To produce departments' procurement recommendation and specification result within 7 days upon completion of the studies.*

FUNCTION

Fire Fighting Operations Research:

- ➔ *Analyze data related to fire*
- ➔ *Study & research the effectiveness of the firefighting equipment/ hardware*
- ➔ *Research on the new and effective operational firefighting tactics.*
- ➔ *Review and research technical specifications of new Firefighting equipment/ hardware*
- ➔ *Testing the latest firefighting equipment/product*
- ➔ *To study the effectiveness of fire suppression for special fire risk*
- ➔ *To study & research effectiveness of handling of disaster involving CBRNE (Chemical, Biology, Radiology, Nuclear & Explosion)*

Rescue Operation Research:

- ➔ *Analyze data related to rescue*
- ➔ *Study & research the effectiveness of the rescue equipment/ hardware*
- ➔ *Research on the new and effective operational rescue tactics.*
- ➔ *Review and research technical specifications of new rescue equipment/ hardware*
- ➔ *Testing the latest rescue equipment/product*
- ➔ *To study the effectiveness of rescue for industrial & natural disasters*

Kajian Pemasangan Keselamatan Kebakaran (PKK):

- ➔ Membuat kajian & penyelidikan ke atas PKK bangunan
- ➔ Penyelidikan mengenai faktor kemanusiaan & persekitaran berkaitan keselamatan kebakaran bangunan
- ➔ Melaksanakan ujian keberkesanan & Perakuan PKK bangunan yang terkini / baru
- ➔ Kajian ke atas piawaian/ standard/ spesifikasi PKK bangunan
- ➔ Membuat cadangan kajian dan penyelidikan untuk digunakan dan dipasarkan dalam negara
- ➔ Membuat kajian Sains & Teknologi Keselamatan Kebakaran
- ➔ Menyelaraskan penyelidikan & pembangunan industri Keselamatan Kebakaran

Kajian Fire Behaviour:

- ➔ Kajian human behaviour, fire science & persekitaran semasa kebakaran, bencana industri & alam
- ➔ Mengkaji & membuat penyelidikan behavioural anggota kecemasan dalam pelaksanaan operasi pemadaman
- ➔ Menjalankan kajian saintifik fire behaviour bahan binaan & kaitannya keselamatan kebakaran bangunan.

PROGRAM, AKTIVITI DAN PENCAPAIAN TAHUNAN

KAJIAN:

Kajian Muskuloskeletal dan Faktor Risiko Ergonomik dan Fungsi Paru-Paru Bagi Pegawai-Pegawai Bomba.

Kajian dijalankan oleh Universiti Kebangsaan Malaysia dengan kerjasama Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia.

Objektif kajian adalah:

- Menentukan ketidaknormalan respiratori (obstruktif atau restriktif) dalam kalangan anggota bomba.
- Membandingkan nilai FEV1, FVC, FEV1/FVC% mengikut status merokok, umur dan tempoh tahun bekerja dalam kalangan anggota bomba.
- Menentukan korelasi nilai FEV1, FVC, FEV1/FVC% dengan umur dan tempoh tahun bekerja dalam kalangan anggota bomba.
- Menentukan hubungan pemakaian peralatan perlindungan peribadi dengan fungsi paru-paru dalam kalangan anggota bomba.

Fire Safety Installation (FSI) Research:

- ➔ *Study & research on building PPK*
- ➔ *Research on human & environmental factors related to building fire safety*
- ➔ *Implement PPK effectiveness test & Certification on recent/ new building*
- ➔ *Study on the building PPK benchmark / standard /specification*
- ➔ *To make study and research proposal to be applied and marketed locally*
- ➔ *To study Fire Safety Science & Technology research*
- ➔ *To coordinate the R & D of Fire Safety industry*

Fire Behaviour Research:

- ➔ *Study of human behavior, fire science & environment during industrial & natural disasters*
- ➔ *Review and research the behaviour of emergency personnel during performing firefighting operations*
- ➔ *Conduct scientific research on fire behavior of building materials & its association to building fire safety*

ACTIVITY, PROGRAMME AND ACHIEVEMENT FOR THE YEAR

RESEARCH:

Research on Musculoskeletal and Ergonomics Risk Factors and Lung Functions for Fire officers.

The study conducted by Universiti Kebangsaan Malaysia in collaboration with the Fire and Rescue Department Malaysia.

The objective of the study is to:

- *Identify respiratory abnormalities (obstructive or restrictive) among fire fighters.*
- *Compare the FEV1, FVC, FEV1 / FVC% by smoking status, age and years of work among fire fighters.*
- *Determine the correlation value FEV1, FVC, FEV1 / FVC% with age and duration of work among fire fighters.*
- *Determine the association between the usage of personal protective equipment with lung function among fire fighters.*

Methodology Kajian

- Kajian dijalankan ke atas 385 orang pegawai bomba lelaki yang berumur antara 21 hingga 45 tahun yang bertugas di Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur dan Selangor dengan sekurang-kurangnya mempunyai dua tahun pengalaman.
- Kajian dijalankan menggunakan peralatan-peralatan ujian tertentu.
- Program Statistical Package for The Social Sciences (SPSS) version 20.0 digunakan untuk mencipta pangkalan data yang sesuai. Analisis Deskriptif (Descriptive Analysis) telah digunakan untuk data demografi dan status kecergasan fizikal. Sementara itu, "one way" ANOVA telah digunakan untuk membandingkan komponen kecergasan fizikal mengikut umur. "Post hoc analysis" menggunakan Bonferroni telah digunakan untuk mencari nilai yang signifikan antara kumpulan.

Rumusan / Hasil Kajian

- Sejumlah 77.1% daripada pegawai bomba mendapat skor yang sangat rendah dalam "Hand Grip Test". Hanya terdapat 3.1% dan 5.5% sahaja mendapat skor yang baik dan cemerlang. Keadaan ini berlaku kerana aktiviti-aktiviti berat yang kerap dilakukan oleh pegawai bomba. Mengikut Dohi et al. (2001), kerja-kerja berat akan mengurangkan tindakbalas "lymphocyte proliferative" dalam otot dan ia akan merendahkan fungsi tangan. Aktiviti harian melawan kebakaran seperti memegang dan mengangkat hos melibatkan bahagian lengan atas. Oleh itu, adalah penting bagi mereka untuk mempunyai kekuatan genggam tangan yang baik (Murugan 2013). Kegagalan dalam memaksa keupayaan maksimum otot, boleh menyebabkan orang berkenaan mendapat gangguan muskuloskeletal (Roma-Liu & Tokarski 2005).
- Dalam ujian fleksibiliti, peratusan yang mempunyai skor rendah adalah yang tertinggi (53.2%) berbanding dengan ujian-ujian lain yang dijalankan. "Sit and reach test" telah digunakan untuk menguji fleksibiliti. Apabila sampai di tempat kejadian, pergerakan atau mobiliti pegawai bomba menjadi lebih terhad disebabkan oleh peralatan peribadi perlindungan yang berat yang mereka gunakan. Dalam usaha untuk mengatasi keadaan ini, adalah penting bagi pegawai bomba untuk menjadi lebih fleksibel dengan meningkatkan fleksibiliti. Orang terdedah untuk mendapatkan kecederaan seperti sakit belakang jika mereka tidak dapat mengekalkan fleksibiliti mereka (Karlie 2014).

Methodology Study

- *The study was conducted on 385 people male fire officers aged between 21 and 45 years who served in the Federal Territory of Kuala Lumpur and Selangor with at least two years of experience.*
- *Studies conducted using specific test equipment.*
- *Statistical Package for the Social Sciences Programme (SPSS) version 20.0 was used to create the appropriate database. Descriptive Analysis was used for demographic data and physical fitness status. Meanwhile, the "one way" ANOVA was used to compare the components of physical fitness according to age. "Post hoc analysis" using the Bonferroni was used to find significant value between groups.*

Summary / Results Study

- *A total of 77.1% of the fire officers has received very low scores in the "Hand Grip Test". There were 3.1% and 5.5% only get a good score and brilliant. This occurred because of the heavy activities were regularly carried out by the fire officials. According to DOHI et al. (2001), the heavy work will reduce reaction "lymphocyte proliferative" in the muscle and it will reduce hand function. Daily activities such as fire fighting hose holding and lifting which involving the upper limb. Therefore, it is important for them to have a good hand grip strength (Murugan 2013). Failure to enforce the maximum potential of muscle, can cause people concerned have musculoskeletal disorders (Roma-Liu & Tokarski 2005).*
- *In flexibility test, the percentage of low scores has recorded the highest percentage of (53.2%) as compared with other tests that were carried out. "Sit and reach test" was used in order to test the flexibility. When arrived at the scene, fire officer's movement or mobility becomes more limited due to the heavy protective personal equipment that they were using. In order to overcome this situation, it is important for fire officers to become more flexible by increasing their flexibility ability. People prone to get injuries such as back pain if they do not maintain their flexibility (Karlie 2014).*

- Keputusan menunjukkan bahawa daya tahan otot semakin berkurangan dengan ketara untuk "one minute sit up" dan "one minute push up" semakin umur bertambah. Mengikut Thompson (1994), pengurangan daya tahan otot di kalangan orang yang lebih tua adalah disebabkan oleh peningkatan dalam tahap keletihan. Katsiaras et al. (2005) menyatakan bahawa kegagalan dalam mengekalkan ketegangan otot boleh mengurangkan daya tahan otot yang disebabkan oleh keletihan. Penurunan fleksibiliti di kalangan orang yang lebih tua adalah berkaitan dengan penurunan dalam bilangan tisu penghubung yang terdapat dalam otot. Pembebasan estrogen dan androgen menyebabkan flexibiliti yang berkurangan dan menjadi lebih terhad apabila manusia menjadi semakin tua (Valdivia et al. 2008).

Kajian Kebakaran Tanah Gambut.

Kajian dijalankan dengan tujuan mengenalpasti bahan-bahan semulajadi yang terdapat di kawasan tanah gambut yang boleh terbakar secara semulajadi jika didedahkan kepada pancaran matahari terik.

Methodology Kajian

- Thermal Gravimetry Analyser (TGA). Analisis dijalankan di makmal bagi menentukan tahap suhu pirolisis "auto ignition" sampel-sampel. Auto ignition bagi sampel-sampel berkenaan adalah disekitar 268.81°C - 293.58°C.
- Ujian sampel secara simulasi. Ujikaji ini dijalankan untuk menentukan tahap suhu "auto ignition" yang dibiarkan melalui medium. Ujikaji sampel tersebut adalah ujikaji sampel dengan serpihan kaca, botol kaca, botol plastik, kanta cembong dan puntung rokok.

Rumusan / Hasil Kajian

- Bahan-bahan fuel load semulajadi yang terdapat di kawasan hutan gambut tidak dapat terbakar secara sendirinya jika didedahkan dengan pancaran matahari yang terik.
- Kehadiran bahan-bahan asing seperti serpihan kaca, botol kaca dan botol plastik didapati tidak dapat menghasilkan haba yang cukup tinggi memulakan kebakaran.
- Kanta cembong boleh memulakan kebakaran. Walaubagaimanapun kanta cembong bukan lah bahan atau alat yang biasa terdapat di persekitaran untuk dikaitkan sebagai punca kebakaran.
- Puntung rokok yang tidak dipadamkan boleh menjadi punca yang memulakan kebakaran pada kawasan tanah gambut.

- *The results showed that muscular endurance was decreasing significantly for "one minute sit up" and "one minute push up" progressively with age factor. According to Thompson (1994), reduction of muscular endurance among older people is due to an increase in the level of fatigue. Katsiaras et al. (2005) states that the failure to maintain muscle tension can reduce muscle endurance due to fatigue. Decrease flexibility among older people is associated with a decrease in the number of connective tissue found in muscle. Release of oestrogen and androgen causes flexibility to be reduced and becoming more limited as a human grows old (Valdivia et al. 2008).*

Peat Fires Studies.

The study was conducted with the aim of identifying the natural ingredients found in peat, which can burn if exposed to the natural direct sunlight.

Methodology Review

- *Thermal Gravimetry Analyser (TGA). Analysis carried out in the laboratory to determine the level of pyrolysis temperature on "auto ignition" samples. Auto ignition for the respective samples is around 268.81 oC - 293.58 oC.*
- *Testing of samples by simulation. This experiment was carried out to determine temperature level for "auto ignition" which was refracted through the medium. The test sample was a sample experiments with pieces of glass, glass bottles, plastic bottles, and cigarette butts magnifying lens.*

Summary / Results of The Study

- *Natural fuel load substances in peat forest areas will not burn itself even if it was exposed to the scorching sun.*
- *The presence of foreign materials such as pieces of glass, glass bottles and plastic bottles will not generate enough heat to spark the fire.*
- *Magnifying lenses can spark a fire. However, the lens is not commonly found in the environment to be attributed as the cause of the fire.*
- *Cigarette butts that were not quenched properly can be the cause of a fire that started on peat lands.*

Gambar sekitar kajian / *Pictures on the conducted research:*



mengambil sampel tanah gambut
sample was taken from the peat soil



kelajuan angin diambil
wind speed was measured



Ujikaji analisa makmal menggunakan alat Thermal Gravimetry Analyzer (TGA)

Analysis was done using Thermal Gravimetry Analyzer (TGA)

INOVASI:

Pertandingan Inovasi JBPM Peringkat Kebangsaan 2014.

- Pada tahun ini sebanyak 31 penyertaan telah diterima untuk pertandingan inovasi JBPM peringkat kebangsaan. Setelah dibuat tapisan, hanya 16 penyertaan sahaja yang layak untuk di pertandingan di pertandingan berkenaan.
- Pertandingan Inovasi JBPM Peringkat kebangsaan 2014 telah di Primaland Hotel & Resort, Port Dickson, Negeri Sembilan pada 14 hingga 18 November 2014. Sebanyak 16 peserta (kumpulan) dari 16 negeri telah berjaya melayakkan diri ke pertandingan akhir.
- Pertandingan ini telah diadili oleh 3 orang juri iaitu:
 - PPjB Soberi B Basiran (Ketua Juri) dari Akademi Bomba dan Penyelamat Malaysia, Kuala Kubu Bharu
 - En. Mohd Khairul Akmal B. Rudzuan dari Bahagian Kejuruteraan, Ibu Pejabat JBPM
 - En. Muhammad Hazif Azlan Bin Ziaudin Ahamed dari Perbadanan Harta Intelek Malaysia, Kuala Lumpur.

INNOVATION

FRDM National Innovation Competition 2014.

- *During the year a total of 31 entries were received for the the national level competition of FRDM innovation. After conducting the screening, only 16 participants were eligible for participation in the event.*
- *FRDM National Innovation Competition 2014 was held in Primaland Hotel & Resort, Port Dickson, Negeri Sembilan on 14 to 18 November 2014. A total of 16 participants (group) from 16 states have managed to qualify for the finals.*
- *The competition was judged by a jury of 3 people:*
 - *PPjB Sobberi b. Basiran (Chief Judge) of the Fire and Rescue Academy Malaysia, Kuala Kubu Bharu*
 - *Mr. Mohd Khairul Akmal b. Rudzuan of the Engineering Division, FRDM Headquarters*
 - *Mr. Muhammad Hazif Azlan Bin Ziaudin Ahamed of Intellectual Property Corporation of Malaysia, Kuala Lumpur.*

Keputusan pertandingan seperti berikut:

The results of the competition as follows:

Kedudukan <i>Post</i>	Kumpulan <i>Group</i>	Negeri <i>State</i>	Projek <i>Project</i>	Markah <i>Score</i>
Johan <i>Winner</i>	Heli	Kedah	Duck Leg	84%
Naib Johan <i>Second Place</i>	Progresif Dedikasi	N.Sembilan	Sling Hook	82%
Ketiga <i>Third Place</i>	Einstein	Kuala Lumpur	Ring Schneider 14	79%

Peserta yang menjadi johan telah membawa pulang hadiah berupa wang tunai berjumlah RM 5000 beserta sebuah trofi dan sijil. Manakala tempat kedua membawa pulang hadiah berupa wang tunai berjumlah RM 3000 beserta sijil dan pemenang tempat ke tiga telah membawa pulang hadiah berupa wang tunai berjumlah RM 2000 beserta sijil.

Participant who has becoming the champions has taken home a cash prize of RM 5,000 with a trophy and a certificate. While second place has won a cash prize of RM 3,000 and a certificate and third place winner has taken home a cash prize of RM 2,000 and a certificate.

Gambar-gambar sekitar pertandingan inovasi JBPM peringkat kebangsaan tahun 2014.

Pictures around the FRDM national innovation competition in 2014 as follow:



Pertandingan Inovasi KPKT Tahun 2014:

MHLG Innovation Competition 2014:

- Pertandingan Inovasi KPKT tahun 2014 telah diadakan pada 2 Oktober 2014 di Dewan Kristal, Kementerian Kesejahteraan Bandar, Perumahan dan Kerajaan Tempatan.
- Dalam pertandingan berkenaan JBPM telah memenangi beberapa anugerah seperti berikut:-
 - Anugerah Inovasi Menteri KPKT 2014:
 - Kumpulan IGNIS, Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia Pulau Pinang.
 - Hadiah : Wang Tunai RM 5,000, Piala dan Sijil Penghargaan.
 - Gambar-gambar berkaitan:

- *MHLG Innovation Competition 2014 was held on 2 October 2014 at the Crystal Hall, Ministry of Urban Wellbeing, Housing and Local Government.*
- *In the competition FRDM has won several awards as follows:-*
 - *MHLG Minister Innovation Award of the Year 2014:*
 - *Group IGNIS, Fire and Rescue Department Malaysia of Pulau Pinang.*
 - *Prizes: Cash RM 5,000, trophy and certificate of appreciation.*
 - *The pictures of:*



- Pemenang Pertandingan Kumpulan Inovatif Dan Kreatif (KIK) KPPT 2014, Kategori Teknikal:
- Tempat Pertama (Anugerah KIK Menteri): Kumpulan PD, Balai Bomba dan Penyelamat Port Dickson, Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia Negeri Sembilan.
- Hadiah : Wang Tunai RM 5,000 , Piala dan Sijil.
- Pengiktirafan Kepada Kumpulan Kik Berdasarkan Pencapaian Keseluruhan Kumpulan:
- *Winner of Innovative and Creative Competition (ICG) MHLG 2014, Technical Category:*
- *First Place (CIC Minister Award): Group PD, Port Dickson Fire Station, Fire and Rescue Department Malaysia of Negeri Sembilan.*
- *Prizes: Cash RM 5,000, trophy and certificate.*
- *Recognition to the group was based on the overall performance of the group:*

Kedudukan Pemenang <i>Awards</i>	Pemenang <i>Winner</i>	Hadiah <i>Prize</i>
Anugerah Fasilitator / Ketua Kumpulan Terbaik <i>Best Fasilitator/ Team Leader Award</i>	Encik Mohd Sharif bin Ahmad - Kumpulan PD, Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia Port Dickson	Wang Tunai RM 300 dan Sijil Penghargaan <i>Cash RM300 and Certificate</i>
Anugerah Dokumen Terbaik <i>Best Documentation Award</i>	Kumpulan PD, Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia Port Dickson	Wang Tunai RM 300 dan Sijil Penghargaan <i>Cash RM300 and Certificate</i>
Anugerah Pameran Terbaik <i>Best Exhibitors Award</i>	Kumpulan Utara, Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia Selangor	Wang Tunai RM 300 dan Sijil Penghargaan <i>Cash RM300 and Certificate</i>

- Gambar-gambar berkaitan:



- Photos around the event:



Anugerah-Anugerah Lain:

- 42nd International Exhibition Of Inventions Of Geneva, 2 - 4 April 2014, Switzerland.
 - Anjuran:
 - The Swiss Federal Government.
 - The State and City of Geneva.
 - The World Intellectual Property Organization (WIPO)
 - Projek Inovasi "IGNIS Rescue Raft 09 (IRR 09)".
 - Kumpulan IGNIS, Jabatan Bomba dan Penyelamat Pulau Pinang.
 - Mendapat anugerah :
 - Gold Medal Serta Diploma Gold Medal.
 - Thailand Award For Best International Invention Dari Negara Thailand.
 - Diplome In Cientific Merit And Excelent European Cooperation Award Dari Negara Portugal.
 - Pelangi Alternatif Solution Adaptor 06 (PASA 06):
 - Kumpulan IGNIS, Jabatan Bomba dan Penyelamat Pulau Pinang.
 - Mendapat anugerah : Pingat Perak

Other Awards:

- The 42nd International Exhibition of Inventions of Geneva, 2 to 4 April 2014, Switzerland.
 - Organized by:
 - The Swiss Federal Government.
 - The State and City of Geneva.
 - The World Intellectual Property Organization - WIPO
 - Innovation Project "IGNIS Rescue Raft 09 (IRR 09)".
 - IGNIS, Fire and Rescue Department, Penang.
 - Obtained awards:
 - Gold Medal and Diploma.
 - Thailand Award For Best International Invention Of Thailand.
 - Diplome In Cientific Merit And Excelent European Cooperation Award From Portugal.
 - Pelangi Alternative Solution Adaptor 06 (PASA 06):
 - IGNIS, Fire and Rescue Department, Penang.
 - Obtained awards: Silver Medal

PROGRAM BAHAGIAN-BAHAGIAN *Programmes by Divisions*

- Gambar-gambar berkaitan:



- *Photos around the event:*



- Asia Pacific Quality Conference (APQC) 2014, di Kuala Lumpur Convention Centre (KLCC), Kuala Lumpur, 24 - 26 November 2014.

- Asia Pacific Quality Conference (APQC), 2014, in Kuala Lumpur Convention Centre (KLCC), Kuala Lumpur, 24 to 26 November 2014.

- Ignis Mud Surfer 12 (IMS 12):
 - Kumpulan IGNIS, Jabatan Bomba dan Penyelamat Pulau Pinang.
 - Mendapat anugerah : Anugerah EMAS Tiga Bintang

- *Ignis Mud Surfer 12 (IMS 12):*
 - *IGNIS, Fire and Rescue Department, Penang.*
 - *Obtained awards: Gold Star Award*

- Gambar-gambar berkaitan:

- *The pictures of:*



- Konvensyen KIK Perkhidmatan Awam Kebangsaan ke 31 di Hotel Renaissance, Johor Bharu, Johor dari 1 hingga 4 Disember 2014:
 - Kumpulan PD (Progresif Dedikasi), JBPM Negeri Sembilan.
 - Mendapat anugerah : Anugerah KP Perkhidmatan Awam
- 31st National Public Service KIK Convention at the Renaissance Hotel, Johor Bharu, Johor from 1 to 4 December 2014:
 - The PD (Progressive Dedication), Negeri Sembilan JBPM.
 - Obtained awards: KP Award for Public Service

TAKLIMAT DAN DEMONSTRASI PRODUK:

Taklimat dan demonstrasi produk yang dijalankan oleh Bahagian Perncangan dan Penyelidikan adalah bertujuan bagi menilai peralatan yang akan dibeli atau dicadangkan untuk dibeli oleh jabatan. Penilaian dibuat meliputi aspek Aplikasi (Kebolegunaan dan praktikal untuk tugas yang ditetapkan), Keyakinan (Kebolehpercayaan berfungsi dengan baik dan tepat bila masa digunakan), Ketahanan (Mampu untuk bertahan lama dan tidak mudah rosak), Mesra pengguna (Mudah untuk digunakan dan dikendalikan oleh pengguna), Kualiti (Tahap mutu buatan yang tinggi), Memenuhi keperluan standard (Pematuhan yang mencapai kepada piawaian yang telah ditetapkan, bersesuaian dengan standard teknologi terkini), Keselamatan (Selamat, tidak menampakkan kemerbahayaan bila digunakan), Nilai kepada wang (Nilai wang yang sehubungan dengan dengan kualiti dan kegunaan produk atau tidak rugi dibeli), Fungsi (Amat baik dari segi keupayaan pelaksanaan sesuatu kerja) dan Kelestarian teknologi (Teknologi atau fungsi masih kekal lama dan tidak luput/lupus dengan peredaran masa).

Pada tahun 2014 ini sebanyak 36 syarikat telah memberi taklimat dan demo produk.

Gambar sekitar taklimat dan demo produk.



PRODUCTS BRIEFING AND DEMONSTRATION:

Product briefings and demonstrations was conducted by the Research and Planning Division was intended to evaluate the equipment to be purchased or proposed to be purchased by the department. Aspects of evaluation include the Applications (Usability and practical), confidence (reliable to function properly and use at the right time), endurance (able to last for a long time and not easily damaged), User-friendly (easy to use and controlled by the user), Quality (made of high quality level), meets the standard requirements (Compliance with the standards in accordance with the latest technology standard), Security (Secure, has not appeared danger when used), the value of money (the price value that were in tandem with the quality and usefulness of the product), functionality (in terms of capability in performing the task) and sustainability of technology (technology or function remains long and not expired / lapsed with the passage of time).

In 2014 a total of 36 companies had their briefings and product demonstrations.

The following are the pictures around briefings and product demonstrations.





KAJIAN KEPUASAN PELANGGAN (CUSTOMER SATISFACTION INDEX) 2013:

Objektif Kajian: Kajian ini bertujuan mengukur persepsi tahap kepuasan pelanggan terhadap perkhidmatan utama yang telah diberikan oleh JBPM

Skop Kajian : Kajian ini memfokuskan kepada 2 perkhidmatan teras JBPM iaitu perkhidmatan operasi kebommbaan dan keselamatan kebakaran. Responden adalah terdiri daripada pelanggan jabatan di seluruh negara sepanjang tahun 2013

Kaedah Pengumpulan Dan Analisis Data:

- pengumpulan data dilaksanakan melalui soal selidik yang dibuat ke atas sampel secara rawak seramai 6665 responden di seluruh negara.
- Untuk memastikan setiap negeri diwakili dalam sampel, sebanyak 30% daripada jumlah tahunan maklum balas yang diperolehi di setiap negeri akan diambil sebagai sampel.

Penemuan:

Berdasarkan kepada hasil soal selidik, petunjuk min prestasi indeks keseluruhan bagi kajian yang telah dijalankan adalah seperti berikut:

- Perkhidmatan Operasi : 99.37%
- Perkhidmatan Pencegahan Keselamatan Kebakaran : 98.64%
- Indeks Keseluruhan : 99.00%

Syor:

- Bagi Bahagian Operasi Kebommbaan, perkara yang perlu diberi perhatian ialah bantuan khidmat kebommbaan/ khidmat Bomba Sukarela. Jabatan perlulah mempergiatkan lagi aktiviti latihan dan mewujudkan lebih banyak pasukan bomba sukarela di kawasan-kawasan yang perlu di seluruh negara.
- Bagi bahagian Keselamatan Kebakaran pula, kekerapan pengedaran risalah kebommbaan dan manfaat / informasi risalah, perkara ini perlu dikaji semula. Pengedaran risalah tidak hanya dibuat semasa aktiviti pameran diadakan, ia juga boleh dilakukan apabila jabatan menganjurkan seminar, ceramah dan aktiviti bersama pasukan kadet bomba.

CUSTOMER SATISFACTION SURVEY INDEX 2013:

The objective of the study: The study was aimed to measure the perception of the level of customer satisfaction with the key services provided by the FRDM

The scope of the study: This study focused on the two core services of FRDM, fire safety and fire-fighting operations. The respondents were comprised of customers across the country during the year 2013

Methods of Data Collection and Analysis:

- *Data collection was conducted through questionnaires made on a random sample of 6665 respondents nationwide.*
- *To ensure that every state represented in the sample, 30% of the total annual responses obtained in each state will be taken as a sample.*

Findings:

Based on the results from the questionnaires, the mean for the overall performance index studies are as follows:

- *Operational Services: 99.37%*
- *Fire Safety Prevention Services: 98.64%*
- *Overall Index: 99.00%*

Recommendation:

- *Fire Operations Division, aspects that should be considered are fire service assistance / Volunteer Fire Service. The Department should intensify its training activities and create more volunteer fire brigades in the areas that need to be in the country.*
- *For the Fire Safety, the frequency distribution of pamphlets regarding fire and the benefits / information brochure, should be reviewed. The leaflets distribution was not only made during the exhibition, it also can be done when the department organizes seminars, lectures and activities with fire cadet team.*

- Kekerapan dan kesesuaian lokasi ceramah / demonstrasi / pameran yang diadakan juga perlu dikaji semula. Dicadangkan supaya satu kajian yang lebih mendalam dilakukan untuk menyelesaikan isu ini.

Rumusan:

- Pencapaian indeks keseluruhan bagi tahun 2013 sebanyak 99% adalah satu peningkatan yang memberansangkan. Indeks keseluruhan ini berada dalam kategori sangat baik. Pencapaian ini telah meningkat sebanyak 8.3% berbanding indeks keseluruhan kepuasan pelanggan pada tahun 2012 iaitu sebanyak 91.7%.
- Walaupun pencapaian kepuasan pelanggan keseluruhan bagi tahun 2013 ialah 99%, namun nilai lebih sebanyak 1% yang tidak berpuashati dengan perkhidmatan jabatan ini perlu diberi perhatian. Jika dilihat dari setiap item soalan yang dikaji, mana-mana nilai ketidakpuasan pelanggan yang melebihi 1% perlulah diberi perhatian untuk peluang penambahbaikan pada masa akan datang.

KAJIAN OUTCOME:

Pada tahun ini terdapat dua kajian outcome yang dijalankan iaitu:-

- Outcome Balai Bomba Jalan Hang Tuah JBPM.
- Outcome Pembinaan Ibu Pejabat JBPM Putrajaya.

Outcome Balai Bomba dan Penyelamat (BBP) Jalan Hang Tuah JBPM:

- Objektif kajian : Menilai outcome pembinaan BBP Jalan Hang Tuah.
- Skop kajian:
 - Kekerapan perkhidmatan yang diberikan
 - Persepsi kakitangan terhadap persekitaran bekerja di bangunan baru
 - Persepsi pelanggan terhadap perkhidmatan
- Methodology kajian:
 - Data primer : (Maklumbalas responden melalui borang soal selidik):
 - Customer Satisfaction Index (CSI).
 - Staff Satisfaction Index (SSI).
 - Data sekunder : (Statistik aktiviti perkhidmatan):
 - Kebakaran
 - Penyelamatan
 - Latihan

- *The frequency and appropriateness of the location of the lecture / demonstration / exhibition held also needs to be reviewed. It was proposed that a further study be done to resolve this issue.*

Summary:

- *The achievement of the overall index for the year 2013 of 99% was an encouraging improvement. The overall index was in the very good category. This achievement has increased by 8.3% compared to the overall customer satisfaction index in 2012 of 91.7%.*
- *Although the overall performance of customer satisfaction for 2013 was 99%, but the surplus of 1% dissatisfied with our services need to be addressed. Any items that have been studied, with customers dissatisfaction value in excess of 1% [see Table 2] should be considered for future improvement.*

OUTCOME STUDIES:

| <p>5. Merancang, mengurus dan mengawal selia manual <i>airworthiness and operational training</i>.</p> <p>6. Membangun dan menguruskan sistem pangkalan data.</p> <p>7. Membangun dan menganalisa keberkesanan latihan pengukuhan dan operasi serta mengesyorkan penambahbaikan.</p> <p>8. Menyelia, menyelaraskan dan menentukan pematuhan terhadap pelaksanaan MS ISO9001:2008 JBPM serta penambahbaikan kualiti JBPM.</p> <p>9. Merancang dan menyelaraskan pengurusan latihan dengan agensi-agensi DCA, ATM, KKM, JAKOA, Jabatan Pemetaan, JKM dan lain-lain.</p> <p>10. Menyedia dan mentadbir kontrak kursus bagi pembangunan sumber manusia.</p> <p>11. Membangun, menyediakan dan mengurus dasar keselamatan udara yang merangkumi objektif dan polisi keselamatan, pengurusan risiko keselamatan, jaminan keselamatan dan polisi keselamatan latihan selaras dengan dasar keselamatan dan kesihatan pekerjaan JBPM.</p> <p>12. Mengawalselia keselamatan dan kerahsiaan dokumen dan dasar JBPM selaras dengan Akta Rahsia Rasmi 1972.</p> <p>13. Merancang dan membangun perancangan peruntukan tahunan.</p> <p>14. Merancang dan membangun perancangan latihan kompetensi dan kemajuan kerjaya di dalam dan luar negara.</p> <p>15. Mentauliahkan kompetensi setiap Juruterbang dan Anakapal setiap 3 dan 6 bulan berdasarkan peraturan DCA dan TUDM.</p> | <p>5. <i>To plan, manage and regulate the airworthiness and operational manual training.</i></p> <p>6. <i>Develop and manage a database system.</i></p> <p>7. <i>Develop and analyze the effectiveness of training and operational consolidation and recommend improvements.</i></p> <p>8. <i>Supervise, coordinate and determine compliance with the implementation of the MS ISO 9001: 2008 Rescue and Fire and Rescue quality improvement.</i></p> <p>9. <i>Plan and coordinate training management by DCA agencies, ATM, MOH, JAKOA, Mapping Department, Social Welfare Department and others.</i></p> <p>10. <i>Prepare and administer contracts for courses in human resource development.</i></p> <p>11. <i>Develop, provide and manage air safety policy that includes objectives and security policy, safety risk management, safety assurance and safety training policy in line with the basic safety and health JBPM.</i></p> <p>12. <i>To monitor the security and confidentiality of documents and policies JBPM accordance with the Official Secrets Act 1972.</i></p> <p>13. <i>Designing and building the planning of the annual allocation.</i></p> <p>14. <i>Designing and building competency training planning and career development at home and abroad.</i></p> <p>15. <i>certifying the competence of each pilot and Anakapal every 3 and 6 months by DCA regulations and RMAF.</i></p> |
|---|---|

CAWANGAN KEJURUTERAAN PESAWAT

AIRCRAFT ENGINEERING BRANCH

- | | |
|--|--|
| <p>1. Merancang, mengurus, meluluskan dan mengawalselia prosedur serta pelaksanaan penyenggaraan bagi mencapai piawaian technical <i>airworthiness</i> yang dikeluarkan oleh badan pengawal, (DCA, DGTA, ICAO dan OEM).</p> <p>2. Membangun dan mengurus sistem pangkalan data bagi alat ganti, alat bantuan penerbangan, bahan api dan pesawat.</p> | <p>1. <i>To plan, manage, approve and oversee the implementation and maintenance of procedures to achieve the technical standards of airworthiness issued by the regulatory body, (DCA, DGTA, ICAO and OEM).</i></p> <p>2. <i>Develop and manage a database system for spare parts, tools flights, fuel and air.</i></p> |
|--|--|

PROGRAM BAHAGIAN-BAHAGIAN *Programmes by Divisions*

- | | |
|---|--|
| <p>3. Membangun, mengurus dan mengawal selia dokumentasi, konfigurasi pesawat serta kesiapsiagaan pesawat.</p> | <p>3. <i>To develop, manage and regulate documentation, as well as the preparedness of aircraft flight configuration.</i></p> |
| <p>4. Merancang serta mengawal selia kualiti dan kuantiti alat ganti, alat bantuan penerbangan dan bahan api.</p> | <p>4. <i>To plan and regulate the quality and quantity of spare parts, tools and fuel cost.</i></p> |
| <p>5. Merancang dan memantau kompetensi personel berdasarkan peraturan DCA dan DGTA.</p> | <p>5. <i>To plan and monitor the competence of personnel in accordance with the rules and DGTA DCA.</i></p> |
| <p>6. Merancang dan membangun perancangan peruntukan tahunan.</p> | <p>6. <i>Designing and building planning annual allocation.</i></p> |
| <p>7. Membangun, merancang dan menyediakan manual teknikal pesawat berdasarkan peraturan DCA dan DGTA.</p> | <p>7. <i>Develop, plan and prepare technical manuals rules set by DCA and DGTA.</i></p> |
| <p>8. Membangun, mengurus dan mengawalselia prosedur keselamatan pengendalian serta pengisian bahan api pesawat.</p> | <p>8. <i>Develop, manage and regulate the safety procedures and the handling of aircraft fuel filling.</i></p> |
| <p>9. Membangun dan mentadbir penstoran bahan api di semua pangkalan dan setor penyimpanan di JBPM negeri-negeri.</p> | <p>9. <i>Develop and administer storage of fuel in storage bases and deposited in JBPM states.</i></p> |
| <p>10. Membangun dan mentadbir kontrak penyelenggaraan pesawat.</p> | <p>10. <i>Develop and administer contracts for aircraft maintenance.</i></p> |
| <p>11. Merancang dan membangunkan spesifikasi pesawat, peralatan keselamatan dan spesifikasi teknikal lain yang berkenaan.</p> | <p>11. <i>Plan and develop a set of specifications, safety equipment and other relevant technical specifications.</i></p> |
| <p>12. Mentauliahkan kompetensi juruteknik dan jurutera pesawat setiap tahun secara berkala berdasarkan peraturan DCA dan TUDM.</p> | <p>12. <i>certifying the competence of technicians and aircraft engineers every year on a regular basis under the rules of DCA and the RMAF.</i></p> |
| <p>13. Menyelia, menyelaraskan dan menentukan pematuhan terhadap melaksanakan dokumentasi MS ISO 9001: 2008 JBPM serta penambahbaikan kualiti JBPM.</p> | <p>13. <i>Supervise, coordinate and determine compliance with documentation implementing the MS ISO 9001: 2008 Rescue and Fire and Rescue quality improvement.</i></p> |

PANGKALAN UDARA SUBANG/BERTAM/ KHUCING/KOTA KINABALU

SUBANG AIR BASE/BERTAM/KHUCING/ KOTA KINABALU

- | | |
|--|---|
| <p>1. Merancang dan melaksana pentadbiran pengoperasian udara berdasarkan undang-undang, piawaian, peraturan DCA dan TUDM.</p> | <p>1. <i>To plan and implement administrative operation of air under the laws, standards, regulations and RMAF DCA.</i></p> |
| <p>2. Merancang dan mengurus urusan pentadbiran pegawai pangkalan dan aset serta keperluan sumber manusia.</p> | <p>2. <i>Plan and manage administrative personnel and asset base and human resource requirements.</i></p> |
| <p>3. Melaksana dan mentadbir pelaksanaan pengurusan operasi udara JBPM dalam kawasan jangkauan operasi bagi melaksanakan tugas SAR, <i>Air Ambulance, Medivac, Casevac</i>, HAZMAT, Kebakaran Hutan, <i>Air Transportation</i>, Logistik dan lain-lain.</p> | <p>3. <i>Implement and administer the implementation of the management of air operations in the range JBPM to perform SAR operations, Air Ambulance, Medivac, Casevac, HAZMAT, Forest Fire, Air Transportation, Logistics and others.</i></p> |

- | | |
|---|---|
| <p>4. Memastikan pelaksanaan operasi penerbangan berdasarkan kompetensi yang mematuhi peraturan DCA dan TUDM untuk Juruterbang, Flight Engineer, Kuartermaster Udara, Pasukan Khas Udara (PASKUB) dan Pegawai Kawalan Trafik Udara (ATC).</p> | <p>4. <i>Ensure the implementation of competency-based flight operations in compliance with the rules DCA and the RMAF for Pilots, Flight Engineer, Air Quartermaster, Paskau (PASKUB) and Air Traffic Control Officer (ATC).</i></p> |
| <p>5. Melaksana dan menyelaras pengurusan operasi udara dan latihan dengan agensi-agensi DCA, ATM, KKM, JAKOA, Jabatan Pemetaan, JKM dan lain-lain.</p> | <p>5. <i>Implement and coordinate the management of air operations and training with agencies DCA, ATM, MOH, JAKOA, Mapping Department, Social Welfare Department and others.</i></p> |
| <p>6. Menyediakan perancangan peruntukan tahunan untuk pangkalan.</p> | <p>6. <i>Prepare the annual allocation plan for the base.</i></p> |
| <p>7. Memantau dan melaksana prosedur penyenggaraan pesawat dan peralatan penyelamat bagi mencapai piawaian <i>technical airworthiness</i> yang dikeluarkan oleh badan pengawal, (DCA, DGTA, ICAO dan OEM) berdasarkan kontrak.</p> | <p>7. <i>Monitor and implement procedures for aircraft maintenance and rescue equipment to achieve the technical standards of airworthiness issued by the regulatory body, (DCA, DGTA, ICAO and OEM) on a contractual basis.</i></p> |
| <p>8. Mengumpul dan mengurus pangkalan data bagi alat ganti, alat bantuan penerbangan dan bahan api pesawat serta maklumat penerbangan.</p> | <p>8. <i>Collect and manage a database of spare parts, tools and fuel cost flight and flight information.</i></p> |
| <p>9. Melaksana dan memastikan pematuhan terhadap kompetensi personel berdasarkan peraturan DCA dan DGTA.</p> | <p>9. <i>To implement and ensure compliance with the competence of personnel in accordance with the rules and DGTA DCA.</i></p> |
| <p>10. Melaksana dan mengawalselia prosedur keselamatan pengendalian dan kualiti & kuantiti bahan api pesawat sentiasa mencukupi serta pengisian bahan api pesawat.</p> | <p>10. <i>Implement and monitor quality control and safety procedures and the amount of fuel and air are sufficient refueling aircraft fire.</i></p> |
| <p>11. Melaksana dan memastikan kesiapsiagaan kenderaan dan peralatan logistik operasi.</p> | <p>11. <i>Implement and ensure kesiapsiagaan vehicles and equipment logistics operations.</i></p> |
| <p>12. Melaksana dan mematuhi arahan serta Perintah Tetap bagi operasi dan latihan.</p> | <p>12. <i>To implement and comply with the instructions and Standing Orders for operations and training.</i></p> |
| <p>13. Mengurus dan melaksana <i>airworthiness and operational training</i>.</p> | <p>13. <i>Managing and implementing airworthiness and operational training.</i></p> |
| <p>14. Melaksana dan mematuhi pelaksanaan dokumentasi MS ISO 9001:2008 JBPM serta penambahbaikan kualiti JBPM.</p> | <p>14. <i>Implement and adhere to the implementation of documentation MS ISO 9001: 2008 Rescue and Fire and Rescue quality improvement.</i></p> |
| <p>15. Mematuhi dasar keselamatan udara yang merangkumi objektif dan polisi keselamatan, pengurusan risiko keselamatan, jaminan keselamatan dan polisi keselamatan latihan selaras dengan Dasar Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan JBPM.</p> | <p>15. <i>Compliance with the security policy that includes objectives and security policy, safety risk management, safety assurance and safety training policy in accordance with Occupational Safety and Health Act JBPM.</i></p> |
| <p>16. Merancang, mengurus dan melaksana latihan berkala, latihan peralihan dan latihan pengukuhan serta kompetensi semua pegawai.</p> | <p>16. <i>To plan, manage and implement periodic training, transition training and strengthening of training and competence of all employees.</i></p> |

- | | |
|--|--|
| <p>17. Mengurus urusan pembekalan, stor dan pengurusan inventori pangkalan.</p> | <p><i>17. To manage the affairs of the supply, storage and inventory management database.</i></p> |
| <p>18. Mengurus dan memantau keluar masuk dokumen dan surat-menyurat.</p> | <p><i>18. Manage and monitor entry and exit documents and correspondence.</i></p> |
| <p>19. Mentauliahkan kompetensi setiap Juruterbang dan Anakapal setiap 3 dan 6 bulan berdasarkan peraturan DCA dan TUDM.</p> | <p><i>19. Certifying the competence of each pilot and Anakapal every 3 and 6 months by DCA regulations and RMAF.</i></p> |
| <p>20. Melaksana dan menguruskan <i>Flight Test</i> selepas penyelenggaraan pesawat bagi menentukan keselamatan dan <i>airworthiness</i> pesawat berdasarkan peraturan DCA dan TUDM.</p> | <p><i>20. Implement and manage the Flight Test aircraft after maintenance to ensure the safety and airworthiness of the aircraft under the DCA and the RMAF.</i></p> |
| <p>21. Merancang, mengurus dan mengkoordinasi perhubungan antara pangkalan dengan Ibu Pejabat JBPM dan agensi-agensi luar yang berkaitan.</p> | <p><i>21. To plan, manage and coordinate the relationship between the base and Rescue Headquarters and external agencies concerned.</i></p> |
| <p>22. Memantau, mengurus dan mentadbir kerja-kerja penyelenggaraan pesawat yang dilaksanakan oleh syarikat kontraktor mengikut terma-terma kontrak.</p> | <p><i>22. Monitor, manage and administer the aircraft maintenance work carried out by the contractor in accordance with the terms of the contract.</i></p> |

Simulasi Ebola

Tarikh : 25 November 2014
 Lokasi : Kota Kinabalu, Sabah

Simulasi ini adalah sebagai persediaan awal untuk memantapkan koordinasi dan kesiapsiagaan Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia bersama Kementerian Kesihatan Malaysia sekiranya diperlukan dalam menangani kes Ebola.

Ebola Simulation

*Date: 25 November 2014
 Location: Kota Kinabalu, Sabah*

This simulation is an early preparation for strengthening coordination and preparedness of Fire and Rescue Department Malaysia with the Ministry of Health Malaysia, where necessary in dealing with cases of Ebola.



MEDEVAC

Tarikh : 4 November 2014
Lokasi : Miri, Sarawak

Sebuah pesawat Mi-171 JBPM yang berpangkalan di Miri, Sarawak telah ditugaskan melaksanakan satu penerbangan medevac dari Hospital Miri ke Hospital Umum Kuching. Penerbangan diketuai oleh PKPgB Ahmad Fissol dan 7 krew penerbangan telah berjaya memindahkan seorang pesakit yang kritikal dan memerlukan rawatan segera di mana pesawat selamat mendarat di Kuching kira-kira jam 11.15 pagi

MEDEVAC

Date: 4 November 2014
Location: Miri, Sarawak

An Mi-171 aircraft based in FRDM Miri, Sarawak was commissioned to carry out a medevac flight from Miri Hospital to Kuching General Hospital. The operations was headed by PKPgB Ahmad Fissol and 7 flight crew has successfully managed to move a critical patient that requires immediate treatment. The aircraft safely landed in Kuching at around 11.15 am



Kursus Pengukuhan Payung Terjun JBPM Bersama Pasukan VAT 69 Dan PULPAK (Pusat Latihan Peperangan Khas) ATM

Tarikh : 4hb hingga 8hb April 2014
 Tempat : Tekah, Taiping, Perak

Latihan Pengukuhan Payung Terjun dijalankan untuk mengukuh dan memantapkan kemahiran payung terjun diantara Jabatan Bomba Dan Penyelamat Malaysia (JBPM), pasukan VAT 69 (PDRM) dan PULPAK(ATM). Latihan bersama disertai seramai 32 peserta yang dijalankan di Tekah, Taiping Perak selama lima (5) hari.

Perasmian penutup telah dilaksanakan oleh YAS Dato' Mahadi Bin Md. Ali bersama Ketua Penolong Pengarah JKDNKA (PGK) ACP Fisol Bin Saleh dan Timbalan Komander VAT 69 ACP Zainudian Bin Haji Samsuhadi.



Kejayaan program ini telah menunjukkan kerjasama yang baik diantara ketiga-tiga pihak. Semoga kerjasama yang terjalin akan berterusan dan memberi manfaat kepada semua pihak

Parachute Strengthening Course of the Joint Team FRDM, VAT 69 And PULPAK (Special Warfare Training Center) ATM

*Date: 4th to 8th April 2014
 Place: Tekah, Taiping, Perak*

Parachuting strengthening exercises carried out to strengthen and enhance the skills of parachuting between the Fire and Rescue Department of Malaysia (FRDM), VAT 69 team (RMP) and PULPAK (ATM). The joint training was participated by 32 participants conducted in Tekah, Taiping Perak for five (5) days.

Closing ceremony was officiated by YAS Datuk Mahadi Bin Md. Ali along with Assistant Director JKDNKA (PGK) ACP Fisol Bin Saleh and VAT 69 Deputy Commander ACP Zainudian Bin Haji Samsuhadi.

The success of this program has demonstrated good cooperation between the three parties. We hope that the collaboration will continue and be beneficial to all parties



Penerbangan Ihsan (Pemindahan Organ Hati Dan Buah Pinggang)

Tarikh : 25 Feb 2014

Lokasi : Hospital Sultanah Bahiyah (Alor Setar,Kedah) ke Hospital Selayang (Selangor)

Pesawat : AW 139

Pegawai Terlibat : Capt Syed Busri Tuanku Bujang
 : PgKB I Faizal Izani Azizan
 : PBK II Muhammad Ubadah Shuib
 : PB Mohd Rohaizat Yusof

Pesawat AW 139 melakukan penerbangan ihsan membawa Organ dalaman iaitu Hati dan Buah Pinggang pada 25 Feb 2014 (Isnin). Bertolak dari Pangkalan Udara Bertam, Pulau Pinang pada jam 7.23 pagi dan tiba di Hospital Sultanah Bahiyah (HSB) pada jam 7.42 pagi. Organ tersebut adalah milik seorang penderma berusia 49 tahun yang mengalami masalah 'brain death' akibat tumor di bahagian otak.Organ tersebut diletakkan didalam kotak khas diiringi oleh kakitangan Hospital Selayang (HS) dan Hospital Kuala Lumpur (HKL). Helikopter AW 139 berlepas dari HSB jam 7.50 pagi dan tiba di HS jam 9.20 pagi.



Courtesy Flights (Organ Transplant Liver And Kidney)

Date: 25 February 2014

Location: Hospital Sultanah Bahiyah (Alor Setar,Kedah) ke Hospital Selayang (Selangor)

Aircraft: AW 139

Involved officers : Capt Syed Busri Tuanku Bujang
 : PgKB I Faizal Izani Azizan
 : PBK II Muhammad Ubadah Shuib
 : PB Mohd Rohaizat Yusof

An AW 139 aircraft has made a courtesy flight of bringing the internal organs of the Heart and Kidney on 25 Feb 2014 (Monday). Based on the Air Base Bertam, Penang at 7:23 am and arrive in HSB (HSB) at 7:42 am. The organ is owned by a 49-year-old donor who had a problem 'brain death' as a result of brain tumour. The organ was placed in a special box accompanied by Selayang Hospital staff (HS) and Hospital Kuala Lumpur (HKL). AW 139 helicopter took off from HSB at 7.50 am and arrived at the HS at 9:20 am.

Operasi Banjir 2014-2015

Musim banjir yang telah dinantikan oleh warga pantai timur pada tahun 2014 kebiasaannya dianggap sebagai Pesta Air dan kini telah merubah mejadi banjir besar dan terburuk dalam sejarah.

Pada 24 Disember 2014 Bahagian Udara telah memulakan peranan sebagai penyelamat dengan menggerakkan kesemua aset udara dan darat dalam Operasi Banjir 2014. Seramai 58 orang pegawai pelbagai pangkat telah terlibat dalam operasi ini yang berperanan sebagai Komander Operasi, Pegawai Operasi, SAR darat, SAR udara, SCUBA, Pegawai Komunikasi, Media, Data dan rekod dan Pemandu. 21 orang Pegawai pula bertindak sebagai anakapal dimana pesawat yang terlibat adalah 2 pesawat AW 139 iaitu 9M-BOC dan 9M-BOD. Sebuah pesawat MI-17-IV iaitu 994-02 dan sebuah pesawat MI-171 iaitu 994-04 (Sarawak).

Flood Operation 2014-2015

Flood season that has been awaited by the people of the east coast in 2014 and was considered as water fiest have now become the worst floods incidents in history.

At 24 December 2014 Air Division has commenced role as savior by moving all of the air and ground assets in the Operation Flood 2014. 58 officers of various ranks have been involved in this operation who served as Commander of Operations, Operation Staffs, ground SAR, air SAR, SCUBA, Communications, Media, Data and records and drivers. 21 staff also acted as crews where the plane involved were 2 planes of AW-139 that were 9M-BOC and 9M-BOD. An aircraft of MI-17-IV that was 994-02 and a MI-171 plane that was 994-04 (Sarawak).



Operasi udara telah Berjaya menghantar bekalan makanan dan ubatan dan telah merekodkan sejumlah 62900 kg. Pesakit yang telah Berjaya dipindahkan seramai 48 orang (MEDEVEC) dan mangsa banjir yang lain seramai 69 orang dimana 88 sortie telah dibuat pesawat Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia dalam operasi tersebut.

Sejumlah 24000kg barang-barang keperluan pula berjaya disalurkan kepada mangsa banjir melalui pengangkutan darat dan 5 orang mangsa banjir telah berjaya dipindahkan.

The operations have been successfully supplied food and medicine and has recorded a total of 62,900 kg. Patients who have been successful transferred a total of 48 (MEDEVEC) and other victims were 69 people where 88 sortie was made by aircraft Fire and Rescue Department of Malaysia in the operation.

24000kg number of essential commodities were successfully distributed to flood victims through the land and 5 flood victims had been evacuated.



16 TH Asiana Parachuting Championships and Indonesia International Open 2014

Sejarah Payung terjun Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia telah tercipta apabila 9 orang pegawai telah menyertai satu pertandingan Asiana Parachuting Championships and Indonesia International Open pada 5 sehingga 15 September 2014 di Bandung Indonesia.

Dua acara yang telah disertai iaitu Accuracy Team dan Formation Skydiving 4-ways daripada 5 acara yang ditawarkan dan seramai 21 buah negara telah turut serta dalam pertandingan itu. Pasukan Bomba telah mendapat tempat ke 18 untuk acara Accuracy Team dan ke 11 untuk Formation Skydiving dari 22 buah pasukan kesemuanya. Majlis pembukaan kejohanan ini telah dirasmikan oleh Petahanan Marsekal TNI Ida Bagus Putu Dunia (Kepala Staf TNI Angkatan Udara) di Lapangan Terbang Husein.



16th Asiana Parachuting Championships and Indonesia International Open 2014

History in FRDM Parachuting was created when 9 officers participated in the Asiana Parachuting Championships and Indonesia International Open at 5 to 15 September 2014 in Bandung, Indonesia.

Two events were participated which were the Accuracy Team and Formation Skydiving 4-ways from the 5 events are offered and a total of 21 countries have participated in the competition. FRDM has finished at the 18th placing in Accuracy Team Event and 11th in the Formation Skydiving from the 22 teams in total. The opening ceremony of the tournament was inaugurated by Air Marshal TNI defense Ida Bagus Putu Dunia (Chief of Staff of the Air Force) at Husein Airport.

KURSUS ASAS KUATERMASTER UDARA SIRI 1/2014

AIR QUARTERMASTER BASIC COURSE FOR SERIES 1/2014

Kursus Asas Kuatermaster Udara dianjurkan oleh Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia dengan kerjasama Kolej Tentera Udara (KTU) yang bertujuan untuk melahirkan anak kapal (Kuatermaster Udara) yang kompeten dalam pengendalian setiap jenis pesawat yang terdapat di Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia. Daripada 150 borang permohonan yang diterima, hanya 30 orang sahaja yang layak untuk menyertai kursus ini. Kerjasama erat diantara Kolej Tentera Udara (KTU), Bahagian Latihan Ibu Pejabat JBPM, Pangkalan Udara JBPM Subang dan FRAM Wakaf Tapai telah berjaya melaksanakan modul-modul kursus seperti modul asas ikhtiar hidup di hutan, modul kursus ilmu penerbangan asas dan modul ikhtiar hidup di air.

Basic Course for Air Quartermaster organized by Fire and Rescue Department of Malaysia in collaboration with the College of Air Force (KTU), which aims to produce crews (Air Quartermaster) which competent in handling every type of aircraft that are owned by Fire and Rescue Department of Malaysia. 150 application forms were received, and only 30 were eligible to participate in the course. Close collaboration between the College of Air Force (KTU), the Training Division of FRDM Headquarters, FRDM Subang Air Base and FRAM Wakaf Tapai has been successfully implementing the modules of courses such as basic module of survival in the jungle, basic modules and water survival module.



Sepanjang kursus ini, para peserta telah menunjukkan prestasi yang baik dan membanggakan. Modul asas ikhtiar hidup di hutan telah dijalankan selama 28 hari di Tasik Kenyir, Terengganu. Modul ikhtiar hidup di air telah dijalankan selama 7 hari di Pulau Wan Man Marang, Terengganu. Manakala modul kursus ilmu penerbangan asas akan dilaksanakan di FRAM Wakaf Tapai pada 15 April 2015.

Throughout the course, the participants have to perform well and be proud of. The basic module of survival in the jungle have been carried out for 28 days in Tasik Kenyir, Terengganu. Module survival in water was carried out for 7 days at Pulau Wan Man Marang, Terengganu. Whereas the basic modules will be implemented in the FRAM Wakaf Tapai on 15 April 2015.



BAHAGIAN PEMBANGUNAN *Development Division*




PIAGAM PELANGGAN

- Melaksanakan pembangunan fizikal kebombaan yang menepati keperluan teknikal, norma piawai, kualiti dan sumber kewangan dalam jangka masa yang telah ditetapkan
- Membuat proses perolehan peralatan dan kelengkapan mengikut dasar perancangan Jabatan, menepati prosedur piawai dan keperluan operasi, dalam jangka masa yang ditetapkan
- Merancang, mengurus dan memantau peruntukan kewangan Kerajaan dan menepati jangka masa yang ditetapkan
- Mengurus dan menyediakan baucher pembayaran tuntutan projek pembangunan dan perolehan dalam jangka masa empat belas (14) hari daripada tarikh penerimaan dokumen lengkap

CLIENT CHARTER

- *Implement physical development of FRDM which meets the technical requirements, the standard norms, quality and financial resources within the specified time*
- *Make the process of procurement of equipment and fittings in accordance with department planning policy, meets the standard procedures and operational requirements, within the specified time*
- *Plan, manage and monitor the provisions of the Government's financial and meet the prescribed period*
- *Manage and provide vouchers for payment of claims and acquisition of development projects within fourteen (14) days from the date of receipt of complete documents*

CARTA ORGANISASI BAHAGIAN PEMBANGUNAN JBPM
Organisation Chart of FRDM Development Division



MESYUARAT PEGAWAI-PEGAWAI PEMBANGUNAN NEGERI

Sebanyak tiga Mesyuarat Pegawai-pegawai Pembangunan Negeri telah diadakan pada tahun 2014. Mesyuarat pertama diadakan di Port Dickson, Negeri Sembilan diikuti Putrajaya dan akhir sekali di Kota Kinabalu, Sabah.

Mesyuarat-mesyuarat berkenaan telah berjaya mengenalpasti isu-isu semasa mengenai keperluan pembinaan balai bomba mengikut kajian risiko setempat bagi merealisasikan pembinaan 150 balai bomba kategori D sehingga tahun 2020.

Selain daripada itu, mesyuarat turut membincangkan aspek penyelenggaraan aset-aset tak alih yang terdapat di seluruh negara.

STATES DEVELOPMENT OFFICERS MEETING

A number of three meetings of the State Development Officers were held in 2014. The first meeting was held in Port Dickson, Negeri Sembilan followed in Putrajaya and finally in Kota Kinabalu, Sabah.

The meetings were able to identify current issues of fire station construction requirements according to local risk assessment for the realization of the construction of 150 units of category D fire stations until 2020.

In addition, the meeting also discussed aspects on maintenance of immovable assets located throughout the country.



Mesyuarat Pegawai-pegawai Pembangunan Bil 1/2014 di Port Dickson, Negeri Sembilan
Development Officers Meeting No 1/2014 in Port Dickson, Negeri Sembilan



Mesyuarat Pegawai-pegawai Pembangunan Bil 3/2014 di Kota Kinabalu, Sabah
Development Officers Meeting No 3/2014 in Kota Kinabalu, Sabah

BAHAGIAN PENGURUSAN / *Management Division*

CAWANGAN SUMBER MANUSIA

Human Resource Branch



VISI

Menyediakan perkhidmatan strategik demi membantu Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia menjadi sebuah organisasi kebombaan dan penyelamatan yang bertaraf antarabangsa.

MISI

Pengurusan perkhidmatan sokongan yang komited dalam menyumbang ke arah perkhidmatan kebombaan dan penyelamatan yang profesional dengan menggunakan sumber dan teknologi terkini secara berkesan.

OBJEKTIF

Sistem penyampaian perkhidmatan sokongan berprinsipkan kompetensi, integriti dan akauntabiliti dalam mentadbir aktiviti-aktiviti kewangan, pentadbiran, sumber manusia dan teknologi maklumat yang cekap dan berkesan.

VISION

Provide strategic services to assist Fire and Rescue Department of Malaysia in becoming as an international level of fire and rescue organization.

MISSION

Managing the support services that are committed to contribute in providing professional fire and rescue services by utilising the latest technology and resources effectively.

OBJECTIVE

Support service delivery system with the principles of competency, integrity and accountability in administering the activities of finance, administration, human resources and information technology efficiently and effectively.

FUNGSI CAWANGAN SUMBER MANUSIA
Roles of Human Resource Branch



CAWANGAN TEKNOLOGI MAKLUMAT

Information Technology Branch



OBJEKTIF

Bertanggungjawab untuk menyediakan infrastruktur dan perkhidmatan ICT yang lengkap dan mantap yang dapat membantu Jabatan menjalankan tugas dan fungsi-fungsinya dengan cekap dan berkesan.


OBJECTIVES

Responsible for providing a complete and robust ICT infrastructure and services that can assist the department to carry out its duties and functions efficiently and effectively.

CARTA ORGANISASI CAWANGAN TEKNOLOGI MAKLUMAT
JABATAN BOMBA DAN PENYELAMAT MALAYSIA

Organization Chart of Information Technology Branch

Fire and Rescue Department of Malaysia



FUNGSI

FUNCTION

Merancang, membangun, mengurus dan memantau :

Design, develop, manage and monitor:

- Strategi-strategi dan dasar ICT Jabatan
- Rangkaian Local Area Network (LAN) dan Wide Area Network (WAN) JBPM
- Sistem aplikasi
- Laman web rasmi JBPM
- E-mel rasmi JBPM
- Perolehan ICT
- Operasi harian dan keselamatan pusat data
- Keselamatan ICT
- Penyelenggaraan ICT
- Bantuan teknikal dan khidmat nasihat berkaitan ICT kepada pengguna
- Program latihan dan pembudayaan ICT secara berterusan

- *ICT Department's Strategies and policy*
- *Local Area Network (LAN) and Wide Area Network (WAN) of FRDM*
- *Application system*
- *Official website of FRDM*
- *Official E-mail of FRDM*
- *ICT Procurement*
- *Daily operations and data center security*
- *ICT Security*
- *ICT Maintenance*
- *Technical assistance and advisory services related to ICT for users*
- *Training and on-going ICT acculturation*

PERJAWATAN PEGAWAI IT JBPM NEGERI-NEGERI

Allocation of IT Officers in States

Bil / No.	Negeri / States'	F32	F29	FT17
1	Perlis	-	1	-
2	Kedah	1	-	-
3	Pulau Pinang	1	-	-
4	Perak	1	-	-
5	Selangor	1	-	1
6	W.P. Kuala Lumpur	1	-	0
7	Negeri Sembilan	-	1	-
8	Melaka	-	1	-
9	Johor	1	-	1
10	Pahang	1	-	-
11	Terengganu	-	1	-
12	Kelantan	-	1	-
13	Sabah	1	-	0
14	Sarawak	1	-	-
15	W.P. Labuan	-	1	-
16	W.P. Putrajaya	-	1	-
17	FRAM Wakaf Tapai	1	-	1
18	FRAM KKB	-	1	0
Jumlah / Total		10	8	3

PROGRAM DAN AKTIVITI TAHUNAN BAGI TAHUN 2014

Programmes and Annual Activities In Year 2014

MESYUARAT

MEETING

Mesyuarat Jawatankuasa Pemandu ICT (JPICT) JBPM Bagi Tahun 2014

ICT Steering Committee Meeting (JPICT) of FRDM For The Year 2014

- Mesyuarat JPICT JBPM Bil. 1/2014 pada 18 Februari 2014
- Mesyuarat JPICT JBPM Bil. 2/2014 pada 27 Ogos 2014

- FRDM JPICT Meeting No. 1/2014 on 18 February 2014
- FRDM JPICT Meeting No. 2/2014 on 27 August 2014

Mesyuarat Teknikal Laman Web

Website Technical Meeting

- Mesyuarat Jawatankuasa Teknikal Laman Web Bil. 1/2014 pada 18 Februari 2014
- Mesyuarat Jawatankuasa Teknikal Laman Web Bil. 1/2014 pada 27 Ogos 2014

- Website Technical Committee Meeting No.1/2014 on 18 February 2014
- Website Technical Committee Meeting No.2/2014 on 27 August 2014

PEMBANGUNAN PELAN STRATEGIK ICT (PSICT) 2014-2018

ICT STRATEGIC DEVELOPMENT PLAN (PSICT) 2014-2018

JBPM telah membangunkan Pelan Strategik ICT (PSICT) pada akhir Disember 2013. PSICT ini telah dibangunkan bersama-sama dengan Bahagian, Jabatan dan Agensi di bawah Kementerian Kesejahteraan Bandar, Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT). PSICT ini akan digunapakai bagi tempoh lima (5) tahun bermula dari tahun 2014-2018. Pelan tindakan yang telah dirancang di dalam PSICT ini mengikut teras masing-masing, akan dilaksanakan oleh JBPM bagi memastikan usaha pengkomputeran sentiasa selari dan menyokong fungsi, misi dan visi JBPM yang telah digariskan.

FRDM has developed a Strategic Plan (PSICT) at the end of December 2013. PSICT was developed jointly with the Division, Departments and Agencies under the Ministry of Urban Wellbeing, Housing and Local Government (MHLG). PSICT will be applicable for a period of five (5) years commencing from the year 2014 to 2018. The action plan that has been designed in this PSICT was according to their core, to be implemented by the FRDM to ensure that the computing effort is always parallel and support functions, mission and vision outlined by FRDM.



PENGGUNAAN RANGKAIAN 1gov*Net

JBPM telah menggunakan talian wide area network (WAN) 1Gov*Net yang bermula dari tahun 2011. Sehingga 31 Disember 2014, sejumlah 289 buah lokasi atau premis Jabatan telah dipasangkan dengan talian 1Gov*Net ini.

Dengan menggunakan talian 1Gov*Net, capaian kepada aplikasi-aplikasi e-Kerajaan, aplikasi dalaman agensi dan internet adalah lebih selamat dan diyakini melalui kualiti perkhidmatan yang diuruskan secara berpusat oleh MAMPU.

Dari masa ke semasa sepanjang tahun 2014, JBPM telah berusaha memohon untuk menaiktaraf kelajuan bandwidth bagi lokasi-lokasi yang mempunyai tahap penggunaan yang tinggi dan bilangan pengguna yang ramai. Bagaimanapun, kelulusan dan pelaksanaan naiktaraf ini adalah bergantung kepada pertimbangan pihak MAMPU.

Bilangan lokasi JBPM mengikut kelajuan bandwidth talian 1Gov*Net adalah seperti berikut :

USING THE NETWORK OF 1gov * Net

FRDM have been using the wide area network (WAN) of 1Gov*Net beginning of 2011. As of 31 December 2014, a total of 289 locations or premises belongs to the department have been equipped with the 1Gov * Net online.

By using the online 1Gov * Net, access to applications, e-Government, internal applications and internet are more secure and reliable as service quality is centrally managed by MAMPU.

From time to time during the year of 2014, FRDM have put efforts to apply in upgrading the bandwidth speed for locations that have a high level of usage and number of users. However, the approval and implementation of this upgrading depends on the consideration by MAMPU.

The number of FRDM locations based on online bandwidth speed for 1Gov * Net are as follows:

Bil / No.	Perkara / Items	Kuantiti / Quantity	Catatan / Notes
1	Managed IPVPN over Metro-E access - 10 Mbps with SLG 99.7%	3 lokasi	Ibu Pejabat JBPM Ibu Pejabat JBPM Pulau Pinang ABPM Wakaf Tapai
2	Managed IPVPN over Metro-E access - 8 Mbps with SLG 99.7%	1 lokasi	JBPM Putrajaya
3	Managed IPVPN over Metro-E access - 6 Mbps with SLG 99.7%	105 lokasi	-
4	Managed IPVPN over Leased Line access - 2 Mbps with SLG 99.7%	162 lokasi	-
5	Managed IPVPN over Leased Line access - 1 Mbps with SLG 99.7%	2 lokasi	BBP Kemaman BBP Tenom
6	Managed VSAT 2 Mbps/512 Kbps	3 lokasi	BBP Kudat BBP Marudi BBP Saratok
7	Managed VSAT 1 Mbps/512 Kbps dan lebih rendah	13 lokasi	BBP Bintangor BBP Sarikei BBP Kulim BBP Pantai Remis BBP Kuala Kurau BBP Jalan Kubu BBP Lenggong BBP Slim River BBP Pulau Pangkor BBP Parit Buntar BBP Selama BBP Kuala Kangsar BBP Gerik

Status pemasangan rangkaian 1Gov*Net bagi JBPM di seluruh negara sehingga 31 Disember 2014
*Status on the Installation of 1Gov*Net Network for FRDM in whole region until 31 December 2014*

1GOVUC

JBPM telah menggunakan perkhidmatan e-mel rasmi 1GovUC bermula dari 1 November 2013. Sehingga akhir Disember 2014, terdapat sejumlah 6,140 bilangan akaun e-mel yang telah diwujudkan bagi kegunaan pegawai dan kakitangan Jabatan. Dari semasa ke semasa, pemantauan dan semakan dilakukan oleh Jabatan bagi mengenalpasti akaun-akaun yang tidak aktif dan boleh dihapuskan bagi menyokong langkah penjimatan oleh Kerajaan.

1GOVUC

FRDM has been using official e-mail service from 1GovUC with effective from 1 November 2013. As of the end of December 2014, there were a total of 6,140 e-mail accounts that have been created for the officers and staff of the Department. From time to time, monitoring and review are undertaken by the Department to identify the accounts that are inactive and can be deleted in order to support the saving measures by the Government.



BEKALAN PERKAKASAN ICT BAGI KEGUNAAN JBPM

Pada tahun ini, Jabatan telah membuat perolehan sebanyak 667 unit komputer, 273 unit komputer riba, 431 unit perisian Microsoft Office dan 80 unit pencetak bar code bagi kegunaan Ibu pejabat JBPM, Ibu Pejabat JBPM Negeri, Akademi Bomba dan Penyelamat dan Pusat Pemeriksaan eFEIS dan lain-lain lokasi mengikut keperluan.

ICT HARDWARE SUPPLY FOR FRDM

This year, the Department has made a procurement of 667 units of computers, 273 units of laptops, 431 units of Microsoft Office software and 80 units of bar code printers for FRDM Headquarters, FRDM States Headquarters, Fire and Rescue Academy and eFEIS Centre and other locations as per needed.

Perolehan ini bernilai RM2,135,988.50. Penghantaran kesemua peralatan ICT ini telah selesai dilakukan di dalam bulan Disember 2014.

This procurement worth RM2, 135,988.50. Delivery of all these ICT equipment was completed in December 2014.


Bil Na.	Perkara Item	Kuantiti Asal Initial Quantity	Kuantiti Tambahan Additional Quantity	Jumlah Total
1	Komputer Computers	445	222	667
2	Komputer Riba Laptops	182	91	273
3	Perisian MS Office Softwares	266	165	431
4	Pencetak Bar Code Bar Code Printers	80	-	80

PERISIAN ENDPOINT PROTECTION SUITE (EPS)

Jabatan telah membuat perolehan sebanyak 4,781 unit lesen EPS Panda Cloud pada tahun 2014. Perolehan lesen perisian EPS ini adalah bagi memastikan keselamatan komputer-komputer di JBPM daripada ancaman keselamatan siber. Perisian ini dipasang pada komputer-komputer di semua peringkat JBPM, yang merangkumi Ibu Pejabat, Cawangan, Ibu Pejabat Negeri (IP Negeri), Akademi Bomba dan Penyelamat Malaysia (FRAM) dan Balai Bomba dan Penyelamat (BBP). Perisian EPS ini akan digunakan oleh Jabatan sehingga akhir tahun 2017.

ENDPOINT PROTECTION SUITE (EPS) SOFTWARE

The Department has made a procurement of 4,781 units licenses of EPS Panda Cloud in year 2014. The procurement of EPS software licenses is to ensure safety of computers at FRDM from cyber threats. The software was installed on computers at all levels of FRDM, which includes Headquarters, Branches, State Headquarters (States HQ), Fire and Rescue Academy of Malaysia (FRAM) and Fire Stations. EPS Software will be used by the Department until the end of 2017.



PEMBANGUNAN SISTEM PENGURUSAN MAKLUMAT BERSEPADU (SPMB)

Bermula dari tahun 2011, pelbagai sistem aplikasi online telah dibangunkan oleh JBPM untuk membantu kelancaran operasi harian bagi fungsi-fungsi utama Jabatan yang melibatkan fungsi keselamatan kebakaran, operasi memadam kebakaran dan menyelamatkan serta penyiasatan kebakaran.

Bagi membolehkan maklumat yang terdapat di dalam sistem-sistem aplikasi JBPM diurus dan dihubungkan di antara satu sama lain, JBPM telah membangunkan Sistem Pengurusan Maklumat Bersepadu (SPMB). Buat permulaan, SPMB pada masa kini hanya memfokuskan kepada komputerisasi bagi perkara yang melibatkan aspek keselamatan kebakaran. Proses kerja yang terlibat adalah Pelesenan Perniagaan, Semakan Pelan, Pemeriksaan Certificate of Completion and Compliance (CCC), Perakuan Bahan, Kesedaran Awam, Perakuan Bomba (FC), Menghapus Bahaya Kebakaran (MBK) dan penjanaan laporan serta statistik.

SPMB dibangunkan secara outsource oleh syarikat pembangun aplikasi dengan kos sebanyak RM370,700.00. Sistem ini dijangka akan dapat digunakan sepenuhnya pada bulan April 2015.

DEVELOPMENT OF INTEGRATED INFORMATION MANAGEMENT SYSTEM (IIMS)

Starting from 2011, a variety of online application system was developed by FRDM to assist in daily operation of key functions involving the Department in fire safety, fire fighting and rescue operations and also fire investigation.

To enable the information contained in the application systems managed and connected between each other, FRDM has developed an Integrated Information Management System (IIMS). For a start, IIMS currently focused on the computerization involving fire safety aspects. The work processes that were involved such as Business Licensing, Revised Plan, Inspection Certificate of Completion and Compliance (CCC), Certificate of Materials, Public Awareness, Fire Certificate (FC), Fire Hazard Abatement and the preparation of reports and statistics.

IIMS was developed with a cost of RM370,700.00. This system is expected to be fully utilized in April 2015.

PEMBANGUNAN SISTEM e-PERTUKARAN

Sistem ePertukaran telah dibangunkan dalam tempoh 3 bulan secara outsource dengan kos sebanyak RM96,000. Sistem ini disediakan untuk memudahkan proses permohonan pertukaran pegawai dan kakitangan beruniform yang diuruskan oleh Cawangan Pembangunan Sumber Manusia. Dengan adanya sistem ini, proses pertukaran dijangka akan menjadi lebih cepat dan telus. Sistem ini dijangka akan dapat digunakan sepenuhnya pada bulan April 2015.

LATIHAN DAN KURSUS ICT

Pada tahun 2014, Cawangan Teknologi Maklumat telah berjaya menganjurkan latihan dan kursus teknikal berkaitan ICT, bagi meningkatkan lagi pengetahuan dan kemahiran personel IT di Jabatan. Senarai kursus dan latihan yang telah dianjurkan oleh Cawangan Teknologi Maklumat adalah seperti berikut :

1. Latihan Pengurusan Laman Web Rasmi JBPM pada 25 - 26 Ogos 2014
2. Kursus Multimedia Grafik Animas dan Penyuntingan Video pada 14 - 16 April 2014
3. Kursus TCP/IP IPv4 dan Pengenalan IPv6 pada 17 - 19 September 2014
4. Kursus Windows Server Administrator pada 3 - 5 November 2014

PEMBAIKAN KOMPUTER DAN SOKONGAN TEKNIKAL

Cawangan Teknologi Maklumat (CTM) dan unit IT di peringkat JBPM Negeri, telah melaksanakan tugas-tugas penyelenggaraan perkakasan ICT dan memberi sokongan teknikal dalam penganjuran acara-acara dan majlis anjuran Jabatan sepanjang tahun 2014.

Pelbagai jenis aduan berkaitan dengan ICT (perkakasan, sistem aplikasi, perisian) telah diterima dan di selesaikan oleh personel IT Jabatan. Selain daripada itu, personel IT juga terlibat di dalam kerja-kerja multimedia kreatif seperti pembikinan montaj, buletin, video dan bahan-bahan multimedia yang seumpamanya.

Sejumlah 307 aduan telah diterima oleh CTM di Ibu Pejabat. Daripada jumlah itu, 96 peratus pembaikan telah berjaya dilakukan, iaitu 296 aduan. Baki sebanyak 11 aduan akan diselesaikan dalam awal tahun 2015, yang melibatkan urusan penggantian alat oleh pihak pembekal.

e-TRANSFER SYSTEM DEVELOPMENT

e-Transfer system has been developed over a period of 3 months via outsourced at a cost of RM96,000. The system was designed to facilitate the application process for the transfer of officers and fire fighters, managed by the Human Resource Development Branch. With this system, the transfer process was expected to be faster and more transparent. This system was expected to be fully utilized in April 2015.

TRAINING AND ICT COURSES

In year 2014, the Information Technology Branch has successfully organized training and technical courses pertaining to ICT, in order to enhance the knowledge and skills of IT personnel in the Department. List of training courses organized by the Information Technology Branch are as follows:

1. *FRDM Official Website Management Training from 25 - 26 August 2014*
2. *Animations Graphics and Multimedia Video Editing Course on 14 - 16 April 2014*
3. *The TCP / IP IPv4 and IPv6 introduction course on 17 - 19 September 2014*
4. *Windows Server Administrator Course on 3 - 5 November 2014*

COMPUTER REPAIR AND TECHNICAL SUPPORT

Information Technology Branch and IT units in the States FRDM, has performed the maintenance duties of ICT hardware and technical support in the events organized by the Department during 2014.

Various types of complaints related to ICT (hardware, system, application, software) have been received and was solved by IT department. In addition, IT personnel were also involved in creative multimedia works such as making montages, newsletters, video and other multimedia materials.

A total of 307 complaints were received by Information Technology Branch at Headquarters. Of the total, 96 per cent of the repair was successfully performed, (296 complaints). The balance of 11 complaints will be completed in early 2015, involving the replacement of parts by the supplier.

Diterima <i>Received</i>	Dalam Tindakan <i>Actions Taken</i>	Selesai <i>Solved</i>
307	11	296

PEROLEHAN / *Procurements*

Bil <i>No.</i>	Bulan <i>Month</i>	Perkara <i>Items</i>	Kos (RM) <i>Cost (RM)</i>
1	April 2014	Perkakasan dan Perisian ICT <i>ICT Hardware and Software</i>	2,135,988.50
2	Mei / <i>May</i> 2014	Pembangunan Sistem Pengurusan Maklumat Bersepadu (SPMB) <i>Integrated Information Management System (IIMS)</i>	370,700.00
3	Julai / <i>July</i> 2014	Pembangunan Sistem ePertukaran <i>e-Transfer System Development</i>	96,000.00
4	Ogos / <i>August</i> 2014	Endpoint Protection Suite (EPS) <i>Endpoint Protection Suite (EPS)</i>	599,141.50

PENGURUSAN PSIKOLOGI

Psychology Management



Perkhidmatan psikologi mula diperkenalkan secara formal di Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia pada 8 Ogos 2011. Keperluan perkhidmatan ini adalah selaras dengan arahan Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 1 Tahun 1999: Panduan Mewujudkan Perkhidmatan Kaunseling Di Agensi Awam, dan Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 18 Tahun 2005: Panduan Aplikasi Psikologi Dalam Pengurusan Sumber Manusia Sektor Awam.

Fungsi utama unit ini adalah untuk menjadikan perkhidmatan psikologi sebagai teras kepada aspek pembangunan modal insan dalam pengurusan sumber manusia melalui aspek berikut:

1. Pembangunan

Merancang, melaksana dan memantau program psikologi yang dapat mempertingkatkan potensi serta prestasi pegawai selaras dengan objektif individu dan organisasi.

2. Pencegahan

Menggunakan kaedah psikologi yang bersesuaian bagi memastikan perkhidmatan awam dianggotai oleh pegawai yang berkualiti melalui proses pemilihan, penempatan, pengurusan prestasi dan pembangunan kompetensi.

3. Pemulihan

Memberi dan menyediakan program psikologi untuk individu membuat perubahan dengan mempertingkatkan keupayaan mengurus emosi, tingkah laku dan pemikiran.

Psychological services were introduced formally at the Fire and Rescue Department of Malaysia on 8 August 2011. The need for these services were in line with the directives of the Circular No. 1 of 1999: A Guide to Creating Counselling Services in Public Agencies, and Circular No. 18 of 2005: Psychology Application Guide in Human Resource Management in Public Sector.

The main function of this unit is to make psychological services as a core aspect of human capital development in human resource management through the following aspects:

1. Development

Planning, implementing and monitoring programs in psychology that can enhance the potential and performance of employees in line with the objectives of the individual and the organization.

2. Prevention

Using psychological methods that are relevant as to ensure that the public service consisted by qualified officers through a process of selection, placement, performance management and competency development.

3. Recovery

To give and provide psychological program for individuals who intend to make changes as to improve the ability to manage emotions, behaviour and thoughts.

Perkhidmatan psikologi atau aplikasi psikologi dalam pengurusan sumber manusia merupakan antara langkah-langkah yang dilakukan dalam mewujudkan perubahan yang positif kepada penjawat awam. Ia merupakan usaha untuk mempertingkatkan kecemerlangan diri (penjawat awam) dan organisasi ke arah perkhidmatan awam kelas pertama. Aplikasi ini mengambil kira elemen emosi, tingkah laku dan kognitif seseorang penjawat awam. Ia merangkumi aspek penilaian, bimbingan, khidmat nasihat, sokongan dan penambahbaikan kepada pegawai itu sendiri dengan menggabungkan semua aspek keperluan kemanusiaan. Pemahaman ini berdasarkan prinsip bahawa setiap pekerja atau penjawat awam merupakan satu entiti yang berkembang yang memerlukan bantuan dan bimbingan untuk terus berjaya dalam hidupnya.

FOKUS TAHUN 2014

1. Peranan dan frasarana Unit Pengurusan Psikologi.
 - a. Mengemukakan cadangan bagi membolehkan Unit Pengurusan Psikologi berfungsi terus kepada Timbalan Pengarah Pengurusan (Sumber Manusia);
 - b. Memastikan bilik konsultasi/kaunseling dan prasarana perkhidmatan psikologi adalah kondusif;
 - c. Mengemukakan cadangan untuk menambah jawatan; dan
2. Program Rakan Pembimbing Perkhidmatan Awam (AKRAB).
 - a. Memastikan semua JBPM Negeri dan Akademi mempunyai sekurang-kurangnya seorang ahli AKRAB;
 - b. Meningkatkan lagi kemahiran dan jati diri ahli AKRAB melalui kursus training of trainers (TOT);
 - c. Penerangan/taklimat mengenai AKRAB kepada JBPM Negeri dan Akademi;
 - d. Memantapkan lagi bahan pameran AKRAB; dan
 - e. Melantik Jawatankuasa AKRAB sesi 2015-2016.
3. Program Pementoran.
 - a. Menyediakan laporan analisis keberkesanan pelaksanaan program pementoran; dan
 - b. Menyemak semula Kit Pementoran.

Psychological services or the application of psychology in human resources management are some of the steps taken to create positive change for civil servants. It is an attempt to enhance individual excellence (civil servants) and public service towards first class organizations. This application takes into account the element of emotion, behaviour and cognitive public servants. It covers aspects of assessment, guidance, advice, support and improvements to the employees themselves by combining all aspects of the humanitarian needs. This understanding is based on the principle that every employee or public servant is a growing entity who needs help and guidance to succeed in life.

FOCUS IN YEAR 2014

1. Roles and infrastructure of the Psychological Management Unit.
 - a. To submit a proposal as to enable the Management Unit of Psychology in order to work directly under the Deputy Director of Management (Human Resources);
 - b. To ensure consultation / counselling room and infrastructure of psychological services is conducive;
 - c. To submit a proposal for additional staffs; and
2. Public Service Peer Guidance Programme.
 - a. Ensuring that all State FRDM and Fire Academies have at least one member of AKRAB;
 - b. Improve the skills and self-esteem of AKRAB representative through training of trainers course (TOT);
 - c. Description / briefing on AKRAB to State FRDM and the Fire Academy;
 - d. Improve the AKRAB's material for exhibitions; and
 - e. Appoints of AKRAB's Committee for 2015 2016 session.
3. Mentoring Programme.
 - a. To prepare analysis report on the effectiveness of mentoring programs' implementation; and
 - b. Reviewing the Mentoring Kit.

4. Program intervensi.

